



SPRM @ MEDIA 2022

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA



Bahagian Komunikasi Strategik

Aras 18, Blok C,

Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM),

No 2, Lebuhr Wawasan, Presint 7,

62250 Putrajaya

Tel: 03-8870 0016

Emel: komunikasi@sprm.gov.my

Semua hakcipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengulang siar mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada elektronik, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa kebenaran hak cipta terlebih dahulu.

Pencetak

D'FA PRINT SDN BHD (352051-K)

16, Jalan P10/21, Taman Perindustrian Selaman,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor

Sidang Redaksi

Ketua Pengarang

PKPj Kamaruddin M. Ripin
Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Pengarang

Jules Rahman Ong
Timbalan Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Penyunting

Mohd Azam Shah Yaacob
Ketua Cawangan Komunikasi Dalaman
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Penyumbang Bahan

Jules Rahman Ong
Badrila Jamlus
Azrai Mohammad
Yuogawathy Veeranan

Isi Kandungan

04-05

**Sekapur Sirih
dan Seulas Pinang**

66-77

**Kompilasi Rencana
Bahasa Inggeris**

100-102

**Kompilasi Rencana
Bahasa Tamil**

06-65

**Kompilasi Rencana
Bahasa Malaysia**

78-99

**Kompilasi Rencana
Bahasa Cina**



Sekapur Sirih

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, buku SPRM@MEDIA 2022 Bahagian Komunikasi Strategik (BKS), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dapat disempurnakan penerbitannya.

Buku ini mengandungi kompilasi rencana yang memaparkan perkongsian maklumat, idea dan pandangan Pengurusan Tertinggi serta pegawai-pegawai SPRM selain pakar-pakar luar membabitkan isu-isu berkaitan rasuah.

Segala maklumat yang dipaparkan dalam buku ini boleh dijadikan panduan bukan sahaja kepada pegawai SPRM dalam melaksanakan tanggungjawab pencegahan dan penguatkuasaan antirasuah, sebaliknya mampu memberi penjelasan kepada masyarakat dalam mendapatkan maklumat mengenai usaha-usaha dijalankan Suruhanjaya ini.

Buku ini ibarat gedung ilmu yang mampu membuka minda dan melapangkan hati sekali gus menjawab persoalan yang bermain di minda.

Akhir kalam, semoga buku ini dapat memberi manfaat kepada sesiapa sahaja yang membacanya dan menjadi panduan kepada generasi akan datang selaras visi SPRM bagi melahirkan masyarakat Malaysia yang merdeka daripada rasuah, salah guna kuasa serta penyelewengan.

Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Sri Haji Azam Baki

Ketua Pesuruhjaya

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



Seulas Pinang

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpahan kurnia-Nya, Bahagian Komunikasi Strategik (BKS), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berjaya menerbitkan buku SPRM@MEDIA 2022 mengikut tempoh masa ditetapkan.

Penerbitan buku ini yang sarat dengan perkongsian maklumat dan mesej antirasuah bukan sahaja selaras dengan fungsi BKS untuk menyebarkan usaha-usaha pencegahan dijalankan SPRM, sebaliknya diharap dapat menarik sokongan dan penyertaan masyarakat dalam sama-sama membentuk negara Malaysia yang bebas daripada rasuah.

Selaras fungsi ini, BKS telah memainkan peranan dengan mengadakan kerjasama dan libat urus dengan pihak media agar mesej-mesej sama ada daripada Pengurusan Tertinggi, pegawai SPRM termasuk pakar luar dapat disampaikan secara terus kepada masyarakat menerusi medium media cetak serta media elektronik.

Justeru, buku SPRM@MEDIA 2022 ini memaparkan kompilasi 35 rencana terpilih yang diterbitkan di media cetak dan media elektronik merangkumi versi Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin serta Bahasa Tamil sepanjang tahun 2022.

Besarliah harapan saya agar maklumat yang dibukukan ini dapat dimanfaatkan dengan baik dan menjadi satu wadah rujukan kepada segenap lapisan masyarakat dalam sama-sama membanteras rasuah.

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat khususnya kepada Pengurusan Tertinggi SPRM, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Negeri serta pihak media atas komitmen diberikan sehingga buku ini berjaya diterbitkan.

Sekian, terima kasih.

PKPj Kamaruddin M. Ripin

Pengarah

Bahagian Komunikasi Strategik

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



Kompilasi Rencana Bahasa Malaysia

KERJASAMA, SEHALUAN, ILTIZAM POLITIK UNTUK TINGKAKAN CPI

Oleh Mohd Hafaz Nazar
Pengarah Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

CPI turun tiada kaitan SPRG, 1MDB

UTUSAN: SPRM berpuas hati dengan keputusan CPI?

MOKHD. HAFAZ: Bagi keputusan yang diumumkan pada 25 Januari lalu, seperti kenyataan media yang telah dikeluarkan SPRM pada hari sama, SPRM memberi perhatian serius terhadap keputusan skor dan kedudukan tersebut kerana ia menunjukkan penurunan berturut-turut sejak 2019.

Secara umumnya, SPRM menyatakan hasrat dan menyuruh semua pihak agar bekerjasama, tidak kira di peringkat perniagaan awam dan masyarakat untuk mempunyai pemikiran yang sehaluan dan ditogakkan menerusi iltizam politik bagi terus berusaha menambak baik dan memberi sokongan, tidak kira dalam bentuk apa pun cabaran dan halangan yang mendatang, agar perjuangan suruhanjaya ini dalam memeringkas rasuah terus terpelihar.

Adakah rasuah sahaja menjadi skop pengiraan CPI? Selain rasuah, skop yang termasuk dalam pengiraan CPI adalah persepsi terhadap penyalagunaan dana kerajaan, kebolehan negara untuk kualiti saksan mekanisme integriti, komitmen kerajaan dalam memeringkas rasuah, perlindungan terhadap pendedahan maklumat dan buai pertama kali, CPI kali ini juga mengambil kira keberkesanan hak asasi manusia yang tersedia dalam sebuah negara.

Oleh itu, untuk meningkatkan indeks ini selaras sasaran kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) satu merajidkan negara ini antara 30 negara terbaik di dunia, ia perlukan koordinasi setimpak antara pemegang pemegang taruh dan bukan pengiraan agensi seperti SPRM sahaja untuk memperbaiki indeks. Malah tidak adakah mengantikan SPRM tidak berkesan—singgah ke arah penambahbaikan ini kerana SPRM sentiasa menyokong dan terlibat dalam usaha-usaha dilakukan misalnya dalam tindakan proaktif pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023, pembangunan dan pengukuhan korporat habiliti seksyen

MUKADIMAH

KEPUTUSAN Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2021 yang diumumkan baru-baru ini menunjukkan penurunan skor dan kedudukan Malaysia berbanding tahun sebelumnya. CPI 2021 menunjukkan skor Malaysia turun ke-48 markah dari skala 0 (paling korup) hingga 100 (paling bersih) berbanding 51 markah pada 2020.

Secara tidak langsung, keputusan tersebut melahirkan kebingungan ramai pihak di samping mencari jalan untuk mengatasinya agar dapat menyumbang kepada keputusan yang lebih baik pada masa akan datang.

Baru-baru ini, wartawan Utusan Malaysia, **MASZUREEN HAZIMAN** menemui bual Pengarah Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), **MOKHD. HAFAZ NAZAR** bagi mengulas lanjut isu berkenaan.

SPRM bukan sahaja badan yang 'popular' dengan tanggapan dan sitaan semata-mata."

17A Akta SPRM 2009 (Akta 694), khidmat nasihat yang bertunas dalam pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OAGCI) di perkhidmatan awam, memasukkan elemen pencegahan rasuah di sekolah rendah dan pengajian tinggi serta membantu usaha-usaha ke arah pembangunan Akta Pembangunan Dana Politik, penambahbaikan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, meningkatkan lagi ketelusan perolehan kerajaan dan pelbagai lagi tindakan berterusan bersama-sama agensi-agensi terlibat.

Pandangan tuan terhadap Transparansi International Malaysia (TI-M) berkaitan integriti Malaysia (TI-M) berkaitan integriti Malaysia (TI-M) mengenai pemuliharaan sebagai penyebab kepada reformasi institusi yang terbaut?

Dalam perkara di bawah bidang kuasa atau hasil sisatan SPRM, suruhanjaya ini ingin memperjelas dan memperbetulkan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh TI-M. Misalnya, kes-kes profil tinggi pada 2021

melibatkan Ahli Parlimen Lelaue, Datuk Rozman Ili; Ahli Parlimen Muar, Syed Saadiddin Syed Abdul Rahman; Ahli Parlimen Bagin, Lim Guan Eng serta keputusan Mahkamah Rayuan yang mengesahkan sabitan Datuk Seri Najib Tun Razak berhubung kes SRC tidak diambil kira dalam analisis TI-Malaysia.

Sedangkan kes-kes seumpama ini adalah bukti agensi penguat kuasa seperti SPRM tidak memilih bulat bulat mempunyai iltizam untuk meyasasi individu-individu berprofil tinggi. Tidak timbul isu klan bali, ikan jerung seperti sering diperkatakan masyarakat.

Malah satu lagi kejayaan besar buat semua pihak apabila SPRM berjaya membawa pulang aset berkaitan Malaysia Development Berhad (MDB) sebanyak RM2.1 bilion setakat 2021. Harus ditangan, di peringkat global, kadar kejayaan untuk pemuliharaan aset perubahan wang haram ialah 30 peratus sahaja.

Namun, SPRM berjaya mencaipai sebanyak 45 peratus dalam pemuliharaan aset atau RM2.1 bilion dengan perubahan Pasukan Pertugas Klas Antarabangsa mengenai pemuliharaan aset dan pendakwaan 1MDB. Ahli-ahli pasukan ini terdiri daripada Malaysia, Amerika Syarikat, Perancis, Singapura, Switzerland dan Luxembourg. Dalam hal ini, Malaysia dititir sebagai negara peneraju dalam pemuliharaan aset antarabangsa dan dijumpai untuk berkolaborasi



pengalaman dan memberi input dalam seminar-seminar dianjurkan Bank Dunia, Persatuan Pakar Anti Pencabulan Wang Haram Bertauliah (ACAMS) dan Pertubuhan Pihak Berkuasa Anti Rasuah Antarabangsa (IAACA).

Dalam pada itu, ada juga dibangkitkan mengenai insi keputusan "lepas tangan" dibebaskan" oleh mahkamah melibatkan individu-individu berprofil tinggi. Dalam hal ini, kita harus menghormati keputusan Peguam Negara kerana terpalang kepada beliau untuk menjelutakan atau sebaliknya.

Malah sebenarnya, bagi kebanyakan kes sudah diperjelaskan oleh Pejabat Peguam Negara yang mana individu-individu terlibat telah dikenakan kompaun.

Harus difahami kompaun adalah satu tindakan punitif dan satu bentuk pemuliharaan aset di bawah Akta Pencegahan Pencabulan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Ketiiviti Haram (AMLA/PTFUA 2001).

Bagi isu transformasi institusi melibatkan pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM, perkara tersebut adalah perubahan badan dan memerlukan pandangan kepada Perlembagaan Persekutuan dengan sokongan dua pertiga ahli Parlimen. Usaha telah dimulakan bagi membawa perkara ini untuk dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan.

TI-M juga menyatakan kes-kes berprofil tinggi yang diabaikan tidak dilemahkan kemajuannya kepada umum hingga membunuh persepsi negatif. Kenen?

Kes skandal air Sabah dan sisatan kapal tempur pesisir (LCS) yang dinyatakan masing-masing merupakan percabaran dan sisatan yang masih berlanj. Bagi kes LCS, sisatan terkini telah pun diarsikan oleh media melibatkan tanggapan beberapa suspek.

Di samping itu, dalam skandal air Sabah, perkara yang tidak diambil kira ialah bagaimana SPRM memperbaiki kelemahan tadbir urus dengan melakukan pemeriksaan terhadap analan, sistem dan tatacara kerja berhubung pemebel seberti barga dan kerja-kerja negosiasi di Jabatan Air Negeri Sabah. SPRM bukan sahaja badan yang "popular" dengan tanggapan dan sitaan semata-mata. Hakikratnya, SPRM turut membantu mana-mana golongan, syarikat, jabatan mahupun agensi dalam memberikan penambahbaikan terhadap sistem perubahan serta pendidikan supaya perlakuan rasuah mampu dibentangkan dengan kerjasama semua pihak.

Ditanyakan juga tiada penutupan terhadap dua kes berprofil tinggi kepada negara iaitu SRC International Ltd. Bhd. (SRC) dan 1MDB turut menjadi punca penurunan CPI kali ini. Benarkah?

Perkara ini merupakan satu fenomena yang tidak tepat kerana proses percabaran mahkamah masih berjalan. Kita juga perlu melihat kepada perkara-perkara lain seperti Covid-19 dan Perdana Menteri Pergerakan (PKP) yang menyebabkan percabaran kes ini ditangguhkan beberapa kali.

Bagi isu klan bali, bagi kes SRC, umum mengetahui Mahkamah Rayuan telah mengesahkan sabitan dan Mahkamah Tinggi menjatuhkan hukuman 12 tahun penjara serta RM20 juta denda terhadap bekas Perdana Menteri (Dajli), Mahkamah Rayuan juga membenarkan pemohonan untuk mengemukakan hukuman tersebut sehingga rayuan tidak didengar di peringkat Mahkamah Persekutuan.

Keputusan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2021 yang diumumkan baru-baru ini telah menunjukkan penurunan skor dan kedudukan Malaysia berbanding tahun sebelumnya. Secara tidak langsung, keputusan tersebut melahirkan kebingungan ramai pihak di samping mencari jalan untuk mengatasinya agar dapat menyumbang kepada keputusan yang lebih baik pada masa akan datang.

SOALAN 1: Bolehkah Tuan menjawab mengenai Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2021 yang menunjukkan skor Malaysia telah turun ke 48 markah pada tahun 2021, dari skala 0 (paling korup) hingga 100 (paling bersih), dibandingkan dengan 51 markah pada 2020?

J: CPI merupakan penanda aras utama di peringkat global bagi rasuah sektor awam yang memberikan gambaran tahunan

berkaitan tahap rasuah dengan menentukan kedudukan negara di seluruh dunia.

Kajian ini merupakan gabungan beberapa data kajian, indeks komposit dan pelbagai tinjauan yang dilakukan oleh ahli perniagaan di seluruh negara termasuk pakar dan penganalisis tempatan yang bekerja dalam negara yang dinilai.

Sementara itu, Malaysia menggunakan sembilan daripada 13 sumber data sekunder bagi pengiraan CPI 2021 iaitu melibatkan organisasi dan firma antarabangsa seperti Bertelsmann Foundation, Economist Intelligence Unit, International Institute for Management Development (IMD), Political and Economic Risk Consultancy Asian Intelligence, Political Risk Services International, World Justice Project, World Economic Forum, Global Insight Country Risk Rating dan Varieties of Democracy Project (V-Dem).

Antara aspek persepsi yang diukur dalam kajian ini termasuk tahap atau kadar persaingan perniagaan dalam negara, persepsi tahap rasuah oleh para usahawan, kebebasan sistem kehakiman, keprofesionalan perkhidmatan awam, persepsi terhadap ketirisan perolehan, akses kepada maklumat dan tahap demokrasi negara.

Pada masa sama, sembilan (9) sumber pengukuran berlainan yang telah diambil kira, penurunan yang paling signifikan adalah merujuk pada kedudukan *World Economic Forum Executive Opinion Survey* dan *IMD World Competitiveness Center World Competitiveness Yearbook Executive Opinion Survey*.

Jika dilihat secara umumnya, kedua-dua sumber kajian ini lebih menumpukan terhadap pelaburan dalam inovasi, aktiviti ekonomi yang pelbagai, polisi umum yang dapat menyokong ekonomi negara, governans, kualiti infrastruktur dan penggunaan teknologi, terutama dalam aspek penyebaran maklumat.

Bagi keputusan yang diumumkan pada 25 Januari lalu, seperti kenyataan media yang telah dikeluarkan SPRM pada hari sama, SPRM memberi perhatian serius terhadap keputusan skor dan kedudukan tersebut kerana ia menunjukkan penurunan berturut-turut sejak 2019.

Secara umumnya, SPRM menyatakan hasrat dan menyeru semua pihak agar bekerjasama, tidak kira di peringkat penjawat awam dan masyarakat, untuk mempunyai pemikiran yang sehaluan dan ditegaskan menerusi iltizam politik (*political will*), untuk terus berusaha menambah baik dan memberi sokongan, tidak kira dalam bentuk apa pun cabaran dan halangan yang mendatang, agar perjuangan Suruhanjaya ini dalam memerangi rasuah akan terus terpelihara.

SOALAN 2: Apabila keputusan CPI diumumkan setiap tahun, ramai pihak akan tertumpu kepada SPRM untuk menjelaskan keputusan tersebut, ini disebabkan SPRM merupakan agensi tunggal penguatkuasaan antirasuah di negara ini. Apa komen Tuan?

J: Seperti yang telah saya jelaskan, kajian ini melibatkan sembilan perkara yang mana dalam setiap perkara tersebut mempunyai pemegang taruh masing-masing.

Setiap aspek kajian yang dilaksanakan melibatkan beberapa badan dan institusi kerajaan pemegang taruh seperti Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam, Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), Institut Integriti Malaysia, Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia serta termasuk badan penguat kuasa seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Persaingan.

Selain daripada rasuah, skop yang termasuk dalam pengiraan CPI ini adalah persepsi terhadap penyalahgunaan dana kerajaan, kebolehan negara untuk menguatkuasakan mekanisma integriti, komitmen kerajaan dalam memerangi rasuah, perlindungan

terhadap pendedah maklumat dan buat pertama kali, CPI kali ini juga mengambil kira keberkesanan hak asasi manusia yang tersedia dalam sebuah negara.

Oleh sebab itu, untuk meningkatkan indeks ini selaras dengan sasaran kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) iaitu menjadikan negara ini antara 30 negara terbaik di dunia, ia perlukan koordinasi setiap daripada pemegang-pemegang taruh tersebut dan bukan mengharap agensi seperti SPRM sahaja untuk memperbaiki indeks.

Malah tidak adil jika mengatakan SPRM tidak bersungguh-sungguh ke arah penambahbaikan ini kerana SPRM sentiasa menyokong dan terlibat dalam usaha-usaha yang dilakukan misalnya dalam tindakan proaktif dalam pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023, pembangunan dan penguatkuasaan liabiliti korporat, Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], khidmat nasihat yang berterusan dalam pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) di perkhidmatan awam, memasukkan elemen pencegahan rasuah di sekolah rendah dan di pusat pengajian tinggi serta membantu dalam usaha-usaha ke arah pembangunan Akta Pembiayaan Dana Politik, penambahbaikan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, usaha meningkatkan lagi ketelusan perolehan kerajaan dan pelbagai lagi tindakan yang berterusan, bersama-sama dengan agensi-agensi yang terlibat.

Sehubungan itu, tanpa menuding jari mencari salah mana-mana pihak, atau memberikan pelbagai alasan yang tidak memberi apa-apa manfaat, apa yang lebih penting, adalah memikirkan strategi yang lebih tepat, penambahbaikan kelemahan yang kena pada tempatnya dan pendekatan yang lebih baik untuk meningkatkan kadar indeks persepsi rasuah bagi tahun-tahun hadapan. Suruhanjaya ini tanpa penat dan lelah, akan terus melaksanakan tugas menguatkuasakan undang-undang pencegahan rasuah, berdasarkan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.

SOALAN 3: Apakah komen Tuan mengenai pandangan Transparency International-Malaysia (TI-M) berkaitan beberapa perkara yang berkemungkinan menjadi perkebab kepada kemerosotan CPI 2021 seperti reformasi institusi (institutional reform) yang terbantut?

J: Dalam perkara yang di bawah bidang kuasa atau hasil siasatan SPRM, Suruhanjaya ini ingin memperjelas dan memperbetulkan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh TI-M.

Misalnya, kes-kes profil tinggi yang berlaku pada tahun 2021 melibatkan Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli, Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng serta keputusan Mahkamah Rayuan yang mengekalkan sabitan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berhubung dengan kes SRC tidak diambil kira dalam analisis TI-Malaysia.

Sedangkan kes-kes seumpama ini adalah bukti bahawa agensi penguat kuasa seperti SPRM ini tidak memilih bulu malah mempunyai iltizam untuk menyiasat individu-individu berprofil tinggi. Tidak timbul isu 'ikan bilis ikan jerung' seperti yang sering diperkatakan oleh masyarakat.

Malah satu lagi kejayaan besar buat semua pihak ialah apabila SPRM berjaya membawa pulang aset yang berkaitan 1MDB sebanyak RM21 billion setakat tahun 2021.

Harus diingatkan bahawa di peringkat global, kadar kejayaan untuk pemulihan aset pengubahan wang haram ialah 30 peratus. Namun, SPRM telah berjaya mencapai sebanyak 45 peratus dalam pemulihan aset, atau RM21 bilion dengan penubuhan Pasukan Petugas Khas Antarabangsa (International Task Force) mengenai pemulihan aset dan pendakwaan 1MDB. Ahli-ahli pasukan ini terdiri daripada Malaysia, Amerika Syarikat, Perancis, Singapura, Switzerland dan Luxembourg.

Dalam hal ini, Malaysia telah diiktiraf sebagai negara peneraju dalam pemulihan aset antarabangsa dan dijemput untuk berkongsi pengalaman dan memberi input dalam seminar-seminar yang dianjurkan oleh World Bank, Association of Certified Anti-Money Laundering Specialists (ACAMS) dan International Association of Anti-Corruption Authorities (IAACA).

Dalam pada itu, ada juga dibangkitkan mengenai isu keputusan 'dilepas tanpa dibebaskan' (DNAA) oleh mahkamah melibatkan individu berprofil tinggi. Dalam hal ini, kita harus menghormati keputusan Peguam Negara kerana terpulung kepada beliau untuk menjalankan atau sebaliknya.

Malah sebenarnya, bagi kebanyakan kes sudah diperjelaskan oleh Pejabat Peguam Negara yang mana individu-individu terlibat telah dikenakan kompaun.

Harus difahami bahawa tindakan kompaun adalah satu tindakan punitif dan satu bentuk pemulangan aset di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA 2001).

Semua ini merupakan antara kejayaan besar kita dalam usaha pencegahan dan pembanterasannya rasuah di negara ini yang perlu diambil kira untuk mengubah persepsi masyarakat ke arah yang lebih positif.

Bagi isu transformasi institusi melibatkan isu pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM dan transformasi SPRM, perkara tersebut adalah peruntukan baharu dan memerlukan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan dengan sokongan dua pertiga ahli Parlimen bagi membolehkan pindaan itu dilaksanakan. SPRM mengalu-alukan usaha untuk menjamin ketelusan, kebebasan dan profesionalisme Suruhanjaya.

Usaha telah dimulakan untuk membawa perkara ini untuk dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan.



SOALAN 4: TI-M juga ada menyatakan mengenai kes-kes berprofil tinggi yang dikatakan tidak dikemaskini kemajuannya kepada umum hingga menimbulkan persepsi negatif?

J: Kes Skandal Air Sabah dan siasatan Kapal Tempur Littoral (LCS) yang dinyatakan tersebut masing-masing merupakan percabaran dan siasatan yang masih berjalan. Bagi kes LCS, siasatan terkini telah pun disiarkan oleh media melibatkan tangkapan terhadap beberapa suspek.

Dalam percabaran mahupun siasatan sudah pasti perlu diberi ruang dan masa mencukupi kepada yang terlibat demi keadilan semua pihak. Di sebalik itu, dalam Skandal Air Sabah, perkara yang tidak diambil kira ialah bagaimana SPRM memperbaiki kelemahan tadbir urus dengan melakukan pemeriksaan terhadap amalan, sistem dan tatacara kerja berhubung dengan perolehan sebutharga dan kerja-kerja kecemasan di Jabatan Air Negeri Sabah (JANS).

SPRM bukan sahaja badan yang 'populer' dengan tangkapan dan sitaan semata-mata. Hakikatnya, SPRM turut membantu mana-mana golongan, syarikat, jabatan mahupun agensi dalam memberikan penambahbaikan terhadap sistem perolehan serta pendidikan supaya perlakuan rasuah mampu dihentikan dengan kerjasama semua pihak. Perkara ini penting untuk menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah, penyelewengan dan salah laku di masa depan.

Jadi sekiranya, ada pihak yang mendakwa kes seumpama ini berjalan lambat atau terdapat gangguan, mereka kena tampil untuk menunjukkan bukti.

SOALAN 5: Dikatakan juga tiada penutupan terhadap dua kes berimpak tinggi kepada negara iaitu kes SRC International Sdn Bhd (SRC) dan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) turut menjadi punca penurunan CPI kali ini. Apa penjelasan Tuan?

J: Perkara ini merupakan satu fahaman yang tidak tepat kerana kedua-dua kes ini merupakan kes yang mana proses percabaran mahkamah berhubung dengannya masih sedang berjalan. Bagi kes 1MDB, kes masih lagi berjalan. Kita juga perlu melihat kepada perkara-perkara lain seperti isu Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyebabkan percabaran kes ini ditangguhkan beberapa kali.

Bagi kes SRC, umum mengetahui bahawa Mahkamah Rayuan telah mengekalkan sabitan dan hukuman Mahkamah Tinggi yang menjatuhkan hukuman 12 tahun penjara serta denda RM210 juta terhadap bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak. Mahkamah Rayuan juga membenarkan permohonan untuk menangguhkan hukuman tersebut sehingga rayuan kedua didengar di peringkat Mahkamah Persekutuan.

SPRM DAN TRANSFORMASI PENCEGAHAN RASUAH

Oleh Mohd Hafaz Nazar

Pengarah Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Saban tahun, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) berterusan mendedahkan kerugian jutaan ringgit disebabkan oleh salah urus kewangan, kehilangan dana awam dan pembaziran.

Tahun ini, berdasarkan pendedahan LKAN kepada Parlimen pada Oktober 2021, Ketua Audit Negara Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid mendedahkan kerugian sejumlah RM620.07 juta disebabkan pembayaran luar biasa dan pembaziran dana awam.

Ini termasuk ketiadaan pengesahan dalam perolehan, penalti yang tidak dituntut dan pembekalan yang telah dibayar tetapi lewat diterima dan menyebabkan peralatan tidak dapat dipasang atau digunakan.

Bertahun-tahun, masyarakat telah dipersembahkan dengan laporan-laporan salah urus dan pemborosan yang menyebabkan ketirisan tidak berkesudahan dalam perolehan awam. Sebagai contoh, LKAN Tahun 2012 telah mendedahkan bahawa sebuah agensi media kerajaan memperoleh 20 buah jam dinding dengan harga RM3,810 sebuah berbanding harga pasaran yang jauh lebih rendah iaitu hanya RM100 setiap satu.

Pada tahun yang sama, sejumlah 7,659 pasang kasut telah diperolehi oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia dengan nilai perolehan berjumlah RM602,089. Malangnya kesemua kasut terpaksa dilupuskan kerana saiz kasut yang tidak menepati keperluan.

Dua tahun sebelumnya, LKAN turut mendedahkan tentang Majlis Sukan Negara yang telah membuat perolehan ke atas sebanyak 23 ekor kuda baka khas untuk pertandingan dengan nilai perolehan RM5.66 juta.

Namun, hanya 5 ekor kuda sahaja yang berjaya melepasi spesifikasi untuk menyertai pertandingan manakala baki 18 ekor yang lain gagal. Bayangkanlah pembaziran dana awam yang telah berlaku dengan kesan kos melepasi (*opportunity kos*) yang besar berbanding jika wang tersebut disalurkan kepada projek-projek pembangunan yang lebih memberi impak serta manfaat langsung kepada kesejahteraan rakyat.

Penelitian terhadap LKAN tahunan mendapati bahawa isu-isu perolehan awam yang dilaporkan lazimnya melibatkan perolehan pada harga yang tidak munasabah, pembekalan barangan dan perkhidmatan yang tidak mematuhi spesifikasi/ terma serta syarat pembekalan yang ditetapkan, perolehan secara pecah kecil yang sengaja dibuat bertujuan untuk menghindari tatacara kelulusan yang ditetapkan oleh peraturan kewangan serta '*improper payment*' yang melibatkan pembayaran ke atas pembekalan yang belum dibuat.

Ada juga isu yang melibatkan elemen-elemen rasuah seperti penglibatan orang tengah dalam perolehan dan pengemukaan tuntutan bayaran yang mengandungi pernyataan palsu/silap/tidak lengkap yang bertujuan untuk mengelirukan pihak prinsipal iaitu Pegawai Pengawal (pembayaran) di peringkat Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang terlibat.

SALAH LAKU DALAM BADAN AWAM

Pembaziran dan salah urus yang menyebabkan kerugian dana awam sentiasa diberi perhatian dan diambil tindakan sewajarnya oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). SPRM turut menjalankan siasatan terhadap kes-kes seumpamanya selagi ia melibatkan kesalahan-kesalahan yang tertakluk di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Namun begitu, terdapat kes-kes ketirisan dalam perolehan awam yang tidak bersifat jenayah (rasuah dan salah guna kuasa) kerana ia terjadi disebabkan oleh salah urus atau kecuaiian pegawai badan awam.

Bagi kes-kes yang diasiasat oleh SPRM pula, pendakwaan kes kebiasaannya melibatkan kesalahan memperdayakan prinsipal oleh ejen (kes tuntutan palsu) di bawah seksyen 18 Akta 694, selain daripada seksyen 23 Akta 694 bilamana ia membabitkan elemen salah guna jawatan/ kedudukan.

Ada juga hasil siasatan SPRM yang membawa kepada pengemukaan Laporan SPRM kepada Ketua-Ketua Perkhidmatan/ Jabatan yang mengesyorkan agar suatu tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395] atau tindakan surcaj di bawah Akta Prosedur Kewangan 1957 dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ke atas pegawai badan awam yang bertanggungjawab.

Kekurangan peruntukan undang-undang yang menjenayahkan pembaziran, kecuaiian dan salah urus oleh pegawai badan awam khususnya dalam konteks perolehan awam yang membawa kepada ketirisan dana dilihat mengekang potensi pendakwaan dalam skop kesalahan yang lebih luas ke atas pegawai badan awam yang bertanggungjawab.

Jurang ini mencetuskan keperluan terhadap suatu peruntukan kesalahan baharu berhubung salah laku dalam kalangan pegawai awam di dalam badan-badan awam [*Misconduct in Public Office (MIPO)*] yang mensasarkan pegawai-pegawai di badan awam sebagaimana tafsiran undang-undang di bawah Akta 694 .

PELAN ANTIRASUAH NASIONAL 2019 - 2023 (NACP) DAN SALAH LAKU PEGAWAI BADAN AWAM (MIPO)

Di bawah NACP, penguatkuasaan undang-undang merupakan salah satu daripada 6 bidang berisiko yang diberi tumpuan.

Dalam strategi menginstitusikan kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang, inisiatif 5.4.1 NACP telah menetapkan agar SPRM menerajui usaha untuk memasukkan peruntukan baharu dalam undang-undang sedia ada berkaitan salah laku penjawat awam yang menyebabkan ketirisan dan kerugian dana kerajaan secara sengaja.

Inisiatif 5.4 NACP ini senada dengan kehendak instrument Antarabangsa seperti Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Memerangi Rasuah [United Nations Convention Against Corruption (UNCAC)]. Artikel 17 dan Artikel 19 UNCAC masing-masing menyentuh tentang penjenayahan '*embezzlement, misappropriation or other diversion of property by a public official*' dan '*abuse of functions*' yang jelas menyokong hasrat pewujudan peruntukan baharu MIPO dalam menangani isu ketirisan dana dalam perolehan awam di Malaysia.

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah pada Julai 2018 telah bersetuju agar SPRM melaksanakan kajian menyeluruh berhubung pewujudan peruntukan kesalahan baharu ini dengan skop yang merangkumi pegawai badan awam sebagaimana takrifan di bawah Akta 694. Kajian komprehensif yang sedang dijalankan oleh SPRM ini mengambil pendekatan tanda aras undang-undang serta peraturan yang seumpamanya di negara-negara lain seperti United Kingdom, United States, Australia, Brunei Darusalam, Thailand, Hong Kong dan India.

Ini meliputi takrifan salah laku dan pegawai awam, skop penjenayahan salah laku, parameter pemakaian undang-undang tersebut ke atas pegawai perkhidmatan awam serta peruntukan berkaitan hukuman/ penalti oleh negara-negara tersebut.

Kajian oleh SPRM ini turut melibatkan konsultasi bersama Jabatan Peguam Negara dan libat urus dengan Jabatan Audit Negara (JAN) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) khususnya dari aspek sokongan empirikal serta validasi pernyataan-pernyataan

permasalahan yang penting dalam proses pembangunan Rang Undang-Undang (RUU) yang berkaitan.

Pelan AntiRasuah Nasional 2019-2023 (NACP) yang dilancarkan oleh kerajaan pada Januari 2019 untuk mencapai aspirasi supaya 'Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah' adalah rangka kerja nasional yang dibangunkan untuk membawa transformasi menyeluruh kepada sistem tadbir urus politik, pentadbiran sektor awam, penguatkuasaan undang-undang, sistem undang-undang dan kehakiman serta tadbir urus korporat Malaysia dalam membentuk sebuah negara dan masyarakat yang berintegriti serta bebas rasuah daripada 115 inisiatif yang terkandung di dalam NACP, sebanyak 12 inisiatif diterajui oleh SPRM, manakala baki 103 lagi diterajui oleh lain-lain Kementerian/ Jabatan/ Agensi.

Antara inisiatif lain dalam NACP yang diterajui oleh SPRM adalah pemerksaan SPRM melalui pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM dan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah (SPPR) yang diiktiraf oleh Perlembagaan Persekutuan, bertujuan untuk meningkatkan kebebasan serta keberkesanan SPRM dalam pelaksanaan fungsi-fungsinya sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta 694.

SPRM turut diberi kepercayaan untuk menerajui beberapa inisiatif lain serta membantu lain-lain agensi peneraju dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah bidang-bidang keutamaan NACP seperti berikut:

Tadbir Urus Politik

- Memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam pentadbiran Kerajaan.

Pentadbiran Sektor Awam

- Memperkasa perkhidmatan awam ke arah tadbir urus yang baik.
- Menambah baik keberkesanan pendidikan dan pembangunan profesional berterusan dalam kalangan pegawai awam melalui program berdasarkan kepada *Human Governance*.

Perolehan Awam

- Meningkatkan ketelusan perolehan awam, pengurangan risiko rasuah, penyelewengan pasaran dan antipersaingan.

Penguatkuasaan Undang-Undang

- Menambah baik Perundangan Agensi Penguatkuasaan (contohnya peruntukan perundangan baharu berhubung salah laku pegawai badan awam, perisytiharan harta anggota pentadbiran dan ahli parlimen, penjualan kontrak kerajaan, perisytiharan pemilikan benefisiari, dll.).

NACP adalah refleksi kepada komitmen Kerajaan dalam memerangi rasuah yang seiring dengan agenda memartabatkan tadbir urus baik serta tahap integriti yang tinggi di dalam negara. SPRM komited dalam memainkan peranannya di dalam NACP dengan kerjasama ketua-ketua agensi peneraju dan agensi rakan strategik bagi memastikan kelangsungan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang akan memberi manfaat menyeluruh kepada pemegang taruh dalaman dan luaran.

INTEGRITI NEGARA DAN RAKYAT

Namun begitu, tanpa iltizam politik (*political will*) yang kuat dan berterusan dalam merealisasikan usaha penambahbaikan serta reformasi, cadangan hanya akan kekal sebagai cadangan. Kebebasan, ketelusan dan profesionalisme SPRM bukan sahaja perlu dilihat malah perlu turut dirasai dalam segala tindakan yang ia lakukan.

Tanpanya, perasuah dan pesalah laku menjadi lebih berani, seterusnya rasuah dan penyelewengan akan kian berleluasa di semua peringkat pentadbiran korporat dan awam. Integriti akan diketepikan dan salah guna kuasa akan menjadi budaya politik dan perniagaan.

Sementara itu, mereka yang berkuasa dan korup akan menguasai sumber negara, dan majoriti rakyat hanya akan mendapat sisa yang ditinggalkan oleh mereka.

Kesan ini boleh menyebabkan pembangunan Malaysia terbantut kerana amalan rasuah merampas sumber hak rakyat untuk pembangunan – sumber kewangan untuk perkembangan infrastruktur yang diperlukan seperti sekolah, hospital, jalan raya dan jambatan terutamanya di kawasan luar bandar dan sumber untuk membangunkan negara secara amnya.

Sementara itu, Transparency International Malaysia (TI-Malaysia) pada 28 Januari 2021 yang lalu telah melaporkan bahawa kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dunia bagi tahun 2020 jatuh 6 tangga, dengan tempat ke-57 (skor 53) berbanding 51 (skor 51) pada 2019, dari kalangan 180 negara yang terlibat dalam kajian persepsi ini. Dari kalangan negara-negara ASEAN pula, Malaysia mengekalkan tempatnya di tangga ke-3 di belakang Singapura [(3) dengan skor 85] dan Brunei [(35) dengan skor 60].

Penurunan kedudukan CPI ini berupaya menjejaskan prospek pelaburan langsung asing (FDI) ke dalam Malaysia, dan pengekal pelaburan sedia ada jika ia diyakini memberi gambaran akan tahap antirasuah, governans dan integriti yang rendah di Malaysia. Dalam jangka masa panjang, kemakmuran ekonomi Malaysia akan terjejas dan kesejahteraan rakyat akan turut tergugat oleh *domino effects*.

Malaysia diberkati oleh Allah S.W.T. dengan kekayaan sumber alam yang melimpah ruah. Disokong oleh tahap pendidikan dan vokasional rakyat yang kompetitif di rantau Asia Pasifik, pengurusan sumber kekayaan ini seharusnya mampu memacu Malaysia ke arah kecemerlangan baik dari aspek pembangunan fizikal, spiritual, nilai dan juga integriti.

Keberkesanan membasmi gejala rasuah tidak bergantung kepada kekuatan dan kebebasan SPRM semata-mata. Setiap orang sepatutnya sedar bahawa tiada sesiapa yang kebal terhadap tindakan undang-undang, tidak kira di mana sahaja mereka berada di peringkat pemerintahan dan pentadbiran negara – legislatif, eksekutif mahupun kehakiman.

Natijahnya, reformasi dalam pencegahan rasuah tidak terhad kepada penguatkuasaan sahaja, tetapi pendidikan pada tahap paling asas, bermula dari bangku sekolah. Integriti, nilai keagamaan dan etika, jati diri dan pemerksaan identiti individu serta patriotisme adalah nilai-nilai yang perlu diterap dari kecil.

Apabila integriti diraikan, dimartabatkan, dan bukannya keagungan terhadap wang serta kuasa, waktu itulah kita boleh berbangga dengan negara dan rakyat yang berpegang teguh kepada integriti selain bertoleransi sifar terhadap rasuah, penyelewengan atau salah guna kuasa.



Seksyen 17A Akta SPRM 2009 galak amalan tadbir urus

Beri keyakinan baharu

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@medianila.com.my

KUALA LUMPUR: Langkah penggabulan satu undang-undang kesalahan rasuah organisasi komersial yang berkuat kuasa bermula 1 Jun 2020 telah memberi keyakinan baharu kepada para pelabur luar negara bahawa betapa serius Malaysia memerangi rasuah dalam sektor korporat.

Melalui Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, organisasi komersial juga mempunyai liabiliti dan boleh dihukum sekiranya pekerja atau pihak bersekutunya terlibat dengan rasuah.

Presiden Dewan Perniagaan Malaysia-China (MCCC), Datuk Tan Yew Sing berkata, akta berkenaan amat penting bagi mengembalikan semula keyakinan dalam kalangan ahli perniagaan agar mereka turut yakin dengan amalan integriti dan ketelusan, bukan sahaja dalam sektor awam malah juga cabang perniagaan.

"Rasuah bukan hanya merosakan integriti seseorang tetapi menjatuhkan imej negara



TAN YEW SING

dan menjejaskan pelaburan asing yang melihat jenayah ini boleh meruntuhkan kestabilan ekonomi serta politik negara.

"Sejak tahun-tahun kebelakangan ini, beberapa

buah negara di dunia mencapai peningkatan dan segi usaha pencegahan rasuah. Justeru, di Malaysia semua pihak perlu bekerjasama untuk mewujudkan suasana persekitaran perniagaan

yang bersih serta berintegriti tanpa unsur rasuah," katanya dalam wawancara bersama media di pejabat MCCC di sini baru-baru ini.

Seksyen 17A Akta SPRM 2009 yang turut dikenali sebagai liabiliti korporat bertujuan menggalakkan aktiviti perniagaan dijalankan dengan integriti tanpa rasuah serta mempromosikan amalan tadbir urus baik dalam organisasi dan bukan bertujuan untuk menghukum organisasi komersial semata-mata.

Dalam pada itu, Yew Sing menjelaskan, tanpa akta tersebut, ia boleh mejejaskan usaha untuk melahirkan lebih ramai pelapis baharu terutamanya mereka yang berbakat untuk menceburi sektor korporat.

"Ramai anak-anak muda berbakat dan mereka mahu ceburi bidang baharu yang menggunakan teknologi terkini selaras dengan penercaan zaman. Tanpa akta ini, kita tidak dapat meyetak budaya rasuah membabitkan orang lain yang ada kemampuan membuat demikian untuk mendapatkan projek," ujar beliau.

Tambahnya, usaha pencegahan rasuah memerlukan kerjasama semua pihak dan bergandungan dengan SPRM khususnya dari segi mendidik golongan muda mengenai kepentingan untuk memerangi jenayah rasuah.

Yew Sing memaklumkan, mana-mana organisasi komersial tidak boleh lepas tangan sekiranya berlaku amalan rasuah dalam perniagaan mereka kerana menurut Seksyen 17A Akta SPRM 2009, semua pihak perlu bertanggungjawab termasuk peringkat pengurusan.

"Ini akan menjadikan semua pihak berhati-hati. Syarikat tidak boleh bagi alasan mengatankan ini perbuatan kaitangan dan mereka tidak tahu," katanya.

Justeru, beliau menegaskan kesedaran perlu ditamalkan undang-undang tidak mampu mengekang budaya rasuah dalam organisasi korporat.

"Hal ini kerana undang-undang dan kezamaman politik itu sudah ada tetapi akhirnya semua beralih semula kepada kesedaran," katanya.

SEKSYEN 17A AKTA SPRM 2009 GALAK AMALAN TADBIR URUS BERI KEYAKINAN BAHARU

Oleh **Juani Munir Abu Bakar**

KUALA LUMPUR: Langkah penggabulan satu undang-undang kesalahan rasuah organisasi komersial yang berkuat kuasa bermula pada 1 Jun 2020 telah memberi keyakinan baharu kepada para pelabur luar negara bahawa betapa serius Malaysia memerangi rasuah dalam sektor korporat.

Melalui Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, organisasi komersial juga mempunyai liabiliti dan boleh dihukum sekiranya pekerja atau pihak bersekutunya terlibat dengan rasuah.

Presiden Dewan Perniagaan Malaysia-China (MCCC), Datuk Tan Yew Sing berkata, akta berkenaan amat penting bagi mengembalikan semula keyakinan dalam kalangan ahli perniagaan agar mereka turut yakin dengan amalan integriti dan ketelusan, bukan sahaja dalam sektor awam malah juga cabang perniagaan.

"Rasuah bukan hanya merosakan integriti seseorang tetapi menjatuhkan imej negara dan menjejaskan pelaburan asing yang melihat jenayah ini boleh meruntuhkan kestabilan ekonomi serta politik negara.

"Sejak tahun-tahun kebelakangan ini, beberapa buah negara di dunia mencapai peningkatan daripada segi usaha pencegahan rasuah, justeru, di Malaysia semua pihak perlu bekerjasama untuk mewujudkan suasana persekitaran perniagaan yang bersih serta berintegriti tanpa unsur rasuah," katanya dalam wawancara bersama media di pejabat MCCC di sini baru-baru ini.

Seksyen 17A Akta SPRM 2009 yang turut dikenali sebagai liabiliti korporat bertujuan menggalakkan aktiviti perniagaan dijalankan dengan integriti tanpa rasuah serta mempromosikan amalan tadbir urus baik dalam organisasi dan bukan bertujuan untuk menghukum organisasi komersial semata-mata.

Dalam pada itu, Yew Sing menjelaskan, tanpa akta tersebut, ia boleh menjejaskan usaha untuk melahirkan lebih ramai pelapis baharu terutamanya mereka yang berbakat untuk menceburi sektor korporat.

“Ramai anak-anak muda berbakat dan mereka mahu ceburi bidang baharu yang menggunakan teknologi terkini selaras dengan peredaran zaman. Tanpa akta ini, kita tidak dapat menyekat budaya rasuah membabitkan orang lain yang ada kemampuan berbuat demikian untuk mendapatkan projek,” ujar beliau.

Tambahnya, usaha pencegahan rasuah memerlukan kerjasama semua pihak dan berganding bahu dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) khususnya dari segi mendidik golongan muda mengenai kepentingan untuk memerangi jenayah rasuah.

Yew Sing memaklumkan, mana-mana organisasi komersial tidak boleh lepas tangan sekiranya berlaku amalan rasuah dalam perniagaan mereka kerana menerusi Seksyen 17A Akta SPRM 2009, semua pihak perlu bertanggungjawab termasuk peringkat pengurusan.



“Ini akan menjadikan semua pihak berhati-hati. Syarikat tidak boleh bagi alasan mengatakan ini perbuatan kakitangan dan mereka tidak tahu,” katanya.

Justeru, beliau menegaskan kesedaran perlu diutamakan kerana tanpanya, pelaksanaan undang-undang tidak mampu mengekang budaya rasuah dalam organisasi korporat.

“Hal ini kerana undang-undang dan keazaman politik itu sudah ada tetapi akhirnya semua berbalik semula kepada kesedaran,” katanya.

Tingkat usaha kekang rasuah permerdagangan manusia

Perbaiki sistem elak aktiviti jenayah terus berlaku

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia perlu mengendahkan usaha dalam mengekang isu permerdagangan manusia melalui peningkatan penguatkuasaan dan sistem sedia ada kerana ia dilihat amat berpotensi untuk aktiviti penyeludupan sedemikian berleluasa.

Aktivis hak asasi manusia yang juga Felo Akademi Sains, Datuk Dr Madeline Berma, berkata melalui pengamatannya, isu permerdagangan manusia di negara ini berlaku berikutan ada kelompokan di tempat tertentu yang menyebabkan pendatang tanpa izin (PATI) berusaha untuk tiba ke sini.

Beliau berkata, PATI yang masuk ke Malaysia tidak tiba 'secara aman' sebaliknya terpaksa bersekolong dengan sindiket yang

akan mengambil kesempatan atau memanipulasi kelompokan sistem yang berlaku.

"Salah satu cara mereka masuk ke Malaysia adalah menggunakan rasuah dan menjadi satu perniagaan yang begitu menguntungkan.

"Saya berpandangan, PATI yang mula-mula masuk ke negara ini adalah mangsa akibat pergolakan di negara mereka. Apabila berjaya masuk ke Malaysia mereka melihat ada sistem yang lompang dan boleh dimanipulasi maka mereka menjalankan 'perniagaan' ini. Khususnya apabila perniagaan ini mendapat permintaan tinggi dan boleh dapat duit dengan lumayan.

"Bagi sindiket ini, RM5,000 nilai rasuah adalah tiada apa-apa dan boleh diperolehi dengan mudah. Sebab inilah isu ini menjadi barah dalam masyarakat kita hari ini," katanya pada sesi temu bual khas bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), baru-baru ini.

"Kita bercakap mengenai reformasi dalam kalangan penguat kuasa untuk memastikan aktiviti penyeludupan ini tidak terjadi tetapi ia haruslah selari dengan perubahan sistem juga. Ia juga perlu

“Kerjasama agensi penguat kuasa lain dan rakyat amat penting untuk membendung isu ini. Perkara ini tidak seharusnya diletakkan di bahu SPRM sahaja.”

Dr Madeline Berma, Aktivis hak asasi manusia



berjalan serentak dengan pencegahan serta pendidikan supaya masyarakat kita tahu bahaya sebarang yang menanti sekiranya perkara ini tidak dicegah.

"Saya juga berpandangan, rakyat Malaysia hari ini perlu bersedia 'jaga tepi kain orang' atau sedar dengan persekitaran di sekeliling kita. Jangan cakap ia tidak ada kena-mengena dengan keperluan kita sekiranya melihat jenayah seperti penganiayaan ke-

pada warga asing. Jangan juga kita ia rezeki mereka sekiranya melihat 'urus niaga' ini," katanya.

Ditanya mengapa Malaysia menjadi sasaran kepada sindiket permerdagangan manusia, Madeline menyatakan, ia berkemungkinan akibat sistem yang mampu dimanipulasi oleh pihak tertentu, yang boleh menggalkan aktiviti rasuah berleluasa.

"Kita harus tertanya-tanya mengapa mereka tidak terus ke negara jiran seperti Singapura yang lebih maju atau Indonesia yang tidak sesukar mana perjalanannya. Pastinya ada sesuatu di Malaysia untuk mereka mahu tiba di sini.

"Kita juga kena sedar, adakah Malaysia ketika ini masih lagi menjadi negara transit untuk ke negara lain atau PATI ini hanya mahu menetap di sini kerana mereka sanggup bergolok gadai, berlabuh yang beribu ringgit, menjual harta untuk masuk ke sini," katanya.

"Kita kagum dengan situasi Malaysia yang mula-mula mempunyai antara bangunan tertinggi di dunia tetapi ada sesuatu yang mengujakan berlaku seperti pemecutan kutub di Wang Kelian, beberapa tahun lalu. Ia sa-



Salur dan adukan kepada maklumat salah laku rasuah yang berlaku memerusi:
Nombor Hot line:
1-800-88-6000 atau
MACCMobile: https://portallaudan.sprm.gov.my/.

ngat mengejutkan dan tidak mengjangkakan situasi ini akan terjadi di negara kita," katanya.

Sementara itu, katanya, isu permerdagangan manusia perlu dipandang serius kerana ia membolehkan hak asasi manusia dan keselamatan negara.

Justeru, beliau berpendapat kerjasama agensi penguat kuasa lain dan rakyat amat penting untuk membendung isu ini. Perkara ini tidak seharusnya diletakkan di bahu SPRM sahaja.

"Rakyat harus melihat 'mata dan telinga' SPRM serta perlu tampil membuat aduan sekiranya isu seumpama ini berlaku di sekeliling," katanya.

Selain itu, peranan media penting dan perlu melaporkan kejadian atau isu melibatkan permerdagangan manusia dan perlu memberi kesedaran kepada orang awam.

TINGKAT USAHA KEKANG RASUAH PEMERDAGANGAN MANUSIA

Oleh Ilah Hafiz Aziz

PUTRAJAYA: Malaysia perlu mengendahkan usaha dalam mengekang isu permerdagangan manusia melalui peningkatan penguatkuasaan dan sistem sedia ada kerana ia dilihat amat berpotensi untuk aktiviti penyeludupan sedemikian berleluasa.

Aktivis hak asasi manusia yang juga Felo Akademi Sains Malaysia, Datuk Dr Madeline Berma, berkata melalui pengamatannya, isu permerdagangan manusia di negara ini berlaku berikutan ada kelompokan di tempat tertentu yang menyebabkan pendatang tanpa izin (PATI) berusaha untuk tiba ke sini.

Beliau berkata, PATI yang masuk ke Malaysia tidak tiba 'secara aman' sebaliknya terpaksa bersekolong dengan sindiket yang akan mengambil kesempatan atau memanipulasi kelompokan sistem yang berlaku.

"Salah satu cara mereka masuk ke Malaysia adalah menggunakan rasuah dan menjadi satu perniagaan yang begitu menguntungkan.

"Saya berpandangan, PATI yang mula-mula masuk ke negara ini adalah mangsa akibat pergolakan di negara mereka. Apabila berjaya masuk ke Malaysia mereka melihat ada sistem yang lompang dan boleh dimanipulasi maka mereka menjalankan 'perniagaan' ini. Khususnya apabila perniagaan ini mendapat permintaan tinggi dan boleh dapat duit dengan lumayan.

"Bagi sindiket ini, RM5,000 nilai rasuah adalah tiada apa-apa dan boleh diperolehi dengan mudah. Sebab inilah isu ini menjadi barah dalam masyarakat kita hari ini," katanya pada sesi temu bual khas bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), baru-baru ini.

"Kita bercakap mengenai reformasi dalam kalangan penguat kuasa untuk memastikan aktiviti penyeludupan ini tidak terjadi tetapi ia haruslah selari dengan perubahan sistem juga. Ia juga perlu berjalan serentak dengan pencegahan serta pendidikan supaya masyarakat kita tahu bahaya sebenar yang menanti sekiranya perkara ini tidak dicegah.

"Saya juga berpandangan, rakyat Malaysia hari ini perlu bersifat 'jaga tepi kain orang' atau sedar dengan persekitaran di sekeliling kita. Jangan cakap ia tidak ada kena mengena dengan keluarga kita sekiranya melihat jenayah seperti penganiayaan kepada warga asing. Jangan juga kata ia rezeki mereka sekiranya melihat 'urus niaga' ini," katanya.

Ditanya mengapa Malaysia menjadi sasaran kepada sindiket pemerdagangan manusia, Madeline menyatakan, ia berkemungkinan akibat sistem yang mampu dimanipulasi oleh pihak tertentu, yang boleh menggalakkan aktiviti rasuah berleluasa.

"Kita harus tertanya-tanya mengapa mereka tidak terus ke negara jiran seperti Singapura yang lebih maju atau Indonesia yang tidak sesukar mana perjalanannya. Pasti ada sesuatu di Malaysia untuk mereka mahu tiba di sini.

"Kita juga kena sedar, adakah Malaysia ketika ini masih lagi menjadi negara transit

untuk ke negara lain atau PATI ini hanya mahu menetap di sini kerana mereka sanggup bergolok gadai, berhabis wang beribu ringgit, menjual harta untuk masuk ke sini," katanya.

"Kita kagum dengan situasi Malaysia yang maju malah mempunyai antara bangunan tertinggi di dunia tetapi ada sesuatu yang mengejutkan berlaku seperti penemuan kubur di Wang Kelian, beberapa tahun lalu. Ia sangat mengejutkan dan tidak menjangkakan situasi ini akan terjadi di negara kita," katanya.

Sementara itu, katanya, isu pemerdagangan manusia perlu dipandang serius kerana ia membabitkan hak asasi manusia dan keselamatan negara.

Justeru, beliau berpendapat kerjasama agensi penguat kuasa dan rakyat amat penting untuk membendung isu ini. Perkara ini tidak seharusnya diletakkan di bahu SPRM sahaja.

"Rakyat harus menjadi 'mata dan telinga' SPRM serta perlu tampil membuat aduan sekiranya isu seumpama ini berlaku di sekeliling," katanya.

Selain itu, peranan media penting dan perlu melaporkan kejadian atau isu melibatkan pemerdagangan manusia dan perlu memberi kesedaran kepada orang awam.



ORANG RAMAI, MEDIA WAJAR JADI MATA DAN TELINGA SPRM BANTERAS PEMERDAGANGAN MANUSIA

Oleh Eton Khir

KUALA LUMPUR: Usaha membanteras jenayah pemerdagangan manusia tidak seharusnya diletakkan di bahu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semata-mata.

Sebaliknya, Felo Akademi Sains Malaysia, Datuk Dr Madeline Berma berkata, semua pihak termasuk pihak media dan orang ramai perlu memainkan peranan sebagai mata dan telinga kepada suruhanjaya itu.

"Ini perlu kerjasama semua pihak dan tidak boleh hanya bergantung kepada satu pihak sahaja. Kita semua memainkan peranan masing-masing. Saya tidak boleh bayangkan anak dan cucu kita akan hidup bergelumang dengan rasuah.

"Ini kerana kelak, dikhawatiri kita tidak akan tahu lagi bagaimana kita ingin menyelesaikannya. Ini sememangnya tanggungjawab kita bersama," katanya pada sesi taklimat di Ibu Pejabat SPRM, di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Madeline berkata, usaha memperbaiki kedudukan Malaysia di tier ketiga seperti yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat Mengenai Pemerdagangan Manusia 2021 tidak akan berjaya jika hanya menunggu SPRM untuk bertindak.

Jelasnya, jenayah itu bukan sahaja menyaksikan perlakuan pencabulan hak asasi manusia dan pencerobohan keselamatan negara malah mampu menjejaskan reputasi negara di mata masyarakat dunia.

Di samping itu, dari segi ekonomi, Madeline berkata, jika jenayah itu

tidak ditangani dengan segera dan holistik, ia boleh melandaikan lengkung pertumbuhan ekonomi.

"Ini kerana kita mungkin terpaksa berdepan dengan kesukaran untuk menarik pelabur asing dan tiada peluang pekerjaan susulan peningkatan kos pentadbiran serta ketidaktentuan urus niaga susulan persekitaran perniagaan yang tidak kondusif," ujarnya lagi.

Pada masa yang sama, Madeline berkata, Malaysia juga perlu mengurangkan kebergantungan sepenuhnya kepada tenaga buruh murahan dari negara asing kerana ia bakal meletakkan Malaysia kepada ancaman aktiviti pemerdagangan manusia.

Justeru, media sebagai penyebar maklumat digesa memainkan peranan penting untuk melaporkan sesuatu kejadian melibatkan pemerdagangan manusia agar dapat memberi kesedaran kepada orang awam terhadap kepentingan membenteras jenayah itu.

Orang ramai boleh membuat aduan kepada SPRM di hotline 1-800-88-6000 dan SPRM Mobile atau melayari di laman web <https://portaladuan.sprm.gov.my>





MEMERDEKAKAN NEGARA DARIPADA RASUAH

Oleh : Tan Sri Dato' Sri Haji Azam Baki
Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Perkembangan ekonomi negara umpama cerminan kehidupan rakyat, namun desakan keadaan ekonomi semasa menghimpit seseorang itu sehingga melakukan aktiviti yang tidak bermoral, seperti menerima rasuah ataupun suapan. Isu rasuah yang sudah lama berakar umbi tidak boleh dibiarkan terus bermaharajalela tanpa adanya jalan penyelesaian tuntas.

Amalan ini perlu diperangi secara habis-habisan. Mengambil semangat kemerdekaan yang berlangsung pada bulan ini, negara perlu terus merdeka dan keluar daripada isu integriti, ketirisan dan jenayah ekonomi, sekali gus dapat memulihkan imej negara pada mata dunia. "Jika tiada pemberi, masakan ada penerimanya," demikian jelas YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Azam Baki, Ketua Pesuruhjaya SPRM pada awal bicara ketika diwawancara oleh Sidang Editor Dewan Masyarakat (DM) di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya, baru-baru ini.

Menyedari hakikat bahawa negara perlu bebas daripada budaya yang tidak bermoral ini, DM terpanggil untuk mewawancara beliau secara khas bagi mengupas isu ini daripada kaca mata individu nombor satu yang mengetuai sebuah badan yang mengutamakan integriti ini dalam usaha memerangi jenayah rasuah. Ikuti wawancara secara eksklusif bersama-sama beliau yang kini berkhidmat selama 38 tahun di SPRM bagi mendapatkan pandangan dalam membendung kebejatan sosial yang merencatkan usaha pembinaan dan kemajuan negara.

DM: Apakah evolusi, perubahan atau perkembangan SPRM setakat ini?

Sebelum ini, penyiasatan kes oleh SPRM lebih bertindak secara reaktif, iaitu menunggu sebarang maklumat atau aduan daripada orang awam, kemudian diteruskan dengan melakukan siasatan. Namun begitu, sejak tahun 2000, kita mula menggunakan kaedah risikan dalam siasatan, iaitu bergerak sendiri dengan mengatur pegawai untuk mendapatkan maklumat secara perisikan.

Kaedah ini dilakukan kerana lazimnya dalam kes rasuah, kebanyakan masyarakat sukar untuk tampil memberikan aduan. Jika aduan dianggarkan kurang daripada lima peratus. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka bimbang dan implikasinya sangat besar, misalnya, apabila seseorang kontraktor itu mendedahkan isu rasuah dalam sebuah tender, kemungkinan besar mereka tidak akan menerima tender lagi selepas itu.

Susulan daripada itu, pada tahun 2009, kaedah ini dikembangkan lagi menerusi pelbagai program transformasi hinggalah ke tahun 2011. SPRM bukan sekadar menggunakan kaedah tersebut untuk tujuan operasi risikan (*undercover operation*), malah turut menggunakan analisis mendalam (*deep analysis*) terhadap subjek atau suspek tertentu, khususnya yang melibatkan penyiasatan berprofil tinggi.

Terkini, SPRM sudah beralih kepada kaedah Siasatan Berasaskan Risikan (IBI) sebagai kaedah penyiasatan proaktif. Tempoh penyiasatan adalah bergantung pada sesebuah kes. Penyiasatan secara *standard*, misalnya kes biasa, tempohnya ialah sebulan, tetapi dengan kaedah terkini, siasatan dapat diselesaikan dalam tempoh dua hingga ke tiga minggu sahaja. Bagi kes pertengahan, siasatan akan mengambil masa hingga tiga bulan, manakala kes berprofil tinggi memakan masa selama enam bulan. Walau bagaimanapun, saya memberi jaminan bahawa pendekatan siasatan pada hari ini berbeza daripada dahulu dan tempoh persiangan kertas siasatan juga didapati semakin singkat.

DM: Apakah usaha atau pembaharuan yang dilaksanakan oleh Tan Sri sebaik-baik sahaja menggalas tanggungjawab sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM?

Umumnya mengetahui saya merupakan Ketua Pesuruhjaya SPRM yang ke-15, dengan mendapat perkenan daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sesiapapun yang dilantik menjadi Ketua Pesuruhjaya SPRM tetap menjalankan

fungsi mengikut lunas undang-undang yang diperuntukkan.

Bagi saya, hala tuju sekarang adalah untuk membantu negara menjana ekonomi dengan cara mengurangkan ketirisan dana kerajaan. Fokus utama adalah untuk memulihkan ekonomi negara agar tidak banyak dana yang hilang akibat berlakunya ketirisan. Hal ini tidak bermakna kes lain tidak diutamakan, namun lebih tertumpu pada isu yang berkaitan dengan rasuah jenayah ekonomi.

DM: Apakah pembaharuan yang telah dilaksanakan oleh SPRM, namun masih terdapat segelintir masyarakat tidak peka akan pembaharuan itu?

Pembaharuan dalam konteks ini ialah perubahan terhadap penambahbaikan sistem sedia ada.

Dalam memenuhi harapan masyarakat terhadap kebebasan, ketelusan dan keberkesanan SPRM dalam pelaksanaan kewajipan fungsinya mengikut undang-undang yang ditetapkan, SPRM telah mewujudkan mekanisme "semak dan imbang".

SPRM telah dipantau oleh Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR); Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR); Jawatankuasa Aduan (JKA); Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) dan Panel Penilaian Operasi (PPO). Jika diteliti satu persatu fungsi kesemua lima panel tersebut, jelas sekali objektif pembentukannya dapat menangkis persepsi negatif sesetengah pihak terhadap SPRM.

LPPR diwujudkan mengikut Seksyen 13 Akta SPRM 2009, yakni bertanggungjawab dalam menasihati SPRM dari segi dasar dan perjalanan organisasi. Ahli LPPR dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong daripada kalangan individu yang berintegriti dan telah memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang atau mencapai keunggulan dalam profesion masing-masing. JKMR yang diwujudkan mengikut Seksyen 14 Akta SPRM 2009 pula ditugaskan untuk

membentangkan dan memberi nasihat kepada YAB Perdana Menteri tentang prestasi SPRM pada tahun yang berkenaan.

Seterusnya, JKA berperanan dalam memantau salah laku yang dilaporkan terhadap pegawai SPRM yang tidak bersifat jenayah dan PPPR juga menasihati SPRM tentang aktiviti pencegahan dan aktiviti pendidikan masyarakat. Selain itu, PPPR diwujudkan secara pentadbiran dan dianggotai oleh individu yang dilantik oleh YAB Perdana Menteri bagi mewakili pelbagai kumpulan masyarakat seperti ahli akademik, dewan perniagaan, pakar media, aktivis sosial dan pertubuhan yang diyakini dapat membantu SPRM mencapai matlamat untuk mewujudkan masyarakat benci rasuah. PPO pula akan memantau kes SPRM, termasuklah dengan memberikan pandangan terhadap sesuatu kes sebelum ditutup atau diteliti semula sekiranya ada yang tidak berpuas hati dengan penjelasan SPRM.

Walaupun mekanisme semak dan imbang telah dilaksanakan, namun dilihat masih terdapat segelintir pihak yang tidak peka atau mempunyai persepsi bahawa SPRM sebagai agensi penguat kuasa yang boleh dipengaruhi serta tidak bebas.

DM: Apakah pencapaian terbesar SPRM setakat ini?

SPRM telah membentuk satu kaedah penyiasatan yang banyak menghasilkan kes berprofil tinggi, yakni melibatkan individu yang berjawatan atau berkedudukan tinggi. Selain itu, jika diperincikan kejayaan operasi setakat ini, SPRM telah merekodkan sebanyak 91.1 peratus atau 266 kes salah laku rasuah yang berakhir dengan sabitan daripada 292 kes yang selesai dibicarakan. Bukan itu sahaja, dari segi pemulihan aset pula, jumlah aset yang dilucutkan hak dan dipulangkan kepada kerajaan Malaysia pada tahun lalu adalah sebanyak RM5.1 bilion, iaitu 99.57 peratus daripada projek 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Perkara sebegini merupakan antara kejayaan besar yang dicapai oleh SPRM.

Selain itu, bermula pada tahun 2012 hingga ke hari ini, SPRM telah menggarapkan modul dalam hal operasi seperti modul risikan dan modul penyiasatan. Pendekatan saya adalah untuk tidak hanya bertumpu pada kes individu kecil sehingga melibatkan kerja perisikan dan penyiasatan. Sebaliknya, menyerahkan isu tersebut kepada jabatan untuk diambil tindakan, sekali gus dapat menyelesaikan masalah dengan lebih efisien.

Antara kejayaan SPRM yang lain ialah SPRM menyediakan perkhidmatan dalam menasihati jabatan kerajaan berkenaan dengan perkara atau isu kelompangan sistem dan prosedur jabatan melalui bimbingan serta memberikan latihan untuk membentuk Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).

Pada peringkat sekolah, SPRM telah menganjurkan program Wira Anti Rasuah (WAR) sejak tahun 2014. Hingga kini, program WAR berjaya melibatkan lebih daripada 24,000 pelajar dan 4,100 guru di seluruh negara. Dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, elemen antirasuah diperkenalkan dalam buku teks sekolah rendah dan menengah secara berperingkat mulai tahun 2016.

Nilai integriti dan benci akan rasuah dimasukkan dalam buku teks Pendidikan Moral (Sekolah Jenis Cina dan Tamil), Pendidikan Sivik, Pendidikan Islam, serta mata pelajaran Bahasa Melayu. Di samping itu, Projek Kedai Jujur ditubuhkan di 20 buah sekolah, dengan objektifnya untuk menanamkan nilai integriti secara praktikal dalam kalangan murid. Untuk mendekati kanak-kanak, pendidikan antirasuah juga dilancarkan melalui siri animasi popular "Upin & Ipin: Perangi Rasuah" dan "Sahabat Cilik SPRM."

Selain daripada Kursus Integriti dan AntiRasuah (KIAR) yang dilaporkan akan dijadikan kursus wajib di institut pengajian tinggi (IPT) mulai tahun depan, SPRM juga bergiat dengan memberi nasihat dan memperuntukkan sejumlah dana kepada

kelab Angkatan Mahasiswa Antirasuah (AMAR), bagi menjalankan aktiviti meningkatkan kesedaran antirasuah dalam kalangan mahasiswa seperti penganjuran forum, debat dan pelbagai aktiviti di seluruh negara.

DM: Apakah saranan yang boleh diketengahkan bersempena dengan kemerdekaan negara agar amalan rasuah di negara ini dapat dihapuskan?

Antara perkara yang tunjang ialah peranan antara pemimpin dengan masyarakat dalam mengembalikan semula penghayatan erti kemerdekaan yang dikecapi. Sedarlah hakikat bahawa kita masih lagi tidak merdeka, jika masih berada dalam keadaan yang dibelenggu dengan isu rasuah. Selain itu, semangat bersatu padu dan kebersamaan itu sangat penting dalam memastikan rakyat sehaluan serta mempunyai satu tekad dan azam yang sama untuk menghapuskan rasuah.

DM: Bagaimanakah untuk menyemai persepsi sesetengah masyarakat bahawa SPRM tidak melakukan pendakwaan terpilih?

Rekod kami menunjukkan sebaliknya. Oleh itu, mereka dinasihatkan supaya merujuk portal atau media sosial SPRM. Kes yang besar sudah banyak diselesaikan, terutamanya yang melibatkan pegawai kanan kerajaan, ahli politik dan ahli perniagaan berprofil tinggi. Dalam hal ini, kerja kami ialah lebih kepada membawa kepada muka pengadilan berasaskan maklumat, bukti dan analisis yang dilakukan. Tindakan selanjutnya dilakukan oleh pihak pendakwaan dan diputuskan oleh hakim yang mengendalikan kes tersebut.

DM: Apakah komen Tan Sri berkaitan dengan persepsi terhadap SPRM apabila kes berprofil tinggi seolah-olah dilepaskan?

Apabila sesuatu isu timbul dan melibatkan individu yang berjawatan tinggi, dinasihatkan agar tidak berfikir negatif

dengan terus menghukum individu tersebut telah bersalah. Hal ini tidak kira sama ada individu tersebut terlepas dari siasatan atau pendakwaan, masyarakat akan tetap menuding jari kepada SPRM untuk dipersalahkan. Sedangkan individu yang tertuduh itu ada hak mereka, sekiranya dia didapati tidak bersalah, maka dia akan dilepaskan.

Namun begitu, jaminan saya ialah, manamana laporan yang diberi kepada kami dengan laporan yang berasas, kami tetap akan menjalankan siasatan. Kami mempunyai setiap rekod siasatan dan tidak boleh menipu kerana semua data tersebut dipantau. Saya sudah mencuba banyak kali untuk memahamkan masyarakat berkenaan hal ini, namun seperti masih tidak diendahkan.

Laman sesawang SPRM sudah cukup lengkap dengan segala informasi yang berkaitan, namun tidak ramai yang mengaksesnya. Sedangkan, data pesalah rasuah telah dipaparkan dalam portal berkenaan. Hindarilah daripada menuduh seseorang yang sedang dalam siasatan itu telah bersalah. Tugas SPRM adalah dengan menjalankan penyiasatan, bukannya untuk menjatuhkan hukuman.

Dalam kes bicara, bukan semua orang adalah tertuduh, ada yang menjadi saksi. Mungkin semua yang dituduh terlibat, tetapi undang-undang memerlukan keterangan dan keterangan tersebut pula perlu disokong. Jika tiada keterangan yang menyokong, bagaimanakah kita hendak mendapatkan sabitan berkenaan dengan kesalahan tersebut?

DM: Apakah yang akan berlaku sekiranya aspek integriti tidak menjadi pegangan kakitangan yang diamanahkan untuk memerangi rasuah di negara ini?

Secara asasnya, isu rasuah tidak akan selesai jika perkara ini terus berlaku. Untuk menjadi orang yang memerangi rasuah, maka mereka perlulah "*whiter than white*". Bukan setakat

bersih, tetapi perlu dilihat sebagai bersih.

DM: Pendidikan antirasuah yang diperkenalkan oleh SPRM sudah cukup untuk membuka mata pelbagai pihak agar amalan ini perlu diperangi secara habis-habisan. Walau bagaimanapun, masih ada sesetengah pihak yang berani melakukan perbuatan rasuah. Apakah pandangan Tan Sri?

Pendidikan dan pencegahan ini dapat bergerak dengan signifikan sekiranya kumpulan sasarannya betul. Pencegahan juga harus disusuli dengan apa-apa isu yang berlaku. Apabila meletakkan fokus dan kumpulan sasar, barulah pendidikan dan pencegahan dapat bergerak seiringan. Misalnya, saya kata fokus SPRM dalam hal operasi adalah untuk mengurangkan ketirisan, maka tumpuan seharusnya lebih kepada hal yang berkaitan dengan perolehan, penguatkuasaan dan sektor *grand corruption*.

Pastikan kenal kumpulan sasar supaya pendidikan dan pencegahan dapat dilakukan secara berkesan.

DM: Apakah hasrat Tan Sri terhadap SPRM agar sentiasa komited dalam usaha memerangi rasuah di negara ini?

Hasrat saya ialah ingin mengangkat atau memartabatkan SPRM sebagai sebuah badan bervisi, yakni menjadi masyarakat bebas rasuah. Walaupun amalan rasuah sukar dibanteras dan memakan masa yang lama. Harapan saya adalah untuk terus menjadikan SPRM sebagai sebuah agensi penguat kuasa yang terunggul di dunia.

UNIT INTEGRITI: AMALAN BAIK DUNIA DALAM PENCEGAHAN RASUAH

Oleh Mohamad Tarmize Abdul Manaf
Ketua Cawangan Integriti
Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Komitmen kerajaan, tambah dana perkasanya Unit Integriti kekang rasuah

● Unit Integriti (UI) di setiap agensi kerajaan jadi langkah proaktif menangani isu rasuah, salah laku dan kelemahan tabdir urus perkhidmatan awam

● Walaupun dunia mengiktiraf UI sebagai satu amalan baik, keberkesanannya amat bergantung kepada komitmen pengurusan tertinggi sesebuah agensi



Oleh Nohamad Tarmize
Abdul Manaf
bhtreanana@bh.com.my

Kegagalan mengesokkan rasuah boleh menyebabkan keruntuhan sesebuah kerajaan. Paling teruk, rasuah menjadi salah satu faktor kebangkrutan Sri Lanka.

Pada 30 Jun lalu, Tubug Kawangan Antamabangsa (IMF) memantapkan kerajaan Sri Lanka menangani masalah rasuah dan meraikan cukai bagi memulakan ekonomi negara itu.

Namun, keruntuhan negara itu bukan berpunca daripada rasuah rasuah dalam 'whetti dua', bahkan ia

perilaku rasuah jangka panjang dalam sistem pentadbiran ekonomi Sri Lanka. Justeru, pengataman di Sri Lanka seharusnya menjadi pedoman, perhatian dan peringatan kepada kita dalam menangani rasuah serta mengukuhkan integriti dari sudut aspek pun sistem pentadbiran integriti, agensi atau jabatan.

Sejajarnya pencegahan rasuah dalam pentadbiran kerajaan tidak bermaksud mengabaikan rasuah secara keseluruhan. Perkara itu seperti memulau tetapi berupaya diupai.

Pencegahan rasuah bertujuan mengukuhkan amalan UI kepada tahap paling minimum. Tiadanya penguatkuasaan dan bukannya amat penting untuk memberi isyarat serta perhatian rasuah. Bagaimanapun, langkah awal pencegahan dan pendidukan adalah lebih penting bagi mengesokkan rasuah daripada berlaku dan menjadi biasa atau normal.

Penubuhan Unit Integriti (UI) di setiap agensi kerajaan adalah langkah proaktif bagi menangani isu rasuah, salah laku dan kelemahan tabdir urus dalam perkhidmatan awam.

Utama itu sangat signifikan kerana strategi pencegahan rasuah paling berkesan adalah melalui penubuhan integriti dalam kalangan pegawai serta kakitangan agensi itu sendiri.

Penubuhan UI adalah satu daripada 15 amalan baik di bawah Perintah Perintah Suruhanjaya Bersama Integriti (Dablu dan Jeywah) (UNODC) berhubung pentadbiran Malaysia bagi Bab II dan Bab V Kementerian PBB Menentang Rasuah (UNCAC).

Bab II merujuk kepada 'langkah pencegahan' dan Bab V pula berkaitan 'pemerintahan semula harta jenayah'. Penilaian terhadap Malaysia bagi kedua-dua bab ini dibuat pada 2016 dan 2017.

Dititik rujuk, UNCAC ialah kemunculan antara-bangsa di bawah UNODC menunjukkan antipanas negara anggota melaksanakan langkah pencegahan rasuah secara komprehensif. Malaysia mende-

tangani UNCAC pada 9 Disember 2009 dan diratifikasi pada 24 September 2008.

Dalam laporan penilaiannya, UNODC menyatakan, "Usaha mengukuhkan integriti dalam agensi awam dan spartak berkaitan kerajaan (GLC) dengan mewujudkan perubahan Unit Integriti dikategorikan mengikut tahap risiko rasuah, adalah contoh amalan baik".

Promosi amalan cebas rasuah

Perkara ini selaras dengan Artikel 3(2) UNCAC lalu setiap negara anggota mesti berusaha mewujudkan dan memperkukuhkan amalan berkesan bagi mencegah rasuah.

Dalam hal ini, UI bertindak sebagai titik tumpuan penting di agensi awam dalam pengurusan integriti, pencegahan rasuah dan mengesokkan tabdir urus baik.

Antara kerangka berkaitan penubuhan UI di semua agensi awam dikukuhkan melalui Perkering Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 yang dikeluarkan pada 1 Ogos 2013.

“Usaha mengukuhkan integriti, tabdir urus baik dan pencegahan rasuah bukan satu tugas mudah kerana memerlukan komitmen dan masa”

Sehingga kini, sebanyak 221 agensi awam menubuhkan UI, manakala 222 agensi melantik Pegawai Perkhidmatan Integriti bagi melaksanakan fungsi UI.

Bagi spartak berkaitan kerajaan (GLC), kerajaan mengesokkan ditubuhkan Unit Integriti dan Governance (IGI) sebagai dengan Analisa Perdana Menteri No.1 Tahun 2018, Siri 1 No.1 Tahun 2018 yang dikeluarkan pada 5 Oktober 2018. Sebanyak 222 GLC menubuhkan IGI, manakala 222 GLC melantik Pegawai Perkhidmatan Integriti melaksanakan fungsi IGI.

UI agensi awam melaksanakan fungsinya berdasarkan rasam terma rujukan yaitu tabdir urus, pengukuhkan integriti, pengesanan dan pencegahan, pengurusan aduan, pematuhan dan urus setia tabdir urus.

Selain bertanggungjawab kepada ketua agensi

masing-masing, semua UI dikawal selia dan di-selamatkan Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Seluruh UI ditentaskan berdasarkan kajian pemarafan risiko rasuah dilaksanakan SPRM dari semasa ke semasa. Agensi diberi pemarafan sama ada risiko tinggi, risiko sederhana atau risiko rendah. Berdasarkan kajian pemarafan SPRM terbaru, 169 agensi awam berada pada taraf risiko tinggi, 673 agensi awam risiko sederhana dan 100 agensi awam risiko rendah.

SPRM turut memperkukuhkan penguatkuasaan UI agensi awam dan GLC terutama diletakkan taraf sebagai risiko tinggi dan sederhana. Secara keseluruhan, 93 pegawai SPRM ditugaskan di 54 organisasi.

Satu contoh pelaksanaan UI adalah di Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). SPRM memarafkan UI SPRM sebagai risiko tinggi sesuai dengan skop tugasan sebagai agensi penguatkuasaan dan pemungut hasil utama negara.

Terdahulu pada, wangsa kerja JKDM seramai lebih kurang 14,000 orang di seluruh negara. UI JKDM dikawal sebagai Cawangan Integriti yang melapor terus kepada Setia Pengarah Kastam. Komitmen pengurusan tertinggi JKDM ditunjukkan dengan agensi memperkenalkan Cawangan Integriti dari segi bilangan perumatan dan bujet. Cawangan Integriti JKDM mempunyai 21 perjawatan dan dilantik pegawai kanan BPHM bergrad P54. Di setiap pejabat JKDM agensi dan satu unit perjawatan Pegawai Integriti berseparat.

Akhir sekali, usaha mengukuhkan integriti, tabdir urus baik dan pencegahan rasuah bukan satu tugas mudah kerana memerlukan komitmen dan masa. Usaha dilaksanakan hari ini, hasilnya mungkin dirasai dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang.

Walaupun dunia mengiktiraf UI sebagai satu amalan baik, keberkesanannya amat bergantung kepada komitmen pengurusan tertinggi sesebuah agensi.

Dua aspek penting bagi memastikan keberkesanan UI adalah sumber manusia dan peruntukan kewangan. Agensi yang kemudi ini pasti menempatkan sumber manusia merokapi dan individu berkecekapan untuk melaksanakan fungsi UI.

Melaksanakan usaha bagi mengukuhkan integriti, tabdir urus baik dan pencegahan rasuah memerlukan sumber kewangan. Oleh itu, agensi perlu sanggup memperkukuhkan belanjawan kewajannya untuk usaha ini. Pelaburan mengukuhkan integriti pasti menjangkakan pulangan kembali kepada agensi.

Sebuah artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rami BH

Kegagalan mengekang rasuah boleh menyebabkan keruntuhan sesebuah kerajaan. Paling terkini, rasuah menjadi salah satu faktor kebangkrutan negara Sri Lanka. Pada 30 Jun 2022, *International Monetary Fund* (IMF) menasihatkan kerajaan Sri Lanka untuk menangani masalah rasuah dan menaikkan cukai bagi menyelamatkan ekonomi negara itu.

Kejayaan pencegahan rasuah dalam pentadbiran kerajaan tidak bermaksud menghapuskan rasuah secara keseluruhan. Perkara tersebut adalah amat mustahil. Pencegahan rasuah bertujuan mengekang amalan keji itu kepada tahap yang paling minimum. Tindakan penguatkuasaan dan punitif adalah amat penting untuk memberi isyarat keseriusan perbuatan rasuah. Bagaimanapun, langkah awal pencegahan dan pendidikan adalah lebih penting bagi mengelakkan amalan rasuah daripada berlaku.

Penubuhan Unit Integriti (UI) di setiap agensi kerajaan adalah langkah proaktif bagi menangani isu rasuah, salah laku dan kelemahan tadbir urus dalam perkhidmatan awam. Usaha ini adalah amat signifikan kerana strategi pencegahan rasuah yang paling berkesan adalah melalui pembudayaan integriti dalam kalangan pegawai serta kakitangan agensi itu sendiri.

Penubuhan UI merupakan salah satu daripada 15 amalan baik yang dikenal pasti oleh United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) berhubung pematuhan Malaysia bagi Bab II dan Bab V United Nations Convention Against Corruption (UNCAC). Bab II merujuk kepada 'langkah-langkah pencegahan' dan Bab V pula berkaitan 'pemerolehan semula harta jenayah'. Penilaian terhadap Malaysia bagi kedua-dua bab ini dibuat pada tahun 2016 dan 2017.

Untuk rekod, UNCAC ialah konvensyen antarabangsa di bawah UNODC yang mewajibkan negara-negara anggota melaksanakan langkah-langkah pencegahan rasuah secara komprehensif. Malaysia menandatangani UNCAC pada 9 Disember 2003 dan diratifikasi pada 24 September 2008.

Dalam laporan penilaiannya, UNODC menyatakan, "Usaha meningkatkan integriti dalam agensi awam dan syarikat berkaitan kerajaan dengan mewajibkan penubuhan Unit Integriti yang dikategorikan mengikut tahap risiko rasuah, ... adalah contoh amalan baik." Perkara ini selaras dengan Artikel 5(2) UNCAC iaitu setiap negara anggota mesti berusaha untuk mewujudkan dan mempromosikan amalan yang berkesan bagi mencegah rasuah.

UI bertindak sebagai *focal point* di agensi awam dalam pengurusan integriti, pencegahan rasuah dan menggalakkan tadbir urus baik. Arahan kerajaan berkaitan penubuhan UI di semua agensi awam dikuatkuasakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 yang dikeluarkan pada 1 Ogos 2013.

Sehingga kini, sebanyak 331 agensi awam telah menubuhkan UI, manakala 502 agensi melantik Pegawai Perhubungan Integriti bagi melaksanakan fungsi UI.

Bagi syarikat berkaitan kerajaan (SBK), kerajaan mengarahkan agar ditubuhkan Unit Integriti dan Governans (IGU) selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018, Siri 1 No.1 Tahun 2018 yang dikeluarkan pada 5 Oktober 2018. Sebanyak 232 SBK telah menubuhkan IGU, manakala 422 SBK telah melantik Pegawai Perhubungan Integriti untuk melaksanakan fungsi IGU.

UI agensi awam melaksanakan fungsinya berdasarkan enam terma rujukan iaitu tadbir urus; pengukuhan integriti; pengesanan dan pengesanan; pengurusan aduan; pematuhan; dan keurusetiaan tatatertib. Selain bertanggungjawab kepada ketua agensi masing-masing, semua UI dikawal selia dan diselaraskan oleh Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Struktur UI ditentukan berdasarkan kajian penarafan risiko rasuah yang dilaksanakan oleh SPRM dari semasa ke semasa. Agensi diberi penarafan sama ada risiko tinggi, risiko sederhana atau risiko rendah. Berdasarkan kajian penarafan SPRM yang terbaharu, 168 agensi awam ditarafkan sebagai risiko tinggi, 673 agensi awam ditarafkan sebagai risiko sederhana, dan 100 agensi awam ditarafkan sebagai risiko rendah.

SPRM turut menempatkan pegawai-pegawainya di agensi awam dan SBK, terutamanya yang ditarafkan sebagai risiko tinggi dan sederhana. Secara keseluruhannya, 90 pegawai SPRM ditempatkan di 74 organisasi.

Satu contoh pelaksanaan UI adalah di Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). SPRM menarafkan JKDM sebagai risiko tinggi sesuai dengan skop tugasannya sebagai agensi penguatkuasaan dan pemungut hasil utama negara.

Tambahan pula, warga kerja JKDM seramai lebih kurang 14,000 orang di seluruh negara. UI JKDM dikenali sebagai Cawangan Integriti yang melapor terus kepada Ketua Pengarah Kastam Malaysia.

Komitmen pengurusan tertinggi JKDM dizahirkan dengan agenda pemerkasaan Cawangan Integriti dari segi bilangan perjawatan dan bajet. Cawangan Integriti JKDM mempunyai 31 perjawatan dan diketuai pegawai kanan SPRM bergred P54. Di setiap pejabat JKDM peringkat negeri dan zon mempunyai Pegawai Integriti Negeri yang tersendiri.

Akhir sekali, usaha menginstitusikan integriti, tadbir urus baik dan pencegahan rasuah bukan satu tugas mudah dan semestinya memerlukan masa. Usaha yang dilaksanakan hari ini, hasilnya mungkin akan dirasai dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang.

Walaupun dunia mengiktiraf UI sebagai satu amalan baik, keberkesanannya amat bergantung kepada komitmen pengurusan tertinggi sesebuah agensi.

Dua aspek penting bagi memastikan keberkesanan UI adalah sumber manusia dan peruntukan kewangan. Agensi yang komited pasti akan menempatkan sumber manusia yang mencukupi dan individu yang berkelayakan untuk menjalankan fungsi-fungsi UI. Melaksanakan usaha bagi meningkatkan integriti, tadbir urus baik dan pencegahan rasuah sudah tentu memerlukan sumber kewangan.

Oleh itu, agensi mesti sanggup memperuntukkan belanjawan yang sewajarnya untuk usaha tersebut. Jangan lokek, kerana pelaburan bagi menginstitusikan integriti pasti menjanjikan pulangan yang berbaloi kepada agensi.

BERKESANKAH HUKUMAN 'NERAKA DUNIA'?

Oleh Datuk Seri Akhbar Satar

Ahli Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR)
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

PADA 23 Ogos, Mahkamah Persekutuan mengekalkan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta terhadap Datuk Seri Najib Razak kerana salah guna kuasa, pengubahan wang haram dan pecah amanah jenayah ke atas dana SRC International berjumlah RM42 juta, kini berada di Penjara Kajang.

Tetapi ini bukan satu-satunya pertuduhan berkaitan rasuah yang dihadapi Najib, 69, kerana beliau mempunyai empat lagi kes mahkamah yang belum selesai dikaitkan dengan dana pelaburan milik kerajaan 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Namun demikian, mahkamah sekali lagi bakal mencuri tumpuan kerana Najib tidak bersendirian menghadapi tuduhan rasuah memandangkan terdapat beberapa kes berprofil tinggi yang kini berada di pelbagai peringkat pendakwaan, yang terbaru adalah isteri Najib, Datin Seri Rosmah Mansor yang dijatuhi hukuman penjara 10 tahun dan denda RM970 juta kerana meminta dan menerima rasuah dalam projek tenaga hibrid solar RM1.25 bilion untuk 369 sekolah luar bandar di Sarawak.

Kes berprofil tinggi lain yang masih dibicarakan atau menunggu keputusan mahkamah termasuk kes Presiden UMNO Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, bekas Pengerusi Tabung Haji Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim dan Ahli Parlimen Kinabatangan Datuk Seri Bung Moktar Radin dan isterinya, Datin Seri Zizie Izette Samad yang telah diarah membela diri atas pertuduhan rasuah dan bersubahat dalam pelaburan RM150 juta FELCRA.

Bagi banduan berprofil tinggi terutama ahli politik yang dahulunya hidup mewah, penjara adalah 'neraka di dunia'. Kata bekas banduan daripada Penjara Kajang, keadaan sel sangat gelap, tidak selesa dan boleh membuatkan seseorang mengalami kemurungan.



Bagi tujuan ini, terdapat lima falsafah asas hukuman yang dianggap popular oleh pakar kriminologi untuk menghukum banduan tanpa mengira status mereka di dalam masyarakat.

Pembalasan

Pembalasan atau konsep "*an eye for an eye*" atau pembalasan yang setimpal dengan kesan yang diterima oleh mangsa adalah salah satu hukuman tertua yang tergolong dalam kategori hukuman berat. Jika seseorang melakukan kesalahan membunuh, maka hukuman yang dikenakan kepadanya juga adalah hukuman mati/bunuh sebagai pembalasan.

Pembalasan adalah hukuman bagi jenayah terhadap masyarakat dan merampas kebebasan banduan dengan membuat mereka membayar balik hutang kepada masyarakat atas jenayah yang mereka lakukan.

Banduan tetap mesti dihukum mengikut keseriusan jenayahnya. Pakar percaya, bahawa pembalasan adalah alasan yang munasabah dan memberi kesan pesalah. Pendekatan ini bertujuan untuk menghukum banduan kerana mereka berhak dihukum setimpal.

Antara contoh hukuman pembalasan moden termasuk amalan berleluasa mengenakan denda serta menguatkuasakan dasar hukuman mandatori untuk kesalahan tertentu di bawah undang-undang tertentu. Sebagai salah satu hukuman yang berkesan terhadap banduan, pembalasan telah dikritik "*rigid*" dan terhad dalam kapasitinya hanya untuk mengubah tingkah laku masyarakat. Walau bagaimanapun, bentuk hukuman ini masih kekal popular dan diguna pakai oleh banyak negara termasuk Malaysia.

Mematahkan Keupayaan (Incapacitation)

Konsep hukuman ini bertujuan untuk mengurangkan dan menyekat banduan mengulang lagi melakukan jenayah di masa hadapan. Pendekatan ini telah menjadi cara mengasingkan daripada masyarakat supaya mereka tidak lagi boleh membahayakan atau melakukan jenayah dalam kalangan orang awam. Sebagai contoh, Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009 memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun, denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Sepanjang berada di dalam penjara, pesalah rasuah tidak dapat melakukan rasuah tersebut. Kesalahan pecah amanah boleh dihukum rotan dan denda.

Ramai menyuarakan rasa kagum kepada negara China kerana melaksanakan hukuman mati ke atas pegawai kerajaan disabit kesalahan rasuah, malah ada yang mencadangkan kita harus mencontohi negara itu. Mantan Presiden Institut Integriti Malaysia, Datuk Dr Mohd Tap Salleh, mengatakan bahawa 'Orang yang terlibat dengan rasuah patut dihukum tembak mati'.

Walaupun hukuman mati selalunya dianggap wajar sebagai suatu konsep pencegahan tetapi sama ada hukuman mati itu benar-benar boleh menghalang banduan masih dipertikai dan diragui.

Cuma apa yang tidak boleh dipertikaikan ialah apabila dihukum mati, seseorang individu tidak mampu untuk melakukan

kesalahan selanjutnya. Oleh itu, hukuman mati dikatakan tidak dapat dinafikan "berkesan" atau "penyelesaian muktamad" kepada banduan.

Di Malaysia, seperti seksyen 409 Kanun Keseksaan kes pecah amanah jenayah (CBT) oleh penjawat awam/ejen yang boleh dihukum penjara dua tahun atau sehingga 20 tahun dan dengan sebat dan denda. Peruntukan rotan ini boleh dimasukkan ke dalam Akta SPRM 2009.

Ada pendapat mengatakan bahawa penjara telah disifatkan sebagai "sekolah untuk jenayah"; tempat pembiakan jenayah dan untuk melatih banduan biasa melakukan jenayah yang lebih berat atau melahirkan penjenayah profesional.



Pencegahan

Pencegahan adalah bertujuan untuk mencegah jenayah masa hadapan. Ketakutan untuk masuk penjara inilah yang diharapkan akan membuatkan seseorang itu berfikir semula sebelum melakukan jenayah tersebut.

Terdapat dua jenis pencegahan iaitu pencegahan am dan pencegahan khusus.

Pencegahan am bertujuan untuk menghalang orang lain daripada melakukan jenayah, manakala pencegahan khusus menghalang banduan daripada mengulangi jenayah.

Sesetengah aliran pemikiran percaya bahawa jika tujuan utama hukuman adalah untuk memberikan kesakitan fizikal kepada banduan, ia tidak mencapai matlamat utama kecuali jika menyedari betapa seriusnya kesalahan dilakukan olehnya dan untuk bertaubat



Pemulihan

Pemulihan merujuk kepada proses melatih semula dan mencorak tingkah laku banduan untuk menghalang mereka daripada melakukan jenayah yang sama atau jenayah lain pada masa hadapan.

Selain daripada proses sosialisasi, banduan diberi peluang untuk memperoleh dan mengembangkan kemahiran, memberikan khidmat merawat dan memulihkan penagih dadah dan sifat agresif, juga untuk memastikan banduan melakukan pembaharuan atau belajar cara menangani cabaran yang akan dihadapi selepas dibebaskan. Kepakaran, kurikulum pendidikan semula dan integriti pegawai penjara adalah penting untuk menjamin kejayaan pemulihan banduan.



Restorasi

Restorasi adalah hasil daripada proses pemulihan di mana ia mengembalikan banduan kepada masyarakat dengan keyakinan, bahawa mereka boleh berintegrasi semula dengan selamat. Pendekatan ini memfokus kepada pemulihan, pembaikan dan transformasi banduan melalui berbaik semula (*reconciliation*) dengan mangsa dan ahli masyarakat serta tidak mengulangi kesilapan yang sama. Pendekatan terkini ini mengurangkan pesalah berulang.

Sistem penjara Norway adalah suatu sistem unik yang hanya menyekat kebebasan banduan. Sistem ini dianggap sebagai yang terbaik di dunia. Banduan mempunyai akses kepada kemudahan seperti bilik mandi peribadi, peti sejuk, televisyen dan persekitaran luar dengan kawalan keselamatan paling rendah.

Menariknya, sesetengah pakar berkata, Norway antara negara yang mempunyai kadar pesalah berulang paling rendah di dunia. Manakala Singapura yang mempunyai penjara terburuk di mana banduan hanya diberikan tikar jerami serta dua selimut menjelaskan amaran negara itu agar jangan sesekali mencari pasal dengan melakukan jenayah di sana.

55 TAHUN SPRM: TERUS DIGERUNI BONGKAR KES RASUAH BERPROFIL TINGGI

Oleh Ehsan A Marisah



PUTRAJAYA: Menjejak usia ke-55 tahun, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kini terus digeruni apabila bergerak secara proaktif dalam mengurangkan ketirisan dan membanteras pelbagai kes rasuah berprofil tinggi di dalam negara.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, agensi penguatkuasaan itu menyaksikan transformasi besar dalam membanteras rasuah hari ini dengan menggunakan tiga strategi utama, iaitu penguatkuasaan, pencegahan, dan pendidikan.

Beliau berkata, kes berprofil tinggi telah banyak diselesaikan hasil tuntutan pelbagai pihak dan menafikan segala dakwaan bahawa pihaknya mengamalkan sikap 'pilih bulu' atau cenderung kepada satu pihak dalam membanteras rasuah, sebaliknya bersikap profesional serta telus menjalankan tugas tanpa berpihak pada mana-mana entiti.

"Untuk rekod, pegawai-pegawai SPRM dalam menjalankan siasatan kes berprofil tinggi, misalnya 1Malaysia Development Berhad (1MDB), kita bukan sahaja menyiasat malah memulangkan aset.

"Antara lain Op Water melibatkan dana projek infrastruktur mencecah RM3.3 bilion dan Op Kartel melibatkan penyeludupan daging import dari negara sumber tidak sah.

"Seterusnya, kes melibatkan Op Power, iaitu sindiket bitcoin yang mencuri bekalan elektrik telah menyebabkan Tenaga Nasional Bhd (TNB) mengalami kerugian RM2.3 bilion bagi tempoh 2018 hingga 2021, termasuk Op Mitra yang membabitkan penyelewengan dana Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (Mitra) berjumlah RM26.3 juta.

"Manakala, Op Bola-Bola iaitu aktiviti rasuah di Kementerian Dalam Negeri (KDN) berhubung perolehan tender perkhidmatan membekal, memproses, mencetak dan mengepos notis saman Polis Diraja Malaysia (PDRM) bernilai RM42 juta; Op Sticker melibatkan kegiatan penjualan setem hasil kerajaan dan pelekat Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) secara haram dan Op Hacks menyaksikan sindiket terbesar dalam pengeluaran pelekat palsu PLKS," katanya.

Beliau berkata demikian pada wawancara khas bersama media sempena sambutan Ulang Tahun SPRM Ke-55, hari ini.

Jelas Azam lagi, kejayaan membongkar kes berprofil tinggi terus dipergiatkan dalam beberapa siri operasi yang lain antaranya melibatkan Op Kenali, Op Phantom, Op Raya, Op SDB 2.0, Op Sukat, Op Sealord dan Op Selat, sekali gus mendatangkan impak besar kepada masyarakat dan agensi terlibat.

“Op Kenali menyaksikan kegiatan rasuah di Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) berhubung perolehan penyelenggaraan bernilai RM1.36 juta; Op Phantom membabitkan kes rasuah projek milik syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bernilai lebih RM2.3 bilion dan Op Raya melibatkan sindiket kartel tender kerajaan projek bernilai RM3.8 bilion.

“Bagi Op SDB 2.0 pula melibatkan kes menerima rasuah berjumlah lebih RM24 juta sebagai balasan meluluskan pinjaman lebih RM294 juta yang dibuat sebuah syarikat tempatan; Op



Sukat membabitkan pegawai penguat kuasa terlibat dalam melindungi lori lebih muatan dan kesalahan jalan raya.

“Op Sealord pula ialah pembongkaran aktiviti rasuah dan penyelewengan di Depot Bekalan Armada (DBA), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Op Selat menyaksikan pemalsuan cop kemasukan bagi melintasi sempadan negara,” katanya.

Dalam pada itu, tambah Azam, pihaknya turut mengemukakan jumlah statistik tangkapan dan pendakwaan selama tiga tahun bermula 2020 hingga Ogos 2022.

“Dalam hampir tiga tahun bermula 2020 hingga Ogos 2022, kami telah menangkap 2,553 individu dan sebanyak 1,313 pertuduhan pula telah dilaksanakan.

"Jikalau kita perincikan jumlah tersebut, SPRM telah menangkap seramai 998 individu pada 2020 dan 851 individu (2021) dan tahun ini sehingga Ogos, kami telah menahan seramai 704 individu berkaitan kes-kes rasuah.

"Manakala, pertuduhan dalam tempoh yang sama melibatkan jumlah yang besar, iaitu 522 individu dituduh (2020), 525 individu (2021) dan 266 individu bagi tempoh lapan bulan tahun ini," jelasnya.

Katanya lagi, tangkapan dan tuduhan melibatkan individu wanita turut berlaku apabila mencatatkan sejumlah 824 tangkapan dan 356 pertuduhan dari 2017 hingga Ogos 2022.

Sementara itu, Azam berkata, pelbagai usaha mempromosikan semangat integriti dan membanteras rasuah diperkasakan dalam kalangan masyarakat.

"Antaranya *Integrity Pact* yang telah diusahakan SPRM dan Kementerian Kewangan (MOF) supaya ada satu bentuk pemantauan dan bentuk ikrar dalam kalangan mereka yang memasuki tender kerajaan di bawah MOF.

"Ia juga meningkatkan integriti dan memerangi amalan rasuah serta mengelakkan sebarang isu berkaitan konflik berkepentingan dalam perolehan kerajaan.

"Ini termasuk merupakan pengisytiharan dan pembida atau orang awam untuk tidak menawar atau memberi rasuah untuk mendapatkan kontrak atau sebagai ganjaran mendapatkan kontrak dan bagi mempercepatkan satu urusan perolehan kerajaan," katanya.

Seterusnya, Azam berkata, pihaknya turut menggiatkan usaha membudayakan amalan membanteras rasuah ke dalam silibus pendidikan negara.

"Kita dan Kementerian Pendidikan (KPM) telah bekerjasama memperkenalkan elemen antirasuah dalam buku teks sekolah rendah dan menengah secara berperingkat sejak 2016.

"Nilai integriti dan benci rasuah telah dimasukkan dalam buku teks Pendidikan Moral di sekolah Cina dan Tamil, di samping elemen rasuah turut dimasukkan dalam buku teks Pendidikan Sivik, Pendidikan Islam dan Bahasa Melayu," ujarnya.



'KITA KENA SELALU MUDA, IKUT ZAMAN'

Oleh Tan Sri Dato' Sri Haji Azam Baki
Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Putrajaya: Pencegahan, penguatkuasaan dan pendidikan adalah antara fokus berimpak tinggi yang perlu ditekankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) supaya sentiasa proaktif bagi membanteras rasuah dalam tempoh lima tahun akan datang.

Ketua Pesuruhjayanya, Tan Sri Azam Baki berkata, sesiapa yang menerajui SPRM selepas ini haruslah melihat kepada perkara yang melibatkan kemudahan kepada masyarakat yang mampu memberi impak daripada pelbagai aspek seperti ekonomi dan sosiobudaya.

"SPRM harus memainkan peranan dalam pencegahan, penguatkuasaan dan pendidikan agar tindakannya lebih efektif. Kalau dalam penguatkuasaan, teknik sedia ada ini perlu ditambah baik atau perlu diubah.

"Skala dan pengetahuan pegawai perlu dipertingkatkan. Kita tidak boleh ketinggalan dalam teknologi, pembangunan atau modus operandi yang dibuat penjenayah," katanya kepada pemberita dalam temu bual sempena Hari Ulang Tahun SPRM ke-55 hari ini.

Beliau berkata, banyak perkara yang perlu dilihat bagi menjadikan SPRM terus digeruni dan menjadi badan pencegah rasuah yang disegani di mata dunia seiring zaman agar tidak dilabel sebagai lapuk atau dimamah usia.

Azam berkata, dalam tempoh lima tahun akan datang akan berlaku perubahan dari segi teknologi yang juga bakal menyaksikan kes-kes rasuah semakin canggih.

"Malah sekarang ini pun pembayaran rasuah juga berlaku dalam bentuk mata wang kripto. Sukar dikesan... saya akui, SPRM dan Bank Negara Malaysia (BNM) masih mencari jalan penyelesaian cara nak kesan pembayaran wang dalam bentuk alam maya ini.

"Selaras dengan perubahan itu, aktiviti pencegahan pun tidak boleh ditakuk lama. Kita perlu lihat kepada bagaimana sistem tadbir urus yang ada sekarang agar relevan dengan perubahan masa dan teknologi," katanya.

Mengulas mengenai silibus antirasuah dalam pendidikan, Azam berkata, silibus berkenaan dalam buku teks mungkin tidak sesuai dalam tempoh lima tahun akan datang dan perlu dikemas kini dalam membentuk sahsiah masyarakat yang menolak dan bencikan rasuah.

"Sekarang mungkin ia relevan. Akan datang, dengan perubahan minda rakyat, teknologi dan sebagainya, kita semua pun akan berfikiran lain, generasi Y berfikiran lain. Maka kita perlu bersatu bersama mereka.

"Sebab itu ada satu ayat yang saya selalu kata, kita kena selalu muda, ikut zaman. Saya mungkin 59 (tahun) tapi saya harus muda dengan ikut orang muda. Apa orang muda fikir, saya juga kena fikirlah," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai cadangan agar Ketua Pesuruhjaya SPRM perlu mempunyai kuasa untuk melakukan pendakwaan, Azam berkata, peranan itu tidak perlu dan bidang kuasa sedia ada sudah memadai.

"Baru-baru ini keluar satu artikel mengatakan KP SPRM perlu mempunyai kuasa untuk mendakwa. Pendapat peribadi saya kekal (kuasa sedia ada) dan tidak sepatutnya mempunyai kuasa itu (mendakwa).

"Tugas kami adalah untuk menyasiat dan membawa kertas siasatan kepada Jabatan Peguam Negara. Mereka akan membuat keputusan. Mereka akan mendakwa di mahkamah dan biarkan hakim yang membuat keputusan," katanya.

ISU 'INTEGRITY PACT' TIDAK IKUT PIAWAIAN ANTARABANGSA TIDAK TEPAT - SPRM

Putrajaya: 1 Okt (Bernama) - Pandangan mengenai pelaksanaan *Integrity Pact* yang dikatakan tidak mencapai piawaian antarabangsa adalah tidak tepat, kerana ia telah ditambah baik dengan sistem dan garis panduan yang jelas serta relevan pada masa ini, kata Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Azam Baki.

Beliau berkata, cadangan supaya diwujudkan pihak ketiga sebagai pemantau bebas, bagi menjamin ketelusan proses pembidaan dari tender dikeluarkan kepada syarikat sehingga siap projek, tidak terikat di bawah mana-mana peruntukan undang-undang yang mewajibkannya dilaksanakan, di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

"*Integrity Pact* yang ditambah baik mempunyai sistem dan garis panduan yang cukup jelas, tambahan pula dengan adanya peruntukan baharu yang dimasukkan seperti Seksyen 17A Akta SPRM 2009, ia dilihat relevan dari segi pelaksanaannya buat masa ini.

"Penglibatan pihak ketiga untuk memantau projek-projek kerajaan juga bergantung kepada jenis projek, kerana bukan semua projek sesuai disertai pihak ketiga atas faktor kepentingan dan kerahsiaan kerajaan, misalnya projek melibatkan agensi penguat kuasa atau pertahanan awam dan negara," katanya kepada pemberita baru-baru ini sempena Hari Ulang Tahun SPRM ke-55 yang disambut hari ini.

Azam tidak menafikan terdapat negara yang mempraktikkan mekanisme tersebut bagi menjamin ketelusan dalam urusan perolehan namun, ia bergantung kepada sesebuah negara dan keperluan semasa.

Beliau menegaskan ketiadaan pemantauan daripada pihak ketiga, tidak bermaksud *Integrity Pact* tidak boleh dilaksanakan secara berkesan.

Malah, sehingga hari ini, tiada sebarang kajian yang menunjukkan isu rasuah dan salah guna kuasa atau isu ketirisan perolehan kerajaan, dapat diatasi sepenuhnya dengan adanya pemantau bebas," katanya.

Selain itu, beliau berkata melalui pelantikan pihak ketiga, timbul persoalan mengenai kos projek dengan bayaran perkhidmatan dan nilai kos perlu dipertimbangkan bagi tujuan itu.

Bagaimanapun, Azam berkata pihaknya mengalu-alukan sebarang penambahbaikan pada masa depan demi kepentingan semua pihak.

Menurutnya, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) yang diadakan tahun lepas, telah mengesyorkan lima penambahbaikan dan salah satu daripadanya ialah melaksanakan kajian lanjut bagi projek rintis pemantau bebas.

"Sekiranya projek rintis tersebut membuktikan keberkesanan dan adanya keperluan untuk memasukkan pihak ketiga sebagai pemantau bebas bagi meningkatkan ketelusan setiap urusan perolehan kerajaan, maka SPRM akan turut menerima penambahbaikan tersebut demi kepentingan semua," katanya.

Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam perolehan kerajaan, merupakan salah satu inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) - Membanteras Rasuah telah dikuatkuasakan mulai 1 Jun lepas.

Azam berkata, ia merupakan antara 111 inisiatif yang dilaksanakan di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 untuk meningkatkan integriti, memerangi amalan rasuah serta mengelak sebarang isu berkaitan konflik kepentingan dalam perolehan kerajaan.

SPRM terus perkasasa strategi lahirkan masyarakat antirasuah

• Kaedah Intelligence Based Investigations lebih proaktif, berjaya pulangkan aset kepada kerajaan

• Syarikat laksana program integriti, antirasuah layak memohon potongan cukai pendapatan kasar perniagaan



Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Oleh Tan Sri Azam Baki
bhrencana@bh.com.my

Lebih lima dekad atau lebih tepat 55 tahun penubuhannya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terus tekad berjuang memengaruhi jenayah rasuah di negara ini. Selari perkembangan pesat ekonomi negara, ia menuntut agensi penguat kuasa itu melaksanakan transformasi besar dalam membantersa rasuah menggunakan tiga strategi utama, iaitu dari segi penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan.

Sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM, saya melihat suruhanjaya ini melalui empat era evolusi dengan pertama ialah pascakemerdekaan yang terlahir dari bawah Jabatan Bertindak Menteri (JPB) menjelang kerja pencegahan rasuah dan pendidikan masyarakat, manakala satu lagi adalah unit polis, iaitu Cawangan Khas menyiasat kes-kesalahan rasuah.

Pada 1 Oktober 1967, Badan Pencegah Rasuah (BPR) ditubuhkan dengan menagihkannya kedua-dua entiti tadi menjadikannya identiti tersendiri yang bebas menjalankan tugas pencegahan rasuah, khususnya tugas penyiasatan.

Bagi era kedua, BPR pada 1972 ditukar nama kepada Biro Siasatan Negara (BSN) yang bukan semata-mata menyiasat rasuah, bahkan kes keselamatan dan isu sensitif negara.

Era ketiga berlaku apabila Akta Pencegahan Rasuah 1981 dan Akta Badan Pencegah Rasuah 1982 digabungkan, iaitu dijadikan satu aka dinamakan Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Mekanisme semak,imbang

Tahun 2009 pula menyaksikan era keempat apabila BPR menjadi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bermula 1 Januari dengan aka baru dinamakan Akta SPRM 2009.

Ketika itu, mekanisme semak danimbang turut ditwujudkan yang SPRM dipantau lima badan pemantau bebas. Sebelum 2009, banyak kes diisytiharkan reaktif dengan BPR lebih kepada menerima maklumat atau aduan orang ramai, tetapi selepas tahun itu, kaedah proaktif dan pengitipan digunakan untuk memonitor kes sindiket atau rasuah secara bergerombakan.

Kaedah ini diperkembangkan lagi dan SPRM kini menggunakan *Intelligence Based Investigations* (IBI) yang lebih proaktif. Kaedah ini digunakan untuk kes terhadap subjek, kemudian memulungkan aset kepada kerajaan.

Sejak tahun-tahun kelabekelangan ini, kaedah itu

digunakan untuk memborong kes berprofil tinggi seperti Op Water, Op Power, Op Hack, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan SRC International.

SPRM juga membekalkan 91.1 peratus atau 206 kes salah laku rasuah berakhir dengan sabitan daripada 222 kes selesai dibicarakan bagi 2021 dan kejayaan itu melebihi kadar sabitan kesalahan rasuah sebanyak 90 peratus ditetapkan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

Dari segi pemuliharaan aset pada, tahun lalu, jumlah aset dituliskan hak dan dipulangkan kepada kerajaan adalah RM5.1 bilion, iaitu 69.57 peratus daripada kes 1MDB.

Pada masa sama, undang-undang berkaitan pembiayaan dana politik harus digerakkan agar ahli dan parti politik menerima dana berkanan perlu mengisytiharkan dana diterima supaya lebih jelas serta bebas daripada sebarang unsur rasuah.

Ahli politik perlu mengisytiharkan jumlah dana diterima dan sumber kepada sebuah entiti ditubuhkan kerajaan untuk mengelak pembiayaan mencurigakan.

Disebabkan tiada undang-undang dan peraturan pembiayaan politik, mereka diisytiharkan akan dituduh mengikut akta sedia ada seperti Akta SPRM 2009, Pecah Amanah atau Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Rognasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

SPRM berpendirian sudah sampai masanya isu pembiayaan dana politik diwujudkan undang-undang khusus yang perlu disegerakan kerana sursuhannya ini banyak menerima tohmahan daripada masyarakat meminta untuk menyiasat entiti politik dikatakan menerima dana berbentuk rasuah.

Kita semua bersetuju mencegah lebih baik daripada memulau. Justeru, SPRM komited melaksanakan fungsinya dalam memberi khidmat nasihat ke arah penambahbaikan sistem dan prosedur agensi.

Antara kejayaan SPRM ialah menyediakan perkhidmatan dalam menasihati jabatan kerajaan berkenaan perkara atau isu kelengkapan sistem dan prosedur jabatan melalui bimbingan serta memberikan latihan membentuk Pelan Antirasuah Organisasi (NACP).

Pada 19 April 2021, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengemili Anti-Rasuah (JKKMAR) bersetuju modul Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAA) ditawarkan sebagai subjek ekompi peringkat sivil, diploma serta sarjana muda di semua institusi pengajian tinggi mulai 2022, seterusnya menjadi kursus wajib mulai 2023.

Terkini, modul KIAA bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) akan dilancarkan dalam masa terdekat di 22 Institut Latihan Kemahiran Bola dan Sukan (ILKS) seluruh negara.

Pada peringkat sekolah, SPRM menganjurkan program Wira Atri Rasuah (WAR) sejak 2014 dan hingga kini berjaya membabitkan lebih 24,000 pe-

lajar dan 4,100 guru.

Dengan kerjasama Kementerian Pendidikan (KPM), elemen antirasuah diperkenalkan dalam buku teks sekolah rendah dan menengah secara bertperingkat sejak 2016 dengan nilai integriti serta benu rasuah dimasukkan dalam buku teks Pendidikan Moral (Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil), Pendidikan Sivik, Pendidikan Islam serta Bahasa Melayu.

Promosi semangat integriti

Pelbagai usaha mempromosikan semangat integriti dan membentersa rasuah diperkatakan dalam masyarakat. Antaranya, *Integrity Pledge* yang diusahakan SPRM dan Kementerian Kowangan supaya ada penamungan dan bentuk iktir dalam kalangan mereka memamoli tender kerajaan.

Itu juga meningkatkan integriti dan memerangi amalan rasuah serta mengisytiharkan isyarat berkanan konkrit berkepentingan dalam perolehan kerja.

Integrity Pact ialah pengisytiharan pembida atau orang-swast untuk tidak menawar atau memberi rüşuah bagi mendapatkan kontrak atau sebagai paturusan mendapatkan kontrak dan mempercepatkan sesuatu urusan perolehan kerajaan.

Pada 5 April 2021, Menteri Kowangan meluluskan secara dasar potongan cukai kepada syarikat melaksanakan program integriti dan antirasuah yang memberi insentif kepada komuniti serta dilaksanakan bermula 1 Jun lalu.

Potongan cukai di bawah Seksyen 346(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 melaikan syarikat atau penyumbang memohon potongan cukai daripada pendapatan kasar perniagaan satu amaran bersamaan amaran perolehan dibayar.

Sempena Ulang Tahun SPRM Ke-55, saya ingin mengagapi atau memartabatkan SPRM sebagai badan berprestasi dan berwawasan, iaitu menjadikannya masyarakat berintegriti serta bebas rasuah.

Saya berharap dalam tempoh lima tahun akan datang, SPRM terus memperkasakan tiga strategi berkenaan, pada masa sama mengukuhkan lagi dasar, strategi, tenaga kerja serta aka supaya selaras dengan perniagaan semasa.

Rasuah ialah gelaub rasuah dilawan habis-habisan secepat mungkin masyarakat. Ia tidak harus diletakkan di atas bahu satu agensi penguat kuasa sahaja, malah harus dipikul bersama semua institusi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat sivil.

Satu perubahan paradigma perlu berlaku supaya rasuah tidak lagi dilatih amalan dan budaya, tetapi perbuatan jiji serta musuh negara, bangsa dan agama.

Semua artikel penulis mana adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH.

Sidang Redaksi

Pengarang Kumpulan
DATUK AHMAD ZAINI KAMARUZZAMAN
mazdai@mspmedia.com.my

Pengarang Eksekutif Kandungaan & Digital
M THILLANADAN
thilly@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Pengelesen
AZHAR A SAMAH
azhar@bh.com.my

SPRM TERUS PERKASA STRATEGI LAHIRKAN MASYARAKAT ANTIRASUAH

Oleh Tan Sri Dato' Sri Haji Azam Baki
Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Lebih lima dekad atau lebih tepat 55 tahun penubuhannya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terus tekad berjuang memengaruhi jenayah rasuah di negara ini.

Selari perkembangan pesat ekonomi negara, ia menuntut agensi penguat kuasa itu melaksanakan transformasi besar dalam membantersa rasuah

menggunakan tiga strategi utama, iaitu dari segi penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan.

Sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM, saya melihat suruhanjaya ini melalui empat era evolusi dengan pertama ialah pascakemerdekaan yang terdapat dua agensi, iaitu satu di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) menjalankan kerja pencegahan rasuah dan pendidikan masyarakat, manakala satu lagi adalah unit polis, iaitu Cawangan Khas menyiasat kes kesalahan rasuah.

Pada 1 Oktober 1967, Badan Pencegah Rasuah (BPR) ditubuhkan dengan menggabungkan kedua-dua entiti tadi menjadikan identiti tersendiri yang bebas menjalankan tugas pencegahan rasuah, khususnya tugas penyiasatan.

Bagi era kedua, BPR pada 1972 ditukar nama kepada Biro Siasatan Negara (BSN) yang bukan setakat menyiasat rasuah, bahkan kes membabitkan keselamatan dan isu sensitif negara.

Era ketiga berlaku apabila Akta Pencegahan Rasuah 1961 dan Akta Badan Pencegah Rasuah 1982 digabungkan, lalu dijadikan satu akta dinamakan Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Mekanisme semak, imbang

Tahun 2009 pula menyaksikan era keempat apabila BPR menjadi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bermula 1 Januari dengan akta baharu dinamakan Akta SPRM 2009.

Ketika itu, mekanisme semak dan imbang turut diwujudkan yang SPRM dipantau lima badan pemantau bebas.

Sebelum 2000, banyak kes disiasat adalah reaktif dengan BPR lebih kepada menunggu maklumat atau aduan orang ramai, tetapi selepas tahun itu, kaedah perisikan dan pengintipan digunakan untuk membongkar kes sindiket atau rasuah secara bergerombolan.

Kaedah ini diperkembangkan lagi dan SPRM kini menggunakan *Intelligence Based Investigations* (IBI) yang lebih proaktif. Kaedah ini digunakan untuk kes berprofil tinggi, iaitu *Deep Analysis* dilaksanakan terhadap subjek, kemudian memulangkan aset kepada kerajaan.

Sejak tahun-tahun kebelakangan ini, kaedah itu digunakan untuk membongkar kes berprofil tinggi seperti Op Water, Op Power, Op Hack, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan SRC International.

SPRM juga merekodkan 91.1 peratus atau 266 kes salah laku rasuah berakhir dengan sabitan daripada 292 kes selesai dibicarakan bagi 2021 dan kejayaan itu melebihi kadar sabitan kesalahan rasuah sebanyak 90 peratus ditetapkan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023.

Dari segi pemulihan aset pula, tahun lalu, jumlah aset dilucutkan hak dan dipulangkan kepada kerajaan adalah RM5.1 bilion, iaitu 99.57 peratus daripada kes 1MDB.

Pada masa sama, undang-undang berkaitan pembiayaan dana politik harus disegerakan agar ahli dan parti politik menerima dana berkenaan perlu mengisytiharkan dana diterima supaya lebih telus serta bebas daripada sebarang unsur rasuah.

Ahli politik perlu mengisytiharkan jumlah dana diterima dan sumber kepada sebuah entiti ditubuhkan kerajaan untuk mengelak pembiayaan mencurigakan.

Disebabkan tiada undang-undang dan peraturan pembiayaan politik, mereka disyaki akan dituduh mengikut akta sedia ada seperti Akta SPRM 2009, Pecah Amanah atau Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

SPRM berpendirian sudah sampai masanya isu pembiayaan dana politik diwujudkan undang-undang khusus yang perlu disegerakan kerana suruhanjaya ini banyak menerima tohmahan daripada masyarakat meminta untuk menyiasat entiti politik dikatakan menerima dana berbentuk rasuah.

Kita semua bersetuju mencegah lebih baik daripada mengubati. Justeru, SPRM komited melaksanakan fungsinya dalam memberi khidmat nasihat ke arah penambahbaikan sistem dan prosedur agensi.

Antara kejayaan SPRM ialah menyediakan perkhidmatan dalam menasihati jabatan kerajaan berkenaan perkara atau isu kelompangan sistem dan prosedur jabatan melalui bimbingan serta memberikan latihan membentuk Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).

Pada 19 April 2021, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) bersetuju modul Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) ditawarkan sebagai subjek elektif peringkat sijil, diploma serta sarjana muda di semua institusi pengajian tinggi mulai 2022, seterusnya menjadi kursus wajib mulai 2023.

Terkini, modul KIAR bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) akan ditawarkan dalam masa terdekat di 22 Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) seluruh negara.

Pada peringkat sekolah, SPRM menganjurkan program Wira Anti Rasuah (WAR) sejak 2014 dan hingga kini berjaya membabitkan lebih 24,000 pelajar dan 4,100 guru.

Dengan kerjasama Kementerian Pendidikan (KPM), elemen antirasuah diperkenalkan dalam buku teks sekolah rendah dan menengah secara berperingkat sejak 2016 dengan nilai integriti serta benci rasuah dimasukkan dalam buku teks Pendidikan Moral (Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil), Pendidikan Sivik, Pendidikan Islam serta Bahasa Melayu.

Promosi semangat integriti

Pelbagai usaha mempromosikan semangat integriti dan membanteras rasuah diperkasakan dalam masyarakat. Antaranya, *Integrity Pact* yang diusahakan SPRM dan Kementerian Kewangan supaya ada pemantauan dan bentuk ikrar dalam kalangan mereka memasuki tender kerajaan.

la juga meningkatkan integriti dan memerangi amalan rasuah serta mengelak sebarang isu berkaitan konflik berkepentingan dalam perolehan kerajaan.

Integrity Pact ialah pengisytiharan pembida atau orang awam untuk tidak menawar atau memberi rasuah bagi mendapatkan kontrak atau sebagai ganjaran mendapatkan kontrak dan mempercepatkan sesuatu urusan perolehan kerajaan.

Pada 5 April 2021, Menteri Kewangan meluluskan secara dasar potongan cukai kepada syarikat melaksanakan program integriti dan antirasuah yang memberi manfaat kepada komuniti serta dikuatkuasakan bermula 1 Jun lalu.

Potongan cukai di bawah Seksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 melayakkan syarikat atau penyumbang memohon potongan cukai daripada pendapatan kasar perniagaan satu amaun bersamaan amaun perbelanjaan dibuat.

Sempena ulang tahun SPRM ke-55, saya ingin mengangkat atau memartabatkan SPRM sebagai badan bervisi dan berwawasan, iaitu menjadikan masyarakat berintegriti serta bebas rasuah.

Saya berharap dalam tempoh lima tahun akan datang, SPRM terus memperkasakan tiga strategi berkenaan, pada masa sama mengukuhkan lagi dasar, strategi, tenaga kerja serta akta supaya selaras dengan perkembangan semasa.

Rasuah ialah gejala harus dilawan habis-habisan segenap lapisan masyarakat. Ia tidak harus diletakkan di atas bahu satu agensi penguat kuasa sahaja, malah harus dipikul bersama semua institusi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat sivil.

Satu perubahan paradigma perlu berlaku supaya rasuah tidak lagi dilihat amalan dan budaya, tetapi perbuatan jijik serta musuh negara, bangsa dan agama.

Evolusi 55 tahun SPRM perangi rasuah

MASZUREEN HADZMAN

SEPANJANG tempoh 55 tahun penubuhannya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terus mengekalkan relevansinya sebagai agensi penguat kuasa dengan sentiasa berubah mengikut peredaran zaman dalam membanteras pelbagai kes rasuah sekali gus mengurangkan ketirisan dana negara.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya melaksanakan transformasi besar menggunakan tiga strategi utama, iaitu dari segi penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan. Jelas beliau, tindakan menjalankan siasatan selepas menerima aduan telah ketinggalan yang mana SPRM kini mengamalkan Siasatan Berasaskan Risiko (IB) dan Siasatan Berasaskan Pasukan Pengurusan (MTI), iaitu langkah lebih proaktif dalam membongkar kes berprofil tinggi.

PERKASA TIGA STRATEGI

Dalam tempoh lima tahun akan datang, SPRM bakal terus memperkasakan tiga strategi berkenaan. Pada masa sama mengekalkan lagi dasar, strategi, tenaga kerja dan akta supaya selaras dengan perkembangan semasa. Selari dengan perkembangan teknologi, taktik rasuah dilihat semakin rumit dan SPRM menjalankan kerjasama dengan Bank Negara Malaysia (BNM) bagi menguruskan serta mengesan aktiviti dan wang rasuah yang dilakukan secara dalam talian. Bericita mengenai pencapaian SPRM, Azam berkata, kejayaan yang dicapai adalah hasil usahanya para pegawai yang berani serta tabah dalam menjalankan tugas yang diamanahkan sehingga berjaya membantu dalam kemenangan kes pendakwaan.

"Setiap kes memerlukan enam hingga tujuh pegawai penyiasat. Semakin besar



SPRM bekerjasama dengan Nottingham Trent University, United Kingdom dalam membangunkan modul kursus asas pegawai bagi meningkatkan tahap profesional para pegawainya. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Semakin besar skala kes, semakin ramai pegawai diperlukan.

skala kes, semakin ramai pegawai diperlukan. Justeru, kami tidak berhenti menjalankan tugas termasuk dalam tempoh pandemik," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Putrajaya, baru-baru ini.

KEK BERPROFIL TINGGI SELESA

Kes berprofil tinggi banyak diselesaikan hasil tumpuan pelbagai pihak dan memahamkan segala dakwaan bahawa SPRM mengamalkan sikap pilih buba atau cenderung kepada satu-satu pihak dalam membanteras rasuah. Sebaliknya bersikap profesional serta telus menjalankan tugas tanpa berpihak pada mana-mana entiti.

Menurut Azam, antara siasatan berprofil tinggi melibatkan kes iMajaysia Development Berhad (iMDB) dan SRC International Sdn. Bhd. yang bukan

salaha meniasat mereka yang berpangkat dan berkedudukan tinggi, malah memulangkan aset yang mana SPRM menjejaki harta-harta yang hilang di luar negara.

"Dalam masa sama, kes skandal air Sabah dan kes melibatkan kartel yang semakin banyak berlaku.

"Menurusi Op Power, iaitu sindiket bitcoin yang mencetuskan gelombang elektrik telah menyebabkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengalami kerugian RM2.3 bilion dalam tempoh empat tahun selain operasi berkaitan dana Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (Mitra)," ujarnya.

WANITA TURUT

DITANGKAP, DITUDUH
Dalam pada itu, tambah Azam, dalam tempoh hampir tiga tahun bermula 2020 hingga Ogos 2022, SPRM menangkap 2,553 individu dan sebanyak 3,313 pertuduhan dilaksanakan.

"Ika kita pertincikan jumlah tersebut, SPRM telah menangkap seramai 998 individu pada 2020, 851 (2021) dan tahun ini sehingga Ogos, kami menahan 704 individu berkaitan kes-kes rasuah.

"Manakala pertuduhan dalam tempoh sama melibatkan jumlah yang

besar, iaitu 522 individu dituduh pada 2020, 525 (2021) dan 366 bagi tempoh lapan bulan pertama tahun ini," ujarnya.

Berhubung penglibatan golongan wanita dalam kes salah laku rasuah yang semakin berleluasa, berdasarkan statistik bagi 2017 ialah seramai 101 orang dan meningkat kepada 125 (2018) manakala pada 2019 seramai 188 orang, 154 (2020) dan 114 (2021) dengan jumlah keseluruhan ditangkap dari Januari 2017 hingga Ogos 2022 sebanyak 824 orang.

beliau berpendapat, perkara ini berlaku mungkin disebabkan golongan wanita sekarang sudah memegang jawatan yang tinggi sama seperti lelaki. Oleh itu, mereka juga terdedah kepada ruang dan peluang untuk menerima atau memberi rasuah.

PERKASA SEMANGAT INTEGRITI DALAM MASYARAKAT

Sementara itu, Azam memberitahu, pelbagai usaha mempromosikan semangat integriti dan membanteras rasuah dipraktikkan dalam kalangan masyarakat.

"Antaranya Integrity Pact yang telah diusahakan SPRM dan Kementerian Kewangan (MOF) supaya ada satu bentuk

pemantauan dan ikrar dalam kalangan memasuki tender kerajaan di bawah MOF. Ia juga meningkatkan integriti dan memeringi amalan rasuah serta mengelaskan sebarang isu berkaitan konflik kepentingan dalam perolehan kerajaan.

"Ini termasuk pengisytiharan pembida atau orang awam untuk tidak menawan dan memberi rasuah bagi mendapatkan kontrak atau sebagai ganjaran mendapatkan kontrak dan bagi mempercepat satu-satu urusan perolehan kerajaan," katanya.

Satu lagi pencapaian yang dibanggakan ialah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) mendapat penaralan sebagai pusat memberi pendidikan tinggi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada 2020 selain bekerjasama dengan Nottingham Trent University, United Kingdom dalam membangunkan modul kursus asas pegawai bagi meningkatkan tahap profesional pegawai SPRM.

Seterusnya, Azam menjelaskan, pihaknya turut menggiatkan usaha membandingkan amalan membanteras rasuah dalam silibus pendidikan negara.

"Kita dan Kementerian Pendidikan telah bekerjasama memperkatakan elemen antirasuah dalam buku teks sekolah rendah dan menengah secara berperingkat sejak 2016," ujarnya.

Sementara itu, pada 19 April 2021, Jawatankuasa Khaz Kabinet Mengenal Anti Rasuah bersetuju agar modul KJAR ditawarkan sebagai subjek elektif peringkat sijil, diploma dan sarjana muda di semua institusi pengajian tinggi (IPT) mulai 2022, seterusnya menjadi kursus wajib mulai 2023. Terkini, modul Kursus Integriti dan Anti Rasuah (KJAR) bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) akan ditawarkan dalam masa terdekat di 22 Institut Latihan dan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) di seluruh negara.

PERULIS: ulah wartawan Utusan Malaysia

EVOLUSI 55 TAHUN SPRM PERANGI RASUAH

Oleh Maszureen Hadzman

SEPANJANG tempoh 55 tahun penubuhannya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terus mengekalkan relevansinya sebagai agensi penguat kuasa dengan sentiasa berubah mengikut peredaran zaman dalam membanteras pelbagai kes rasuah sekali gus mengurangkan ketirisan dana negara.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya melaksanakan transformasi besar menggunakan tiga strategi utama,

iaitu dari segi penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan. Jelas beliau, tindakan menjalankan siasatan selepas menerima aduan telah ketinggalan yang mana SPRM kini mengamalkan Siasatan Berasaskan Risiko (IB) dan Siasatan Berasaskan Pasukan Pengurusan (MTI), iaitu langkah lebih proaktif dalam membongkar kes berprofil tinggi.

PERKASA TIGA STRATEGI

Dalam tempoh lima tahun akan datang, SPRM bakal terus memperkasakan tiga strategi berkenaan. Pada masa sama mengukuhkan lagi dasar, strategi, tenaga kerja dan akta supaya selaras dengan perkembangan semasa. Selari dengan perkembangan teknologi, taktik rasuah dilihat semakin rumit dan SPRM menjalinkan kerjasama dengan Bank Negara Malaysia (BNM) bagi menguruskan serta mengesan aktiviti dan wang rasuah yang dilakukan secara dalam talian.

Bercerita mengenai pencapaian SPRM, Azam berkata, kejayaan yang dicapai adalah hasil usahasama para pegawainya yang berani serta tabah dalam menjalankan tugas yang diamanahkan sehingga berjaya membantu dalam kemenangan kes pendakwa.

"Setiap kes memerlukan enam hingga tujuh pegawai penyiasat. Semakin besar skala kes, semakin ramai pegawai diperlukan. Justeru, kami tidak berhenti menjalankan tugas termasuk dalam tempoh pandemik," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Putrajaya, baru-baru ini.

KES BERPROFIL TINGGI SELESAI

Kes berprofil tinggi banyak diselesaikan hasil tuntutan pelbagai pihak dan menafikan segala dakwaan bahawa SPRM mengamalkan sikap pilih bulu atau cenderung kepada satu-satu pihak dalam membanteras rasuah. Sebaliknya bersikap profesional serta telus menjalankan tugas tanpa berpihak pada mana-mana entiti.

Menurut Azam, antara siasatan berprofil tinggi melibatkan kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan SRC International Sdn. Bhd. yang bukan sahaja menyiasat mereka yang berpangkat dan berkedudukan tinggi, malah memulangkan aset yang mana SPRM menjejak harta-harta yang hilang di luar negara.

"Dalam masa sama, kes skandal air Sabah dan kes melibatkan kartel yang semakin banyak berlaku.

"Menerusi Op Power, iaitu sindiket bitcoin yang mencuri bekalan elektrik telah menyebabkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengalami kerugian RM2.3 bilion dalam tempoh empat tahun selain operasi berkaitan dana Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (Mitra)," ujarnya.

WANITA TURUT DITANGKAP, DITUDUH

Dalam pada itu, tambah Azam, dalam tempoh hampir tiga tahun bermula 2020 hingga Ogos 2022, SPRM menangkap 2,553 individu dan sebanyak 1,313 pertuduhan dilaksanakan.

"Jika kita perincikan jumlah tersebut, SPRM telah menangkap seramai 998 individu pada 2020, 851 (2021) dan tahun ini sehingga Ogos, kami menahan 704 individu berkaitan kes-kes rasuah.

"Manakala pertuduhan dalam tempoh sama melibatkan jumlah yang besar, iaitu 522 individu dituduh pada 2020, 525 (2021) dan 266 bagi tempoh lapan bulan pertama tahun ini," ujarnya.

Berhubung penglibatan golongan wanita dalam kes salah laku rasuah yang semakin berleluasa, berdasarkan statistik bagi 2017 ialah seramai 101 orang dan meningkat kepada 125 (2018) manakala pada 2019 seramai 188 orang, 154 (2020) dan 114 (2021) dengan jumlah keseluruhan ditangkap dari Januari 2017 hingga Ogos 2022 sebanyak 824 orang.

Beliau berpendapat, perkara ini berlaku mungkin disebabkan golongan wanita sekarang sudah memegang jawatan yang tinggi sama seperti lelaki. Oleh itu, mereka juga terdedah kepada ruang dan peluang untuk menerima atau memberi rasuah.

PERKASA SEMANGAT INTEGRITI DALAM MASYARAKAT

Sementara itu, Azam memberitahu, pelbagai usaha mempromosikan semangat integriti dan membanteras rasuah diperkasakan dalam kalangan masyarakat.

"Antaranya *Integrity Pact* yang telah diusahakan SPRM dan Kementerian Kewangan (MOF) supaya ada satu bentuk pemantauan dan ikrar dalam kalangan memasuki tender kerajaan di bawah MOF. Ia juga meningkatkan integriti dan memerangi amalan rasuah serta mengelakkan sebarang isu berkaitan konflik berkepentingan dalam perolehan kerajaan.

"Ini termasuk pengisytiharan pembida atau orang awam untuk tidak menawar dan memberi rasuah bagi mendapatkan kontrak atau sebagai ganjaran mendapatkan kontrak dan bagi mempercepat satu-satu urusan perolehan kerajaan," katanya.

Satu lagi pencapaian yang dibanggakan ialah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) mendapat penarafan sebagai pusat pemberi pendidikan tinggi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada 2020 selain bekerjasama dengan Nottingham Trent University, United Kingdom dalam membangunkan modul kursus asas pegawai bagi meningkatkan tahap profesional pegawai SPRM.



Seterusnya, Azam menjelaskan, pihaknya turut menggiatkan usaha membudayakan amalan membanteras rasuah dalam silibus pendidikan negara.

"Kita dan Kementerian Pendidikan telah bekerjasama memperkenalkan elemen antirasuah dalam buku teks sekolah rendah dan menengah secara berperingkat sejak 2016," ujarnya.

Sementara itu, pada 19 April 2021, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah bersetuju agar modul KIAR ditawarkan sebagai subjek elektif peringkat sijil, diploma dan sarjana muda di semua institusi pengajian tinggi (IPT) mulai 2022, seterusnya menjadi kursus wajib mulai 2023. Terkini, modul Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) akan ditawarkan dalam masa terdekat di 22 Institusi Latihan dan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) di seluruh negara.

Perkongsian sempena ulang tahun Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke-55 bersama Ketua Pesuruhjaya SPRM TAN SRI AZAM BAKI.

Tahun ini SPRM menyambut ulang tahun ke-55, apakah pencapaian terbesar SPRM setakat ini?

Seerti yang diketahui umum, SPRM menekankan tiga strategi utama iaitu daripada segi pengetahuan, pencegahan dan pendidikan.

Jika dilihat secara menyeluruh, semenjak perubahan SPRM, banyak kejayaan yang telah dicapai oleh SPRM, bukan sahaja daripada segi operasi malah termasuk aspek pencegahan dan pendidikan.

Sebagai perkongsian, SPRM telah membentuk satu kaedah penyelesaian yang menjayakan kes berprofil tinggi melibatkan individu berjawatan atau berkedudukan tinggi.

Jika diperincikan daripada segi kejayaan operasi, setakat ini, SPRM telah merekodkan sebanyak 91.1 peratus atau 266 kes salah laku rasuah yang berakhir dengan sabitan daripada 295 kes yang selesai dibicarakan bagi tahun 2021. Ini merupakan satu kejayaan kerana melebihi kadar sabitan kesalahan rasuah sebanyak 90 peratus yang ditetapkan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023.

Daripada segi pemulihan aset pula, tahun lalu, jumlah aset yang dilucutkan hak dan dipulangkan kepada Kerajaan Malaysia adalah sebanyak RM5.1 bilion, iaitu 99.57 peratus adalah daripada kes iMalaysia Development Berhad (iMDB). Sasian terhadap kes berkenaan boleh dikatakan sebagai sangat mencabar kerana banyak kalangan yang kami hadapi dari pelbagai aspek ketika menjalankan siasatan.

Namun dengan kejayaan bermula daripada siasatan sehingga ke peringkat pendakwaan, ia membuktikan kemampuan dan kebolehan SPRM dalam mengendalikan kes berprofil tinggi dan kompleks yang bukan sahaja diktrifad di negara ini malah di peringkat antarabangsa.

Selain kes iMDB dan SRC International, kes skandal rasuah Op Water juga antara pencapaian besar bagi SPRM dengan penyitaan paling besar iaitu dengan tunai dan barangan lain seperti kenderaan mewah dan barang kemas bernilai jutaan ringgit.

Apakah pembaharuan SPRM setakat ini, khususnya selepas Tan Sri mengambil alih jawatan sebagai Ketua



Pesuruhjaya SPRM?
 Sebelum tahun 2000, SPRM banyak kes yang reaktif, di mana BPR lebih kepada merungku maklumat atau aduan daripada orang ramai. Selepas tahun 2000, kita menggunakan kaedah perisikan dan undercover untuk membongkar kes sindiket atau kes rasuah secara bergemombolan.

Kaedah ini diperkembangkan lagi, sekarang kita gunakan *Intelligence Based Investigations* (IBI).
 Kaedah yang ini proaktif. Kaedah ini digunakan untuk kes berprofil tinggi di mana *Deep Analysis* dilaksanakan kepada subjek-subjek sebelum *proper investigations*.

Jedi dengan *Deep Analysis*, mula-mula identifi tinggi dikenal pasti dan kedua ialah pemulihan aset, di mana aset dikembalikan kepada kerajaan. Kaedah IBI ini dapat membongkar *grand corruption*.

Tahun-tahun kebelakangan ini, kes besar seperti Op Water, Op Power, Op Hack, iMDB dan SRC dapat dibongkar dengan kaedah IBI ini.

Bagaimana pula statistik tangkapan dan pendakwaan bagi Januari 2020 hingga Ogos 2022?

Dalam tempoh hampir tiga tahun bermula 2020 sehingga Ogos 2022, SPRM menangkap seramai 2,553 individu manakala sebanyak 1,313 pertubuhan pula dilaksanakan membatikan kes rasuah.

Jika diperincikan jumlah tersebut, SPRM menangkap seramai 998 individu pada 2020 dan seramai 851 individu pada tahun berikutnya. Pada tahun ini pula, sehingga Ogos, SPRM menahan seramai 704 individu berkaitan kes rasuah.

Jika kita melihat kepada jumlah tangkapan ini, secara puratanya, SPRM menangkap antara 70 ke 80 individu setiap bulan. Ini termasuk pada tahun 2020

yang mana ketika seluruh dunia bergelut dengan pandemik Covid19 namun di sebalik itu SPRM terus memamerkan kecermerlangan dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya.

Meskipun berlaku wabak pandemik pada tahun berkenaan, ia tidak mengherankan aktiviti rasuah dan salah guna kuasa pada ketika itu.
 Sementara itu, jumlah pertubuhan dalam tempoh sama juga memperlihatkan jumlah yang besar iaitu 522 bagi tahun 2020, sebanyak 525 pada 2021 dan sebanyak 266 bagi tempoh bulan bulan bagi tahun ini.

Sebelum ini ada pihak yang membangkitkan isu berkaitan integrity pact. Antara persoalan yang dibangkitkan ialah tidak mencapai pialawian antarabangsa seperti dicadangkan. Apa komen Tan Sri?

Persoalan mengenai isu *Integrity Pact* tidak mencapai pialawian antarabangsa adalah tidak tepat kerana ia ditambah baik dan mempunyai sistem serta garis panduan yang jelas dan relevan dari segi pelaksanaan buat masa ini. Malah perkara ini dikatakan sebagai mengikut pialawian antarabangsa. Tidak dapat dinafikan bahawa ada negara yang mempraktikkan mekanisme tersebut bagi menjamin ketelusan dalam urusan namun ia bergantung kepada negara dan keperluan semasa.

Integrity Pact yang ditambah baik mempunyai sistem dan garis panduan yang cukup jelas, tambahan pula, dengan adanya peruntukan baharu yang dimasukkan seperti Seksyen 17A Akta SPRM 2009, ia dilihat relevan dari segi pelaksanaannya buat masa ini.

Penglibatan pihak ketiga untuk merantau projek-projek kerajaan juga bergantung kepada jenis projek kerana bukan semua

projek sesuai disertai pihak ketiga atau faktor kepentingan dan kerahsiaan kerajaan, misalnya projek membabitkan agensi penguatkuasa atau pertahanan awam dan negara.

Satu lagi persoalan adalah mengenai kes projek sekiranya membabitkan pemantau bebas yang mana sekiranya membabitkan pihak ketiga, nescaya bahawa perkhidmatan perlu diberikan dan nilai kos harus diperimbangkan memandangkan mereka yang terlibat secara langsung dalam proses pemantauan projek pemantauan individu atau badan profesional sekali gus akan menambah kos projek kerajaan.

Sebagai pemakluman, pemantauan pihak ketiga dalam *Integrity Pact* tidak terikat di bawah mana-mana peruntukan undang-undang yang mewajibkannya dilaksanakan baik di peringkat antarabangsa mahupun di peringkat nasional.

Sebaliknya, pematuhanannya adalah ialah kepada *principle* yang merupakan satu amalan baik untuk digalakkan. Sehubungan itu, ketiadaan pemantauan daripada pihak ketiga tidak bermaksud *Integrity Pact* tidak dapat dilaksanakan secara berkesan.

Boleh Tan Sri jelaskan lebih lanjut mengenai inisiatif pemantauan cukai pendapatan di bawah Seksyen 346(b) Akta Cukai Pendapatan 1967?

Pada 5 April 2021, Menteri Kewangan meluluskan secara dasar potongan cukai kepada syarikat yang melaksanakan program integriti dan antirasuah yang memberi manfaat kepada komuniti.

Pelaksanaan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu membolehkan syarikat mendapat potongan cukai yang diberi oleh Menteri Kewangan melalui surat Kementerian Kewangan (MoF) kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
 Potongan cukai di bawah

Seksyen 346(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 ini melayakkan syarikat atau penyumbuh untuk memohon potongan cukai daripada pendapatan kasar perniagaan satu amun bersesuaian dengan amun perbelanjaan yang dibuat.

Syarikat di negara ini layak mendapat potongan cukai jika menjalankan aktiviti pendidikan atau kemasyarakatan berkaitan integriti dan antirasuah secara berkemuka atau dalam talian, sebagai contoh seminar, forum, *walkabout*, habahan media atau lain-lain aktiviti.

Terdapat enam kategori syarikat yang layak untuk mendapat potongan cukai iaitu yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016; Akta Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2015; Akta Perkhongsin 1961; Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012; Akta Koperasi 1993 dan syarikat yang telah menjalankan perniagaan di Malaysia.

Antara syarat untuk mendapatkan potongan cukai pendapatan ialah:

- Program atau aktiviti mesti dijalankan dengan kerjasama SP, sama ada di peringkat Ibu Pejabat SPRM atau SPRM negeri
- Program atau aktiviti hendaklah memberi manfaat kepada masyarakat umum (termasuk pelajar institusi pendidikan tinggi dan murid sekolah)
- Program atau aktiviti bukan berorientasikan keuntungan kepada syarikat dan tidak menyuntuk isu politik semasa

Kejayaan SPRM dalam kes profil tinggi adalah bukti dedikasi dan pengorbanan pegawai SPRM sepanjang mengendalikan kes ini. Apa komen Tan Sri?

Saya ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai-pegawai Suruhanjaya ini yang berani serta tabah dalam menjalankan tanggungjawab sehingga berjaya membantu dalam kemenangan pendakwaan kes berprofil tinggi.

Penghargaan dan ucapan terima kasih itu juga sualulan kejayaan SPRM di mana contoh terbitan membuatkan semua kes pendakwaan SRC International di Mahkamah Persekutuan melibatkan bekas Perdana Menteri.

Selepas perjuangan yang panjang untuk SPRM, selama tujuh tahun secara tepatny, kerja keras menyiasat kes yang rumit bagi mendapatkan semula aset negara dan untuk membantu dalam pendakwaan membatikan semua.

Oleh itu, saya ingin membatikan kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya atas keberanian serta letihaban ketika menjalankan tanggungjawab yang diberikan.

TERUS AMANAH, TEGAS, ADIL!

Perkongsian sempena ulang tahun Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke-55 bersama Tan Sri Dato' Sri Haji Azam Baki Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Tahun ini SPRM menyambut ulang tahun ke-55, apakah pencapaian terbesar SPRM setakat ini?

Seperti yang diketahui umum, SPRM menekankan tiga strategi utama iaitu daripada segi penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan.

Jika dilihat secara menyeluruh, semenjak penubuhan SPRM, banyak kejayaan yang telah dicapai oleh SPRM, bukan sahaja daripada segi operasi malah termasuk aspek pencegahan dan pendidikan.

Sebagai perkongsian, SPRM telah membentuk satu kaedah penyiasatan yang menjayakan kes berprofil tinggi melibatkan individu berjawatan atau berkedudukan tinggi.

Jika diperincikan daripada segi kejayaan operasi, setakat ini, SPRM telah merekodkan sebanyak 91.1 peratus atau 266 kes salah laku rasuah yang berakhir dengan sabitan daripada 292 kes yang selesai dibicarakan bagi tahun 2021. Ini merupakan satu kejayaan kerana melebihi kadar sabitan kesalahan rasuah sebanyak 90 peratus yang ditetapkan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023.

Daripada segi pemulihan aset pula, tahun lalu, jumlah aset yang dilucutkan hak dan dipulangkan kepada Kerajaan Malaysia adalah sebanyak RM5.1 bilion, iaitu 99.57 peratus adalah daripada kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Siasatan terhadap kes berkenaan boleh dikatakan sebagai sangat mencabar kerana banyak kekangan yang kami hadapi dari pelbagai aspek ketika menjalankan siasatan.

Namun dengan kejayaan bermula daripada siasatan sehingga ke peringkat pendakwaan, ia membuktikan kemampuan dan kebolehan SPRM dalam mengendalikan kes berprofil tinggi dan kompleks yang bukan sahaja diiktiraf di negara ini malah di peringkat antarabangsa.

Selain kes 1MDB dan SRC International, kes skandal rasuah Op Water juga antara pencapaian besar bagi SPRM dengan penyitaan paling besar iaitu wang tunai dan barangan lain seperti kenderaan mewah dan barang kemas bernilai jutaan ringgit.

Apakah pembaharuan SPRM setakat ini, khususnya selepas Tan Sri mengambil alih jawatan sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM?

Sebelum tahun 2000, SPRM banyak kes yang reaktif, di mana BPR lebih kepada menunggu maklumat atau aduan daripada orang ramai. Selepas tahun 2000, kita menggunakan kaedah perisikan dan *undercover* untuk membongkar kes sindiket atau kes rasuah secara bergerombolan.

Kaedah ini diperkembangkan lagi, sekarang kita gunakan *Intelligence Based Investigations* (IBI).

Kaedah yang ini proaktif. Kaedah ini digunakan untuk kes berprofil tinggi di mana *Deep Analysis* dilaksanakan kepada subjek-subjek sebelum *proper investigations*.

Jadi dengan *Deep Analysis*, mula-mula identiti pelaku rasuah berprofil tinggi dikenal pasti dan kedua ialah pemulihan aset, di mana aset dikembalikan kepada kerajaan. Kaedah IBI ini dapat membongkar *grand corruption*.

Tahun-tahun kebelakangan ini, kes besar seperti Op Water, Op Power, Op Hack, 1MDB dan SRC dapat dibongkar dengan kaedah IBI ini.

Bagaimana pula statistik tangkapan dan pendakwaan bagi Januari 2020 hingga Ogos 2022?

Dalam tempoh hampir tiga tahun bermula 2020 sehingga Ogos 2022, SPRM menangkap seramai 2,553 individu manakala sebanyak 1,313 pertuduhan pula dilaksanakan membabitkan kes rasuah.

Jika diperincikan jumlah tersebut, SPRM menangkap seramai 998 individu pada

2020 dan seramai 851 individu pada tahun berikutnya. Pada tahun ini pula, sehingga Ogos, SPRM menahan seramai 704 individu berkaitan kes rasuah.

Jika kita melihat kepada jumlah tangkapan ini, secara puratanya, SPRM menangkap antara 70 ke 80 individu setiap bulan.

Ini termasuk pada tahun 2020 yang mana ketika seluruh dunia bergelut dengan pandemik Covid19 namun di sebalik itu SPRM terus mempamerkan kecemerlangan dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya.

Meskipun berlaku wabak pandemik pada tahun berkenaan, ia tidak menghentikan aktiviti rasuah dan salah guna kuasa pada ketika itu.

Sementara itu, jumlah pertuduhan dalam tempoh sama juga memperlihatkan jumlah yang besar iaitu 522 bagi tahun 2020, sebanyak 525 pada 2021 dan sebanyak 266 bagi tempoh lapan bulan bagi tahun ini.

Sebelum ini ada pihak yang membangkitkan isu berkaitan *integrity pact*. Antara persoalan yang dibangkitkan ialah tidak mencapai piawaian antarabangsa seperti dicadangkan. Apa komen Tan Sri?

Persoalan mengenai isu *Integrity Pact* tidak mencapai piawaian antarabangsa adalah tidak tepat kerana ia ditambah baik dan mempunyai sistem serta garis panduan yang jelas dan relevan dari segi pelaksanaannya buat masa ini.

Malah perkara ini dikatakan sebagai mengikut piawaian antarabangsa. Tidak dapat dinafikan bahawa ada negara yang mempraktikkan mekanisme tersebut bagi menjamin ketelusan dalam urusan perolehan namun ia bergantung kepada negara dan keperluan semasa.

Integrity Pact yang ditambah baik mempunyai sistem dan garis panduan yang cukup jelas, tambahan pula, dengan adanya peruntukan baharu yang dimasukkan seperti

Seksyen 17A Akta SPRM 2009, ia dilihat relevan dari segi pelaksanaannya buat masa ini.

Penglibatan pihak ketiga untuk memantau projek-projek kerajaan juga bergantung kepada jenis projek kerana bukan semua projek sesuai disertai pihak ketiga atas faktor kepentingan dan kerahsiaan kerajaan, misalnya projek membabitkan agensi penguat kuasa atau pertahanan awam dan negara.

Satu lagi persoalan adalah mengenai kos projek sekiranya membabitkan pemantau bebas yang mana sekiranya membabitkan pihak ketiga, nescaya bayaran perkhidmatan perlu diberikan dan nilai kos harus dipertimbangkan memandangkan mereka yang terbabit secara langsung dalam proses pemantauan projek merupakan individu atau badan profesional sekali gus akan menambah kos projek kerajaan.

Sebagai pemakluman, pemantauan pihak ketiga dalam *Integrity Pact* tidak terikat di bawah mana-mana peruntukan undang-undang yang mewajibkannya dilaksanakan baik di peringkat antarabangsa mahupun di peringkat nasional.

Sebaliknya, pematuhannya adalah lebih kepada *principle* yang merupakan satu amalan baik untuk digalakkan. Sehubungan itu, ketiadaan pemantauan daripada pihak ketiga tidak bermaksud *Integrity Pact* tidak dapat dilaksanakan secara berkesan.

Boleh Tan Sri jelaskan lebih lanjut mengenai inisiatif pemotongan cukai pendapatan di bawah Seksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967?

Pada 5 April 2021, Menteri Kewangan meluluskan secara dasar potongan cukai kepada syarikat yang melaksanakan program integriti dan antirasuah yang memberi manfaat kepada komuniti.

Pelaksanaan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu membolehkan syarikat mendapat potongan cukai yang diberi oleh Menteri Kewangan melalui

surat Kementerian Kewangan (MoF) kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Potongan cukai di bawah Seksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 ini melayakkan syarikat atau penyumbang untuk memohon potongan cukai daripada pendapatan kasar perniagaan satu amaan bersamaan dengan amaan perbelanjaan yang dibuat.

Syarikat di negara ini layak mendapat potongan cukai jika menjalankan aktiviti pendidikan atau kemasyarakatan berkaitan integriti dan antirasuah secara bersemuka atau dalam talian, sebagai contoh seminar, forum, *walkabout*, hebahan media atau lain-lain aktiviti.

Terdapat enam kategori syarikat yang layak untuk mendapat potongan cukai iaitu yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016; Akta Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2015; Akta Perkongsian 1961; Akta Perkongsian Liabiliti Terhadap 2012; Akta Koperasi 1993 dan syarikat luar negara, yang menjalankan perniagaan di Malaysia.

Antara syarat untuk mendapatkan potongan cukai pendapatan ialah:

- Program atau aktiviti mesti dijalankan dengan kerjasama SPRM sama ada di peringkat Ibu Pejabat SPRM atau SPRM negeri
- Program atau aktiviti hendaklah memberi manfaat kepada masyarakat umum (termasuk pelajar institusi pendidikan tinggi dan murid sekolah)
- Program atau aktiviti bukan bermotifkan keuntungan kepada syarikat dan tidak menyentuh isu politik semasa

Kejayaan SPRM dalam kes profil tinggi adalah bukti dedikasi dan pengorbanan pegawai SPRM sepanjang mengendalikan kes ini. Apa komen Tan Sri?

Saya ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai-pegawai Suruhanjaya ini yang berani serta tabah dalam menjalankan tanggungjawab sehingga berjaya membantu dalam kemenangan pendakwaan kes berprofil tinggi.

Penghargaan dan ucapan terima kasih itu juga susulan kejayaan SPRM di mana contoh terbaru membabitkan kejayaan kes pendakwaan SRC International di Mahkamah Persekutuan melibatkan bekas Perdana Menteri.

Selepas perjuangan yang panjang untuk SPRM, selama tujuh tahun secara tepatnya, kerja keras menyasat kes yang rumit bagi mendapatkan semula aset negara dan untuk membantu dalam pendakwaan membuahkan hasil.

Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya atas keberanian serta ketabahan ketika menjalankan tanggungjawab yang diberikan.



KES RASUAH BABIT PELAKU WANITA MENINGKAT, AMAT MEMBIMBANGKAN

Tan Sri Dato' Sri Haji Azam Baki
Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Putrajaya: Bilangan kes rasuah membabitkan pelaku wanita semakin meningkat sejak kebelakangan ini dan keadaan itu amat membimbangkan, kata Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki.

Berdasarkan statistik, beliau berkata, seramai 824 wanita ditahan dan daripada jumlah itu, 356 dituduh di mahkamah sepanjang tempoh 2017 hingga Ogos lalu.

Secara terperinci, seramai 308 wanita ditahan berhubung kes tuntutan palsu; menerima rasuah (249); memberi rasuah (90) dan salah guna kuasa (82), manakala selebihnya membabitkan kesalahan lain berkaitan rasuah.

"Rata-rata mereka yang dituduh itu mempunyai kuasa, peranan dan jawatan dalam sesuatu entiti. Ketika mula-mula zaman saya masuk kerja di BPR (Badan Pencegah Rasuah), dalam masa setahun, susah hendak tangkap walaupun seorang wanita.

"Rasuah adalah mengenai orang yang mempunyai kuasa, orang yang telah diberi kepercayaan untuk melaksanakan amanah. Jadi, mereka ini diberikan tanggungjawab," katanya pada temu bual sempena Hari Ulang Tahun SPRM ke-55, di sini.

Agensi itu ditubuhkan pada 1 Oktober 1967, dengan dahulunya dikenali sebagai BPR sebelum menjadi suruhanjaya bebas dikenali sebagai SPRM pada 2009.

Mengenai undang-undang berkaitan pembiayaan dana politik pula, Azam berkata, perkara itu perlu disegerakan bagi memastikan ahli dan parti politik mengisytiharkan dana yang mereka terima sama ada dari dalam atau luar negara serta punca dana berkenaan diperoleh.

Beliau berkata, takrifan mengenai pembiayaan politik yang sah atau tidak adalah bergantung pada takrifan dipersetujui dalam rang undang-undang dan ia berbeza antara satu negara dengan negara lain.

Bagaimanapun, Malaysia belum mempunyai undang-undang dan peraturan pembiayaan politik, justeru bukan satu jenayah bagi ahli politik serta parti politik untuk menerima pembiayaan politik dan derma persendirian.

Ini bermakna mana-mana ahli politik atau parti politik boleh menerima sumbangan politik daripada perbadanan atau individu dengan syarat wang itu bukan daripada sumber haram.

Namun, katanya, isu itu menjadi jenayah jika dapat dibuktikan bahawa ahli politik yang menerima dana terbabit berada dalam kedudukan untuk membalas budi kepada pemberi derma berdasarkan jawatan ahli politik berkenaan.

Azam berkata, pihaknya banyak menerima aduan daripada masyarakat yang meminta SPRM menyiasat entiti-entiti politik yang dikatakan menerima dana berbentuk rasuah.

"Kami siasat dan bukan kami tidak siasat apabila dilaporkan, namun banyak kes berakhir dengan tiada tindakan pertuduhan. Mereka (orang awam) yang melaporkan tidak berpuas hati... apabila tiada akta (khusus) ini, maka kami mengklasifikasikan sebagai tindakan menerima suapan atau menerima rasuah," katanya.



SPRM TERUS PERKASA STRATEGI LAHIRKAN MASYARAKAT ANTIRASUAH

Oleh Tan Sri Dato' Sri Haji Azam Baki
Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Lebih lima dekad atau lebih tepat 55 tahun penubuhannya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terus tekad berjuang memerangi jenayah rasuah di negara ini.

Selari perkembangan pesat ekonomi negara, ia menuntut agensi penguat kuasa itu melaksanakan transformasi besar dalam membanteras rasuah menggunakan tiga strategi utama, iaitu dari segi penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan.

Sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM, saya melihat suruhanjaya ini melalui empat era evolusi dengan pertama ialah pascakemerdekaan yang terdapat dua agensi, iaitu satu di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) menjalankan kerja pencegahan rasuah dan pendidikan masyarakat, manakala satu lagi adalah unit polis, iaitu Cawangan Khas menyiasat kes kesalahan rasuah.

Pada 1 Oktober 1967, Badan Pencegah Rasuah (BPR) ditubuhkan dengan menggabungkan kedua-dua entiti tadi menjadikan identiti tersendiri yang bebas menjalankan tugas pencegahan rasuah, khususnya tugas penyiasatan.

Bagi era kedua, BPR pada 1972 ditukar nama kepada Biro Siasatan Negara (BSN) yang bukan setakat menyiasat rasuah, bahkan kes membabitkan keselamatan dan isu sensitif negara.

Era ketiga berlaku apabila Akta Pencegahan Rasuah 1961 dan Akta Badan Pencegah Rasuah 1982 digabungkan, lalu dijadikan satu akta dinamakan Akta Pencegahan Rasuah 1997.



Mekanisme semak, imbang

Tahun 2009 pula menyaksikan era keempat apabila BPR menjadi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bermula 1 Januari dengan akta baharu dinamakan Akta SPRM 2009.

Ketika itu, mekanisme semak dan imbang turut diwujudkan yang SPRM dipantau lima badan pemantau bebas.

Sebelum 2000, banyak kes disiasat adalah reaktif dengan BPR lebih kepada menunggu maklumat atau aduan orang ramai, tetapi selepas tahun itu, kaedah perisikan dan pengintipan digunakan untuk membongkar kes sindiket atau rasuah secara bergerombolan.

Kaedah ini diperkembangkan lagi dan SPRM kini menggunakan *Intelligence Based Investigations* (IBI) yang lebih proaktif. Kaedah ini digunakan untuk kes berprofil tinggi, iaitu Deep Analysis dilaksanakan terhadap subjek, kemudian memulangkan aset kepada kerajaan.

Sejak tahun-tahun kebelakangan ini, kaedah itu digunakan untuk membongkar kes berprofil tinggi seperti Op Water, Op Power, Op Hack, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan SRC International.

SPRM juga merekodkan 91.1 peratus atau 266 kes salah laku rasuah berakhir dengan sabitan daripada 292 kes selesai dibicarakan bagi 2021 dan kejayaan itu melebihi kadar sabitan kesalahan rasuah sebanyak 90 peratus ditetapkan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023. Dari segi pemulihan aset pula, tahun lalu, jumlah aset dilucutkan hak dan dipulangkan kepada kerajaan adalah RM5.1 bilion, iaitu 99.57 peratus daripada kes 1MDB.

Pada masa sama, undang-undang berkaitan pembiayaan dana politik harus disegerakan agar ahli dan parti politik menerima dana berkenaan perlu mengisytiharkan dana diterima supaya lebih telus serta bebas daripada sebarang unsur rasuah.

Ahli politik perlu mengisytiharkan jumlah dana diterima dan sumber kepada sebuah entiti ditubuhkan kerajaan untuk mengelak pembiayaan mencurigakan.

Disebabkan tiada undang-undang dan peraturan pembiayaan politik, mereka disyaki akan dituduh mengikut akta sedia ada seperti Akta SPRM 2009, Pecah Amanah atau Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

SPRM berpendirian sudah sampai masanya isu pembiayaan dana politik diwujudkan undang-undang khusus yang perlu disegerakan kerana suruhanjaya ini banyak menerima tohmahan daripada masyarakat meminta untuk menyiasat entiti politik dikatakan menerima dana berbentuk rasuah.

Kita semua bersetuju mencegah lebih baik daripada mengubati. Justeru, SPRM komited melaksanakan fungsinya dalam memberi khidmat nasihat ke arah penambahbaikan sistem dan prosedur agensi.

Antara kejayaan SPRM ialah menyediakan perkhidmatan dalam menasihati jabatan kerajaan berkenaan perkara atau isu kelompangan sistem dan prosedur jabatan melalui bimbingan serta memberikan latihan membentuk Pelan Antirasuah Organisasi (OACP). Pada 19 April 2021, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) bersetuju modul Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) ditawarkan sebagai subjek elektif peringkat sijil, diploma serta sarjana muda di semua institusi pengajian tinggi mulai 2022, seterusnya menjadi kursus wajib mulai 2023.

Terkini, modul KIAR bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) akan ditawarkan dalam masa terdekat di 22 Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) seluruh negara.

Pada peringkat sekolah, SPRM menganjurkan program Wira Anti Rasuah (WAR) sejak 2014 dan hingga kini berjaya membabitkan lebih 24,000 pelajar dan 4,100 guru.

Dengan kerjasama Kementerian Pendidikan (KPM), elemen antirasuah diperkenalkan dalam buku teks sekolah rendah dan menengah secara berperingkat sejak 2016 dengan nilai integriti serta benci rasuah dimasukkan dalam buku teks Pendidikan Moral (Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil), Pendidikan Sivik, Pendidikan Islam serta Bahasa Melayu.

Promosi semangat integriti

Pelbagai usaha mempromosikan semangat integriti dan membanteras rasuah diperkasakan dalam masyarakat. Antaranya, Integrity Pact yang diusahakan SPRM dan Kementerian Kewangan supaya ada pemantauan dan bentuk ikrar dalam kalangan mereka memasuki tender kerajaan.

la juga meningkatkan integriti dan memerangi amalan rasuah serta mengelak sebarang isu berkaitan konflik berkepentingan dalam perolehan kerajaan.



Integrity Pact ialah pengisytiharan pembida atau orang awam untuk tidak menawar atau memberi rasuah bagi mendapatkan kontrak atau sebagai ganjaran mendapatkan kontrak dan mempercepatkan sesuatu urusan perolehan kerajaan.

Pada 5 April 2021, Menteri Kewangan meluluskan secara dasar potongan cukai kepada syarikat melaksanakan program integriti dan antirasuah yang memberi manfaat kepada komuniti serta dikuatkuasakan bermula 1 Jun lalu. Potongan cukai di bawah Seksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 melayakkan syarikat atau penyumbang memohon potongan cukai daripada pendapatan kasar perniagaan satu amaun bersamaan amaun perbelanjaan dibuat.

Sempena ulang tahun SPRM ke-55, saya ingin mengangkat atau memartabatkan SPRM sebagai badan bervisi dan berwawasan, iaitu menjadikan masyarakat berintegriti serta bebas rasuah.

Saya berharap dalam tempoh lima tahun akan datang, SPRM terus memperkasakan tiga strategi berkenaan, pada masa sama mengukuhkan lagi dasar, strategi, tenaga kerja serta akta supaya selaras dengan perkembangan semasa.

Rasuah ialah gejala harus dilawan habis-habisan segenap lapisan masyarakat. Ia tidak harus diletakkan di atas bahu satu agensi penguat kuasa sahaja, malah harus dipikul bersama semua institusi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat sivil.

Satu perubahan paradigma perlu berlaku supaya rasuah tidak lagi dilihat amalan dan budaya, tetapi perbuatan jijik serta musuh negara, bangsa dan agama.

UDA PERGIAT INISIATIF TANGANI RASUAH DALAM SEKTOR PEMBINAAN

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -Menyedari usaha mencegah jenayah rasuah di sektor pembinaan memerlukan penglibatan semua pihak dan perlu dilakukan sejak dari awal, UDA Holdings Berhad (UDA) memperkenalkan inisiatif Pakatan Integriti Perolehan menerusi Polisi Anti Rasuah dan Integriti pada 2015.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif UDA Mohd Salem Kailany berkata Pakatan Integriti Perolehan berkenaan merupakan deklarasi UDA bersama rakan niaganya untuk bersama-sama menangani sebarang gejala rasuah dan salah laku.

Katanya, menerusi inisiatif itu UDA dan rakan niaganya tidak boleh membayar, menawar, meminta dan menerima rasuah untuk mendapatkan sebarang bentuk pekerjaan, kontrak atau tender.

"Sekiranya berlaku pelanggaran atau ketidakpatuhan, pembida boleh ditamatkan kontrak, hilang kelayakan bidaan, pelucutan hak wang kesungguhan dan disenarai hitam serta kakitangan terlibat boleh dikenakan tindakan tatatertib dan diserahkan kepada pihak berkuasa," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Menurut Mohd Salem, rasuah dalam sektor pembinaan boleh berlaku sekiranya kerja yang dijalankan tidak mengikut prosedur operasi standard yang ditetapkan dan tidak menerapkan nilai tadbir urus korporat dan budaya kerja yang telus dan kompetitif.

UDA katanya telah memperoleh pensijilan ISO 37001: 2016 Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) pada tahun lepas sebagai strategi untuk memperkukuh komitmen pencegahan rasuah secara lebih menyeluruh melibatkan segenap lapisan tenaga kerjanya.

Tambahnya, UDA sebuah agensi di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) merupakan agensi pertama menerima pensijilan berkenaan.

"UDA turut menjalinkan kerjasama strategik dan perkongsian pintar dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Integriti Malaysia (IIM), Transparency International-Malaysia (TI-M) dan Malaysian Institute of Corporate Governance (MICG) dalam usaha memartabatkan budaya kerja berintegriti serta mewujudkan ekosistem pencegahan rasuah yang efektif.

"Pada tahun lepas UDA juga melaksanakan kaji selidik tahunan alat ukuran integriti yang dibangunkan oleh IIM bagi mengukur dan menanda aras amalan dan budaya tadbir urus, integriti dan antirasuah di UDA," katanya.

Katanya, mulai Januari lepas atas dokongan serta komitmen Ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan tertinggi syarikat itu, UDA telah melaksanakan Deklarasi Aset dan Liabiliti dengan setiap warga kerjanya perlu mengisytiharkan aset dan liabiliti mereka secara tahunan dalam menangani risiko rasuah.

"Deklarasi ini mewajibkan warga kerja di semua peringkat termasuk Ahli Lembaga Pengarah mengisytiharkan harta dan tanggungan yang dimiliki atau diwarisi oleh diri sendiri dan pasangan bagi tujuan mencegah rasuah, konflik kepentingan dan penyalahgunaan kuasa serta meningkatkan ketelusan dan kepercayaan awam," katanya.

Menurutnya deklarasi itu, ia dapat memastikan pemilikan harta dan gaya hidup pekerja seimbang dengan kemampuan dan pengisytiharan perlu dilakukan setiap tahun walaupun tanpa sebarang harta atau tanggungan, semasa menyertai UDA, semasa memperoleh harta atau tanggungan baharu serta semasa pelupusan harta.

Menurut Mohd Salem, selain memperkenalkan inisiatif sendiri, UDA juga komited dalam mematuhi inisiatif-inisiatif membanteras rasuah yang diperkenalkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) seperti Penguatkuasaan

Seksyen 17A Akta SPRM dan pelaksanaan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) membabitkan program integriti dan antirasuah.

Katanya, UDA kini dalam usaha merangka program CSR bersesuaian untuk dianjurkan pada masa hadapan demi menyokong usaha kerajaan dan SPRM dalam membanteras gejala rasuah.

Menurutnya, UDA berpendapat penguatkuasaan Seksyen 17A Akta SPRM 2009 dapat mewujudkan persekitaran perniagaan yang adil, bersih dan bebas rasuah selain diharap dapat menggalakkan organisasi komersial melaksanakan usaha pencegahan rasuah dan mempromosikan tadbir urus yang baik.

Beliau berkata, UDA melihat penguatkuasaan seksyen itu dapat menjadi garis panduan dalam mewujudkan syarikat yang sifar rasuah berikutan tiada pihak terkecuali dan UDA tidak akan berkompromi dengan mana-mana pegawai yang terbabit dengan salah laku serta rasuah.



AWAS, JAMU MAKAN, MINUM PUN RASUAH

Oleh Datuk Seri Akhbar Satar
Ahli Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR)
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Awat! Jamu makan minum pun rasuah

AKHBAR
SATAR



SEMUA parti politik dan bakal calon Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) disarankan berhati-hati serta memahami kesalahan berkaitan aktiviti kempen yang berunsur rasuah dan salah guna kuasa seperti tertakluk pada Akta Kesalahan Pilihan Raya (AKPR) 1954, Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Kanun Keseksaan (KK) dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (SPRM) 2009.

AKPR 1954 agak ketat, tetapi malangnya Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan termasuk tidak boleh menjalankan siasatan, denda terhadap calon atau sesiapa sahaja yang melanggar undang-undang pilihan raya. Bagaimanapun, undang-undang sedia ada masih membolehkan SPR, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan SKMM mengambil tindakan tegas terhadap amalan rasuah, salah guna kuasa dan kesalahan-kesalahan menjelang PRU bila ada laporan.

Ramai ahli politik yang hendak menjadi calon mungkin tidak perasan di bawah peruntukan AKPR 1954 mengandungi semua bentuk kesalahan rasuah dan salah guna kuasa yang jelas iaitu Seksyen 8 (penjaminan), 9 (pengaruh tidak wajar), 10 (rasuah) semasa atau selepas tempoh pilihan raya dan hukumannya boleh dipenjarakan hingga lapan tahun sebagai wakil rakyat dan hak mengundi.

KESALAHAN TAWAR MAKANAN, MINUMAN
Setiap calon boleh dianggap melanggar rasuah dengan menawarkan makanan, minuman kepada pengundi kerana tindakan tersebut menunggui penghargaan kepada



SPR tidak mempunyai kuasa untuk menyalat dan mengenalkan denda terhadap calon atau sesiapa sahaja yang melanggar undang-undang pilihan raya.

pengundi, lebih-lebih lagi apabila calon itu mempunyai hasrat supaya mengundi dirinya.

Petikan Seksyen 8 adalah seperti berikut: "... dan tiap-tiap pemilih atau pengundi yang secara rasuah menerima dan mengambil apa-apa makanan, minuman, atau makanan atau minuman ringan atau bekalan itu atau mana-mana wang atau tiket itu atau yang menggunakan apa-apa cara atau tipu daya lain itu untuk membolehkan makanan, minuman, makanan atau minuman ringan atau bekalan itu didapatkan bersalah atas kesalahan menjamu."

Kata kuncinya adalah "secara rasuah", mempunyai niat dengan memberi makanan atau minuman yang ditawarkan tersebut. Sudah tentu modus amalan sebegini kerap berlaku dalam politik Malaysia.

KESALAHAN PENGARUH TIDAK WAJAR

Seksyen ini merujuk kepada 'pengaruh yang tidak wajar' yang boleh menjadi kesalahan jika seseorang menggunakan kekerasan atau leganatan atau menghalang sehingga memaksa seseorang mengundi dengan cara tertentu, atau tidak mengundi langsung. Kesalahan Seksyen

9 ini sebaik-baiknya diambil tindakan oleh PDRM.

KESALAHAN RASUAH

Calon atau sesiapa sahaja dilarang melakukan rasuah dengan menawarkan 'pembelian undi' sama ada secara langsung atau tidak langsung seperti memberi atau menawarkan wang, hadiah, pekerjaan, atau pinjaman ketika proses pilihan raya (Seksyen 10). Politik yang tidak ada toleransi, justeru tidak harus berlaku pada mana-mana parti politik. Untuk mengatasi masalah rumit ini, kerajaan perlu memperkenalkan Akta Pembiayaan Dana Politik.

Akta ini dapat dijadikan peranan untuk membezakan antara dana politik dengan sumbangan kepada parti atau ahli politik yang boleh dikategorikan sebagai rasuah.

HAD PERBELANJAN

Satu lagi perkara perlu diambil maklum oleh semua parti politik adalah mengetahui had perbelanjaan semasa pilihan raya.

Mengikut Seksyen 19 akta sama, had maksimum perbelanjaan masa pilihan raya adalah RM150,000 bagi setiap kerusi negeri dan RM200,000 bagi kerusi Parlimen. Had ini sangat kecil jika dilihat pada perbelanjaan kempen PRU

atau pilihan raya kecil (PRK).

LAPORAN PERBELANJAN CALON

Laporan kepada SPR ini dalam tempoh sebulan selepas pilihan raya diwartakan tidak dilaksanakan oleh mana-mana parti politik.

PINDA UNDANG-UNDANG

AKPR 1954 perlu dipinda untuk memisalkan SPR bukan lagi sebuah organisasi yang tidak bertanggap tetapi lebih relevan mengikut peradaran masa. Antaranya:

- Memberi kuasa 'penguatkuasaan' kepada SPR untuk mengambil tindakan kepada calon, ejen atau parti politik yang melanggar AKPR 1954 atau berkaitan;
- Had perbelanjaan pilihan raya perlu diuji semula untuk mengelaskan kesalahan dari segi perbelanjaan proses pilihan raya dilakukan;
- Diberi kuasa untuk mengaudit bagi memastikan jumlah dibariskan untuk pilihan raya;
- Kuat kuasa laporan perbelanjaan perlu dikemukakan oleh calon kepada SPR dalam tempoh sebulan selepas pilihan raya diwartakan.

Parti politik hendaklah

mengamalkan proses berintegriti dan memberi perhatian khusus kepada aktiviti dianggap sebagai 'perbelanjaan undi' yang berlaku sebelum, semasa atau selepas proses pilihan raya.

HUKUMAN AKPR 1954

Di dalam keempat-empat kesalahan di atas (Seksyen-seksyen 8, 9 & 10), boleh dipenjarakan maksimum dua tahun, denda hingga RM5,000, dibatalkan kelayakan sebagai wakil rakyat serta kehilangan hak mengundi selama lima tahun.

Mana-mana kesalahan rasuah boleh juga didakwa di bawah Akta SPRM 2009 yang mana denda lebih tinggi dan tempoh pemenjaraan lebih panjang.

HUKUMAN AKTA SPRM 2009

Akta ini memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun, denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahannya:

- Gagal melapor pemberian, janji atau tawaran
- Di bawah Seksyen 25 (1) dan (2) akan denda denda tidak lebih RM100,000 dan penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali.
- Gagal melapor permintaan atau memperoleh
- Di bawah Seksyen 25 (3) dan (4) akan denda tidak lebih RM100,000 dan penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Mengikut teori demokrasi, salah satu mekanisme rakyat boleh membezakan tinglah laku elit rasuah ialah pilihan raya. Selepas pilihan raya ini, parti yang menang diharapkan dapat membentuk sebuah kerajaan berintegriti, stabil dan terus bersama-sama rakyat memerangi rasuah yang masih berleluasa demi masa depan negara dan generasi akan datang. Rasuah adalah ibu segala kegiatan jenayah dan kejahatan.

DATI/1, Seri Akhbar Satar ialah pengembara kuku profesor di Institut Jembi & Kementerian, Universiti HEP.

SEMUA parti politik dan bakal calon Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) disarankan berhati-hati serta memahami kesalahan berkaitan aktiviti kempen yang berunsur rasuah dan salah guna kuasa seperti tertakluk pada Akta Kesalahan Pilihan Raya (AKPR) 1954, Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Kanun Keseksaan (KK) dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (SPRM) 2009.

AKPR 1954 agak ketat, tetapi malangnya Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan termasuk tidak boleh menjalankan siasatan, denda terhadap calon atau sesiapa sahaja yang melanggar undang-undang pilihan raya.

Bagaimanapun, undang-undang sedia ada masih membolehkan SPRM, Polis Diraja

Malaysia (PDRM) dan SKMM mengambil tindakan tegas terhadap amalan rasuah, salah guna kuasa dan kesalahan-kesalahan menjelang PRU bila ada laporan.

Ramai ahli politik yang hendak menjadi calon mungkin tidak perasan di bawah peruntukan AKPR 1954 mengandungi semua bentuk kesalahan rasuah dan salah guna kuasa yang jelas iaitu Seksyen-seksyen 8 (penjamuan), 9 (pengaruh tidak wajar), 10 (rasuah) semasa atau selepas tempoh pilihan raya dan hukumannya boleh dipenjarakan hinggalah hilang kelayakan sebagai wakil rakyat dan hak mengundi.

KESALAHAN TAWAR MAKANAN, MINUMAN

Setiap calon boleh dianggap melakukan rasuah dengan menawarkan makanan, minuman kepada pengundi kerana tindakan tersebut menunjukkan penghargaan kepada pengundi, lebih-lebih lagi apabila calon itu mempunyai hasrat supaya mengundi dirinya.

Petikan Seksyen 8 adalah seperti berikut: "... dan tiap-tiap pemilih atau pengundi yang secara rasuah menerima atau mengambil apa-apa makanan, minuman, atau makanan atau minuman ringan atau bekalan itu atau mana-mana wang atau tiket itu atau yang menggunakan apa-apa cara atau tipu daya lain itu untuk membolehkan makanan, minuman, makanan atau minuman ringan atau bekalan itu didapatkan bersalah atas kesalahan menjamu."

Kata kuncinya adalah 'secara rasuah', mempunyai niat dengan memberi makanan atau minuman yang ditawarkan tersebut. Sudah tentu modus amalan sebegini kerap berlaku dalam politik Malaysia.

KESALAHAN PENGARUH TIDAK WAJAR

Seksyen ini merujuk kepada 'pengaruh yang tidak wajar' yang boleh menjadi kesalahan jika seseorang menggunakan kekerasan

atau keganasan atau menghalang sehingga memaksa seseorang mengundi dengan cara tertentu, atau tidak mengundi langsung. Kesalahan Seksyen 9 ini sebaik-baiknya diambil tindakan oleh PDRM.

KESALAHAN RASUAH

Calon atau sesiapa sahaja dilarang melakukan rasuah dengan menawarkan 'pembelian undi' sama ada secara langsung atau tidak langsung seperti memberi atau menawarkan wang, hadiah, pekerjaan, atau pinjaman ketika proses pilihan raya (Seksyen 10).

Politik wang tidak ada toleransi, justeru tidak harus berlaku pada mana-mana parti politik. Untuk mengatasi masalah rumit ini, kerajaan perlu memperkenalkan Akta Pembiayaan Dana Politik.

Akta ini dapat dijadikan panduan untuk membezakan antara dana politik dengan sumbangan kepada parti atau ahli politik yang boleh dikategorikan sebagai rasuah.

HAD PERBELANJAAN

Satu lagi perkara perlu diambil maklum oleh semua parti politik adalah mengetahui had perbelanjaan semasa pilihan raya.

Mengikut Seksyen 19 akta sama, had maksimum perbelanjaan masa pilihan raya adalah RM150,000 bagi setiap kerusi negeri dan RM200,000 bagi kerusi Parlimen. Had ini sangat kecil jika dilihat pada perbelanjaan kempen PRU atau pilihan raya kecil (PRK).

LAPORAN PERBELANJAAN CALON

Laporan kepada SPR ini dalam tempoh sebulan selepas pilihan raya diwartakan tidak dilaksanakan oleh mana-mana parti politik.

PINDA UNDANG-UNDANG

AKPR 1954 perlu dipinda untuk memastikan SPR bukan lagi sebuah organisasi yang tidak bertaring tetapi lebih relevan mengikut peredaran masa. Antaranya:

- Memberi kuasa 'penguatkuasaan' kepada SPR untuk mengambil tindakan kepada calon, ejen atau parti politik yang melanggar AKPR 1954 atau berkaitan;
- Had perbelanjaan pilihan raya perlu dikaji semula untuk mengelakkan kesalahan dari segi perbelanjaan proses pilihan raya dilakukan;
- Diberi kuasa untuk mengaudit bagi memastikan jumlah dibenarkan untuk berbelanja memang benar-benar digunakan dalam kempen pilihan raya.
- Kuat kuasa laporan perbelanjaan perlu dikemukakan oleh calon kepada SPR dalam tempoh sebulan selepas pilihan raya diwartakan.
- Parti politik hendaklah mengamalkan proses berintegriti dan memberi perhatian khusus kepada aktiviti dianggap sebagai 'perbelanjaan undi' yang berlaku sebelum, semasa atau selepas proses pilihan raya.

HUKUMAN AKPR 1954

Di dalam keempat-empat kesalahan di atas (Seksyen-seksyen 8, 9 & 10), boleh dipenjarakan maksimum dua tahun, denda hingga RM5,000, dibatalkan kelayakan sebagai wakil rakyat serta kehilangan hak mengundi selama lima tahun.

Mana-mana kesalahan rasuah boleh juga didakwa di bawah Akta SPRM 2009 yang mana denda lebih tinggi dan tempoh pemenjaraan lebih panjang.

HUKUMAN AKTA SPRM 2009

Akta ini memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun, denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan:

- Gagal melapor pemberian, janji atau tawaran

Di bawah Seksyen 25 (1) dan (2) akan dikenakan denda tidak lebih RM100,000 dan penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

- Gagal melapor permintaan atau memperoleh

Di bawah Seksyen 25 (3) dan (4) akan didenda tidak lebih RM10,000 dan penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Mengikut teori demokrasi, salah satu mekanisme rakyat boleh membendung tingkah laku elit rasuah ialah pilihan raya.

Selepas pilihan raya ini, parti yang menang diharapkan dapat membentuk sebuah kerajaan berintegriti, stabil dan terus bersama-sama rakyat memerangi rasuah yang masih berleluasa demi masa depan negara dan generasi akan datang. Rasuah adalah ibu segala kegiatan jenayah dan kejahatan.

ELAK CAMPUR TANGAN POLITIK DAN RASUAH DALAM KERAJAAN

Oleh Datuk Seri Akhbar Satar

Ahli Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR)
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Saranan dan jaminan diberikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai menteri bakal dilantik menghormati sistem perkhidmatan awam sebagai tonggak dalam pentadbiran kerajaan adalah amalan terbaik. Pembahagian institusi negara kepada doktrin pengasingan kuasa adalah antara prinsip penting dalam sistem demokrasi mesti dihormati pimpinan negara.

Doktrin ini merealisasikan prinsip semak danimbang dengan setiap cabang, iaitu pemerintah (eksekutif); perundangan (legislatif) dan kehakiman (judisiari) berkuasa 'menyemak' dan 'menyeimbangkan' kuasa serta pelaksanaan masing-masing diberikan Perlembagaan.

Campur tangan politik yang bukan bidangnya, akan pincang dan merosakkan sistem demokrasi di negara kita. Ini isu integriti dan patut dihormati serta dicontohi pimpinan negara.

Sememangnya perkhidmatan awam menjadi tonggak utama negara. Peranannya penting untuk pembangunan ekonomi dan kemakmuran negara - menyatu dan mengukuhkan masyarakat, menjamin keselamatan, melindungi mereka terdedah bahaya hingga meningkatkan kualiti hidup rakyat seharian.

Dalam hal ini, menteri dan penjawat awam saling memerlukan kerana masing-masing memiliki kepakaran khusus untuk digunakan dalam menguruskan pentadbiran kerajaan.

Campur tangan politik dikatakan antara sebab sistem pentadbiran awam merosot prestasi dan kredibilitinya. Kedua-dua institusi ini juga dilihat ada menghadapi krisis integriti terutama rasuah dan salah guna kuasa.

Ada yang terpaksa ikut arahan menteri atau ahli politik untuk menjaga masa depan dalam kerjaya tetapi ada juga sama-sama 'kautim' atau terbabit terutama dalam pemberian kontrak dan lesen.

Ada yang label komponen budaya Malaysia terdiri pemimpin politik yang rasuah dan perkhidmatan awam yang makan suap. Jika ia benar dan masih berterusan, maka tiada harapan untuk masa depan negara.

Saranan Presiden Persatuan Alumni Pegawai Tadbir dan Diplomati (Alumni PTB), Tan Sri Abdul Halim Ali agar Kerajaan Perpaduan membawa kembali draf Akta Perkhidmatan Awam dirangka pada 2018 untuk dibentang dan diluluskan, bertujuan memberi perlindungan kepada institusi perkhidmatan awam adalah baik.

Akta ini dilihat mampu melindungi penjawat awam daripada kes kacau ganggu membabitkan ahli politik dan pihak berkaitan. Ia bukan sahaja bertindak memberi perlindungan kepada penjawat awam daripada mana-mana pihak, bahkan memperuntukkan tindakan boleh diambil ke atas kakitangan kerajaan tidak menjalankan tugas hakiki mereka

Ia juga bagi mewujudkan perkhidmatan awam profesional dengan persempadanan fungsi, bidang kuasa dan tanggungjawab jelas antara pihak pentadbiran dengan perkhidmatan awam.

Ia amat penting untuk mengelakkan sebarang campur tangan politik dalam proses pelantikan perkhidmatan awam dan dalam pengurusan pentadbiran serta kewangan terutama dalam urusan pemberian kontrak.

Penemuan audit menunjukkan ketirisan berterusan dan kerugian besar ditanggung kerajaan disebabkan ketidakpatuhan kepada prosedur operasi kewangan standard akibat gangguan berkenaan terutama dalam pemberian kontrak.

Kata salah seorang pegawai kerajaan berintergriti, di negara ini, pesan motosikal, dapat basikal, bayar harga kereta. Ini antara masih berlaku dalam kontrak kerajaan apabila kegiatan rasuah berleluasa dalam kalangan pegawai kerajaan dan ahli politik bersekongkol dengan kontraktor termasuk kartel.

Ternyata mereka tidak serik pakai gelang besi dan baju oren serta seterusnya masuk dalam jeriji besi. Perbuatan keji ini akan terus berlaku dan sukar diramal bila akan berakhir berdasarkan perkembangan mutakhir. Sesuatu patut dilaksanakan untuk membendung kegiatan rasuah.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyatakan kes rasuah membabitkan ketirisan dalam perolehan kerajaan dilihat semakin kritikal dan 50 peratus daripada kes terbabit membabitkan pegawai kanan agensi kerajaan. Statistik ini menyedihkan disebabkan kerugian wang rakyat begitu banyak.

Transparency International 2020 menganggarkan rasuah boleh bernilai antara 10 hingga 15 peratus daripada nilai sesuatu kontrak. Menurut Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP, hal ini akan merosotkan kepercayaan rakyat.

Data terbaru, Bank Dunia menganggarkan 20 hingga 30 daripada bajet untuk kontrak tiris. Ia sama dengan jangkaan bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang menganggarkan lebih 30 peratus nilai projek sektor awam di negara ini hilang akibat salah pengurusan dan rasuah.

Bayangkan berapa banyak jumlah simpanan dapat digunakan ataupun projek baharu dapat dilaksanakan dengan efektif menggunakan jumlah hilang itu.

Amalan rasuah, konflik kepentingan diri dan tidak telus dalam pengurusan antara faktor Malaysia dianggarkan mengalami kerugian antara RM40 bilion hingga RM60 bilion setiap tahun. RM1 bilion boleh digunakan sekurang-kurangnya membina 50 hingga 60 sekolah atau 6,000 kilometer jalan kampung.

Ada kajian menganggarkan Malaysia mengalami kerugian hampir RM3 trilion dalam tempoh 25 tahun akibat amalan rasuah serta ketirisan dalam pengurusan negara.

Setengah menteri ahli politik dan penjawat awam yang tiada integriti menggunakan faktor kuasa, peluang serta tekanan dan merasionalkan tindakan untuk melakukan jenayah rasuah. Mereka akan ikuti contoh tidak baik daripada pimpinan atasan dengan alasan semua orang melakukan rasuah.

Tiga kriteria penting untuk jadi pemimpin terutama menteri atau pegawai kerajaan ialah integriti, merit dan berani kerana benar. Dari segi integriti, jalankan tugas dengan betul dan tinggalkan yang tidak baik atau melanggar undang undang.

Kedua, hendaklah kita pastikan apabila hendak memilih ahli politik, kita tidak ada pilihan lain kecuali yang benar-benar mempunyai kelulusan, pakar dalam bidang tertentu dan bijaksana dalam menjalankan kewajipan pada rakyat dan negara, bukan kepentingan diri serta memperkayakan kroni.

Ketiga, paling mustahak, adalah berani kerana benar tetapi tidak ramai pemimpin kita ada kriteria ini. Di negara ini, apabila lawan pegawai atasan, sama ada ahli politik atau ketua jabatan, tentu masa depan gelap.

Disebabkan itu, tidak ramai berani kerana banyak kes apabila pegawai kerajaan lawan menteri atau timbalan menteri, mereka akan dimasukkan dalam senarai 'pool' atau diugut.

Hal itu diakui sendiri bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Borhan Dolah apabila menyebut ada pegawai awam dahulu pernah diugut dipecat oleh ahli politik. Imej ini tidak adil bagi pegawai kerajaan atau ahli politik tinggi integriti.



Ini menyebabkan pegawai kerajaan takut untuk melawan arahan langgar undang-undang. Perbuatan ini hendaklah dihentikan dengan memperkenalkan Akta Perkhidmatan Awam serta pilih menteri benar-benar kerja untuk rakyat dan negara, bukan masuk politik untuk memperkayakan diri dan hidup mewah.

Sebagai Perdana Menteri, Anwar perlu membuat keputusan demi masa depan negara, bukan kepentingan politik. Kita perlukan negarawan memikirkan masa depan generasi akan datang, bukan ahli politik menanti bila pilihan raya atau memiliki akhlak yang rendah.



TAN KANG SAI

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, negara kita digemparkan dengan banyak kes berprofil tinggi termasuk berkaitan kartel projek melibatkan nilai jutaan ringgit.

Kes-kes berkenaan telah menarik perhatian ramai pihak kerana individu yang terlibat dalam isu tersebut bukan setakat kakitangan peringkat bawah, malah pegawai berpangkat kanan di sektor awam serta pegawai penguat kuasa dengan penerimaan suapan berbilang wang tunai dan barangan bernilai.

Sebagai contoh, pada Oktober lalu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menahan 11 individu termasuk anggota polis dan penjawat awam kerana disyaki terlibat sindiket pengurangan saman trafik sejak 2016 sehingga kini melibatkan transaksi wang lebih RM5 juta.

Pada Septembar, SPRM menyeru pejabat Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bagi menjalankan siasatan berkaitan kes projek tebatan banjir mega bernilai ratusan juta ringgit. Susulan seruan itu, lapan individu melibatkan tujuh pegawai MBSA dan seorang kontraktor telah ditahan reman untuk membantu siasatan kes itu.

Jika ditinjau kembali kes-kes berkaitan yang pernah disiasat SPRM, isu sedemikian didapati telah lama wujud. Modus operandi penyelewengan yang menyebabkan ketirisan dana kerajaan dilakukan secara semberono dalam kelulusan kontrak projek kerajaan.

Pada 23 Julai tahun lalu, dua bekas Yang Dipertua (YDP) majlis perbandaran di Selangor ditahan reman selama enam hari kerana disyaki menerima rasuah daripada kontraktor projek dan pemaju perumahan di kawasan masing-masing. Turut ditahan reman, seorang kontraktor kerana dipercayai memberi rasuah bagi membolot projek ditawarkan di dua majlis perbandaran dikuitol oleh dua YDP berkenaan, dianggarkan mencecah jutaan ringgit sejak beberapa tahun lalu.

Melihat kepada fakta kes, bagi setiap projek yang diperoleh, kedua-dua bekas YDP berkenaan akan menerima habuan rasuah lima peratus daripada nilai projek. Selain itu, dua bekas YDP berkenaan turut menerima pelbagai bentuk suapan rasuah termasuk sebuah rumah bernilai RM1 juta, wang tunai berjumlah RM500,000 dan pakej pelancongan ke Eropah bagi meluluskan kebenaran merancang dan pembangunan milik sebuah syarikat pemaju perumahan.

Ini bermakna, tidak cukup dengan suapan yang diterima, malah semakin tinggi nilai projek, semakin besar habuan

mereka akan terima.

Susulan daripada penahanan tersebut, dua individu lagi yang terdiri daripada seorang pegawai daerah dan seorang juruukir bahan turut ditahan reman bagi membantu siasatan kes sama. Mereka dipercayai bersetongkol bersama syarikat kontraktor yang juga sindiket kartel bagi membolot projek bernilai puluhan juta ringgit sekurangnya di empat daerah di Selangor sejak 2012 lagi.

Fakta kes menunjukkan pegawai daerah di Selangor tersebut dipercayai telah menerima suapan dengan anggaran melebihi RM100,000 dalam pelbagai bentuk seperti wang tunai, pengubahsuaian rumah, deposit kereta dan bayaran perubahan sebagai balasan membantu syarikat milik kontraktor berkenaan mendapatkan kerja pembersihan kawasan, penyelenggaraan dan lain-lain kerja secara sebut harga dan tender di kawasan sekitar Selangor. Sementara juruukir bahan yang turut ditahan bersama juga dipercayai menerima suapan kewangan dan berbentuk barangan sebagai dorongan untuk membocorkan maklumat berkaitan tender kepada kontraktor bagi kerja pembersihan kawasan dan penyelenggaraan di Selangor.

Kewujudan sindiket dan kartel monopoli antara penjawat awam dan kontraktor swasta menjadi modus operandi bagi mereka yang sanggup mengadaikan prinsip integriti serta amanah walaupun jelas mengetahui tindakan tersebut akan memudaratkan agensi, negara serta maruah keluarga.

他说，船舶租赁公司 Pristine Offshore私人有限公司是第一期揭发2009年反贪会法令第 17A 条文成功破获的公司。这也是该法令自2020年6月1日生效，第一家被控的公司。此案证据建立单一且极具争议令，他们也有可被起诉。

在该法令之下，一旦有员工涉贪，其雇主企业可能因此被控。为此，雇主企业必须证明员工已接受足够的反贪培训，以说明有关涉贪员工的行为属于个人行为，与企业无关。

预防胜于治疗

反贪会一直以来强调执法、预防和社会教育三个主要策略。2017年大马反贪污学院（MACA）与美国诺丁汉特伦特大学合作开展专业课程，强调廉洁意识、情报、起诉和法律、专业实践和领导，并获得美国国际质量认证机构认可。所提供的课程也於2020年11月获得大马大学不资格基金架构

（MQA）认证。

阿占巴基表示，反贪会将在近期内持续投入教育与培训（TVE）学生事务署及反贪专员，同时也和反贪会学生会（AASP）合作在全国各地举办活动，提高学生反贪意识。

“学校方面，2014年启动过反贪教育英雄（RAE）活动，全国已有超过12万4000名学生和4100名教师参与，2018年起与教育部合作，在中小学低年级阶段引入反贪课程，将廉洁和反贪等融入道德教育（非文纳统英文学校）、公民教育、伊斯兰宗教和诚信课程。

在20所学校建立诚信信托，除此之外，也通过为本地著名运动员和名人提供反贪教育计划（OACP），反贪会机构内部培训与点。

至於第三阶段（Integrity Pact）为何设立独立监督者，阿占巴基解释，这是为了避免三者获取任何项目的好处。

他说，评审所有项目时，三方参与，例如涉及投标会和采购项目。

他也透露，反贪会计划与联合国毒品和犯罪问题办公室（UNODC）合作，针对公共私营部门和民众，制定以证据为基础的调查和研究，以获取更有效的数据和反贪会投资有效的政策和预防措施。

“作为廉洁、善政和反贪的守护者，我们必须坚定不移地决心和毅力结合，以履行赋予我们的责任，无论面对任何的挑战。我们承诺永远无懈、公平公正！”



首席专员丹斯里阿占巴基

反贪会近年成功解决许多备受瞩目的案件，如：	
1	1MDB：回收1MDB资产
2	SRC国际公司：挪用4200万令吉资金
3	Op Water：基础设施工程33亿令吉
4	Op Back：走私私烟案
5	Op Power：非加墨集团电视对比件，2018年至2021年期间损失高达23亿令吉
6	Op Mitra：挪用大马拓霸社会转型基金（MITRA）资金达2550万令吉
7	Op Bola-bola：非法采购服务以供应、印刷等价值4200万令吉的廉宜餐票项目遭揭发
8	Op Sticker：非法出售政府印章和临印工作准证项目（PLKS）
9	Op Hack：击退网络临时工作准证（PLKS）扫描器黑客集团
10	Op Kenali：涉及价值138万令吉的廉宜餐票的舞弊
11	Op Phantom：政府宣战公司（GLC）涉及价值逾23亿令吉的廉宜餐票项目
12	Op Sora：涉嫌价值33亿令吉的政府招标项目
13	Op SDB 2.0：接受金额超过2400万令吉的贷款，以批准本地公路项目2亿2400万令吉的贷款
14	Op Sealdoro：大马皇家海陆部队军（DBA）舞弊和贪污案
15	Op Selat：在商人捷报中以报回弊

反贪会2020年至2022年3月逮捕和拘捕数据（整体）		
年份	逮捕	控告
2020	968	525
2021	851	525
2022（截至3月）	704	266
总数	2563	1319

主动式情报调查

阿占巴基视察，2020年以前



ULANG TAHUN SPRM KE-55

IMBASAN TRANSFORMASI, PENCAPIAN DAN PERANCANGAN MASA HADAPAN

Hak dan kuasa yang diperuntukkan serta operasi dan siasatan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berubah berdasarkan era yang berbeza.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, tahun ini, SPRM menyambut ulang tahun ke-55 dan beliau mengalu-alukan semua pihak memberi komen kepada SPRM agar suruhanjaya ini menjadi lebih relevan, fokus dan berkesan pada masa akan datang.

Menurut beliau, SPRM telah melalui empat era evolusi dan evolusi pertama ialah pasca kemerdekaan yang mana terdapat dua agensi iaitu satu di bawah Jabatan Perdana Menteri yang menjalankan

kerja-kerja pencegahan rasuah dan pendidikan masyarakat manakala satu lagi ialah satu unit polis iaitu Cawangan Khas yang meniasat kes-kes kesalahan rasuah. Pada 1 Oktober 1967, Badan Pencegahan Rasuah (BPR) ditubuhkan dengan menggabungkan kedua-dua entiti tadi menjadikan identiti tersendiri yang bebas menjalankan tugas-tugas pencegahan rasuah khususnya tugas-tugas penyiasatan.

Bagi era kedua pula, BPR pada tahun 1972 telah ditukar nama kepada Biro Siasatan Negara (BSN) yang bukan setakat meniasat kes-kes rasuah namun juga meniasat kes-kes melibatkan keselamatan dan isu-isu sensitif negara.

Era ketiga berlaku apabila Akta Pencegahan Rasuah 1961 dan Akta Badan Pencegah Rasuah 1982 digabungkan dan dijadikan satu akta yang dinamakan sebagai Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Tahun 2009 pula menyaksikan era keempat apabila BPR menjadi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bermula pada 1 Januari 2009 dengan Akta baharu yang dinamakan sebagai Akta SPRM 2009. Ketika itu, mekanisme semak danimbang turut diwujudkan yang mana SPRM dipantau oleh lima badan pemantau bebas.

SIASATAN BERLANDASKAN IBI

Kata Azam, sebelum tahun 2000, banyak kes yang disiasat adalah reaktif yang mana BPR lebih kepada menunggu maklumat atau aduan daripada orang ramai, selepas tahun 2000, kaedah perisikan dan *undercover* digunakan untuk membongkar kes sindiket atau kes rasuah secara bergerombolan.

“Kaedah ini diperkembangkan lagi dan kini kami gunakan *Intelligence Based Investigations* (IBI) yang mana ia lebih proaktif. Kaedah ini digunakan untuk kes berprofil tinggi iaitu *Deep Analysis* dilaksanakan terhadap subjek-subjek, kemudian memulangkan aset kepada kerajaan.”

“Sejak tahun-tahun kebelakangan ini, kaedah tersebut digunakan untuk membongkar kes berprofil tinggi seperti Op Water, Op Power, Op Hack, 1MDB, SRC International dan lain-lain.”

SPRM telah merekodkan sebanyak 91.1 peratus atau 266 kes salah laku rasuah yang berakhir dengan sabitan daripada 292 kes yang selesai dibicarakan bagi tahun 2021 dan kejayaan tersebut melebihi kadar sabitan kesalahan rasuah sebanyak 90 peratus yang ditetapkan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023.

“Daripada segi pemulihan aset pula, tahun lalu, jumlah aset yang dilucutkan hak dan dipulangkan kepada Kerajaan Malaysia adalah sebanyak RM5.1 bilion,

iaitu 99.57 peratus daripada kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB).”

Jelas beliau, siasatan terhadap kes-kes berkenaan boleh dikatakan sebagai sangat mencabar kerana banyak kekangan yang dihadapi dari pelbagai aspek ketika menjalankan siasatan, namun, dengan kejayaan bermula daripada siasatan sehingga ke peringkat pendakwaan, ia membuktikan kemampuan dan kebolehan SPRM dalam mengendalikan kes berprofil tinggi dan kompleks yang bukan sahaja diiktiraf di negara ini malah di peringkat antarabangsa.

Selain kes 1MDB dan SRC International yang menjadi tumpuan, kes skandal rasuah *Op Water* juga antara pencapaian besar bagi SPRM dengan penyitaan paling besar iaitu wang tunai dan barangan lain seperti kenderaan mewah dan barang kemas bernilai jutaan ringgit.

“Sejak tahun 2012 sehingga hari ini, SPRM telah menggarapkan modul dalam operasi seperti modul risikan dan modul penyiasatan yang mana pendekatan tersebut bukan sahaja tertumpu kepada kes individu kecil malah melibatkan kerja perisikan dan penyiasatan serta menyerahkan isu tersebut kepada jabatan tertentu untuk tindakan lanjut sekali gus dapat menyelesaikan masalah dengan lebih efisien.”

Tambahnya, syarikat penyewaan kapal, Pristine Offshore Sdn. Bhd. menjadi syarikat pertama dituduh mengikut Seksyen 17A Akta SPRM 2009 iaitu kesalahan oleh organisasi komersial semenjak akta itu berkuat kuasa pada 1 Jun 2020 dan kes tersebut boleh dijadikan sebagai contoh kes dan peringatan kepada sektor korporat bahawa syarikat juga boleh dikenakan tindakan sekiranya didapati terlibat dalam sebarang salah laku yang bercanggah dengan Akta SPRM 2009.

Di bawah akta tersebut, majikan atau syarikat boleh dikenakan tindakan sekiranya kakitangan mereka didapati terlibat dengan salah laku rasuah, justeru, majikan atau syarikat perlu membuktikan langkahan-

langkah pencegahan telah diambil bagi membuktikan tindakan kakitangan terbabit tidak berkaitan dengan syarikat berkenaan.

MENCEGAH LEBIH BAIK DARIPADA MENGUBATI

SPRM selama ini mengamalkan tiga strategi utama iaitu penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan masyarakat. SPRM pada tahun 2017 telah berkolaborasi dengan Nottingham Trent University, United Kingdom untuk membangunkan modul kursus asas pegawai SPRM bertaraf profesional yang merangkumi modul siasatan, modul perisikan, modul pendakwaan dan perundangan, modul *professional practice* dan modul kepimpinan yang mendapat pengiktirafan daripada The Quality Assurance Agency International, United Kingdom. Pada masa yang sama, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah mendapat penarafan yang setaraf sebagai sebuah pusat pemberi pendidikan tinggi daripada *Malaysian Qualification Agency* (MQA) ini pada November 2020.

Beliau berkongsi bahawa SPRM akan melaksanakan pendidikan antirasuah menggunakan Modul Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) untuk pelajar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam tempoh terdekat.

Selain itu, suruhanjaya ini juga giat memberi nasihat dan memperuntukkan sejumlah dana kepada Kelab Angkatan Mahasiswa Antirasuah (AMAR) bagi menjalankan aktiviti meningkatkan kesedaran antirasuah dalam kalangan mahasiswa seperti penganjuran forum, debat dan pelbagai aktiviti di seluruh negara.

“Dari segi peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah, SPRM juga menganjurkan program Wira Anti Rasuah (WAR) sejak tahun 2014 dan sehingga kini program tersebut berjaya melibatkan lebih daripada 24,000 pelajar dan 4,100 guru di seluruh negara.”

“Dengan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, elemen antirasuah

juga diperkenalkan dalam buku teks sekolah rendah dan menengah secara berperingkat sejak tahun 2016 yang mana nilai integriti dan benci rasuah dimasukkan dalam buku teks Pendidikan Moral (Sekolah Cina dan Tamil), Pendidikan Sivik, Pendidikan Islam serta mata pelajaran Bahasa Melayu.”

“Di samping itu, Projek Kedai Jujur juga berjaya ditubuhkan di 20 buah sekolah dan bagi mendekati kanak-kanak, pendidikan rasuah juga dilancarkan melalui siri animasi popular Upin & Ipin dan Boboboi.”

Katanya, menerusi Pelan Antirasuah Organisasi (OACP), SPRM juga menyediakan khidmat nasihat dan menganjurkan forum serta bengkel bagi menyelesaikan masalah atau kelemahan dalam sistem atau prosedur jabatan berkaitan.

Berhubung persoalan pelantangan pemantau bebas dalam pelaksanaan *Integrity Pact*, jelasnya, pihak ketiga tidak dilantik atas faktor kepentingan dan kerahsiaan.

Ini kerana, katanya, bukan setiap projek memerlukan penglibatan pihak ketiga, sebagai contoh, projek melibatkan agensi penguat kuasa atau pertahanan awam dan negara.

Menurut beliau, tinjauan rasuah berdasarkan bukti atau pengalaman bukan sesuatu perkara baharu yang mana ia telah dilaksanakan oleh United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) di 20 buah negara di seluruh dunia. Justeru, SPRM sedang membuat perancangan untuk bekerjasama dengan UNODC dalam menggubal tinjauan atau kajian yang berdasarkan bukti untuk sektor awam, sektor swasta serta masyarakat umum supaya ia membantu dari segi penggubalan polisi dan tindakan pencegahan yang lebih tepat serta efektif.

“Sebagai penjaga integriti, tadbir urus yang baik dan antirasuah, kita harus berdiri teguh di samping keazaman yang sempurna dan ketabahan dalam menegakkan tanggungjawab yang diamanahkan, tidak kira apa jua cabaran kita hadapi tanpa rasa takut atau pilih kasih, dengan tegas, adil dan saksama.”

Antara kes profil tinggi yang disiasat SPRM

1. 1MDB - Pemulangan aset 1MDB
2. SRC International - Penyelewengan dana RM42 juta
3. Op Water - Dana projek infrastruktur mencecah RM3.3 bilion
4. Op Kartel - Penyeludupan daging import dari negara sumber tidak sah
5. Op Power - Sindiket bitcoin mencuri bekalan elektrik menyebabkan kerugian sehingga RM2.3 bilion bagi tempoh 2018 hingga 2021
6. Op Mitra - Penyelewengan dana Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) berjumlah RM26.3 juta
7. Op Bola-bola - Aktiviti rasuah berhubung perolehan tender perkhidmatan membekal, memproses, mencetak dan mengedarkan notis saman Polis Diraja Malaysia bernilai RM42 juta
8. Op Sticker - Kegiatan penjualan setem hasil kerajaan dan pelekat Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) secara haram
9. Op Hacks - Sindiket terbesar dalam pengeluaran pelekat palsu Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS)
10. Op Kenali - Kegiatan rasuah berhubung perolehan penyelenggaraan bernilai RM1.36 juta
11. Op Phantom - Kes rasuah membabitkan projek milik GLC bernilai lebih RM2.3 bilion
12. Op Raya - Sindiket kartel tender kerajaan projek bernilai RM3.8 bilion
13. Op SDB 2.0 - Kes menerima rasuah berjumlah lebih RM24 juta sebagai balasan meluluskan pinjaman lebih RM294 juta yang dibuat sebuah syarikat tempatan
14. Op Sukat - Pegawai penguat kuasa terlibat dalam melindungi lori lebih muatan dan kesalahan jalan raya
15. Op Sealord - Aktiviti rasuah dan penyelewengan di Depot Bekalan Armada (DBA), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)
16. Op Selat - Pemalsuan cop kemasukan bagi melintasi sempadan negara

STATISTIK TANGKAPAN DAN TUDUH (KESELURUHAN) TAHUN 2020 HINGGA OGOS 2022

TAHUN	TANGKAPAN	TUDUH
2020	998	552
2021	851	525
2022	704	266
JUMLAH	2,553	1,313

反貪會乘風破浪55載 高效轉型實行3大策略

邁入10月第一天，馬來西亞反貪污委員會（簡稱反貪會），迎來正式成立55周年。

通過“誠信、嚴正、公正”（Amniah, Teguh, Adil）的55周年主題，與反貪會一起檢點過去、現在與未來，了解這個被託以重任的國家機構，如何能取守攻打腐敗，將廉潔運送。

反貪會首席專員丹斯羅阿占巴基指出，轉型前的反貪會曾實行3大策略，即扶植、防堵與社會教育，俾能對抗貪污腐敗。

扶植，反貪會的表現是否出色，取決於“效率”。為了提高效率，他帶領反貪會集中人力和資源，專注于扶植、採購和大堂內3大領域。立志減少疏漏引發的貪污問題。

扶植，強預設防行動的模式舉世罕見。如今反貪會採用更主動的手段，比如以預警為基礎的調查方式（IP1）和調查小組管理理念（M1T），成功偵破多宗知名案件。

回顧反貪會的卓越表現，阿占巴基歸功於官員廉潔的氛圍。向他們傳達廉潔精神。

“一宗案件由8至10位調查專員負責，規模龐大，所需人手較多，我們一直力求不釋地工作，疫情時也未停歇。”

第四51億資產
官方統計顯示，2021年完成審理的202宗貪污案中，金額高達91.1B（266億），已超越2019-2020年國家反貪污計劃（NACP）設定的400億。

此外，超過女性佔及貪污，去年，高達114位女性因涉嫌貪污，58人獲起訴。

他認為，也許是因為時代在進步，越來越女性地位權利在提升，意味貪污的誘惑源在她們周圍。

與英國合作辦課程
“貪污者一般上都是被賦予責任與權力的掌櫃者，一旦別有他心，心生貪念者便墮下懸崖。”
另一成就則是首創在2009年大馬反貪污委員會令第17A條

下文成功發起的船舶租賃公司Pristine Offshore私人有限公司，在給企業帶來影響。

值得一提的是，大馬反貪污學院（MACA）在2020年獲得大馬學術資格鑑定機構（MQA）認證，也和英國成了傑特特大學合作開發專業課程，提高學術水平。

阿占巴基面臨面臨的8年，反貪會繼續加強3大策略，從資訊、技巧、人力到指令上与时俱进。



▲丹斯羅阿占巴基和反貪會開辦首屆30年，2020年獲委任為反貪會首席專員。

反貪藍圖 全面實行不偏廢

朝華不廢，又如何建立透明廉潔的國家。反貪會從各界下手，推動全民反貪。

- 政府及私人機構
 1. 針對制度和系統給與指導和助。
 2. 提供組織反貪污計劃（OACP）和貪污風險管理（CRM）訓練。
- 企業
 1. 在1987年所得稅第34(6)(b)條下文，企業和反貪會合作舉辦公益及公眾的半官辦及無政府元素的反貪活動，如半官辦和。
 2. 設立儲備小組（Kendal Jajak）
 - 兒童
 1. 透過Zoom和 EtenRobotet 授課反貪知識。
- 大學
 1. 推廣正貪污課程（EJAR）到

細看貪污趨勢 打擊腐敗不手軟

阿占巴基表示，反貪會計劃和聯合國毒品犯罪問題辦公室（UNODC）攜手制定民間調查研究，範圍包括公私領域或社會。

的標準地帶或成訊，阿占巴基難以設立政治解散會，現現在的司法令有關，提議了調查挑戰性。

一方面，他變現公民不願暴露外界對案件案件的審判，讓司法程序不受干預。

他指，反貪會一路走來，表現民實也有勇，但某些貪污腐

4大階段看反貪會變遷史

- 第1階段：
 1. 大馬成立前，曾經轄下的單位和皇家警察屬下的犯罪調查局各自進行民間調查協助。
 - 1987年10月1日，大馬成立反貪污局（SPR），當時的案件較多涉及公務員、執法機關和公共行政。
- 第2階段：
 - 1972年，反貪污局更名國家調查局，并賦予更大的權力調查和處理。反貪會全新案件。
 - 而且任命前教馬哈迪執政，國家調查局用“反貪污局”的名字，配合當時快速發展的經濟，1983年反貪污局被撤銷。
- 第3階段：
 - 此階段起步于1987年反貪污指令的誕生，這時反貪污局擁有更多權利去完成使命。
- 第4階段：
 - 2009年是重要轉折點，反貪污局舉會全新面貌，轉型為馬來西亞反貪污委員會（SPRM），四年生效的2009年馬來西亞反貪污委員會法令生效至今。
 - 5个獨立小組，即反貪腐小組、貪污事務特別委員會、投資委員會、運作評估小組、清海與防範貪污小組各有其責，給與監督與制衡的角色。反貪會更獨立、透明與提高的公信力。

都其來源自詳解。
他認為反貪會“只抓小魚”，因為反貪會偵破的多宗高度腐敗案件就是證明，而且都獲媒體報導。

“大眾有必要了解權力分立系統，反貪會手續調查核，調查報告轉變至給檢察官負責接查，我們無可干涉，也尊重

他們的決定。
更于廉正協社（Integrity Pact）為何不設立獨立監察者。阿占巴基解釋，這是为了避免第三者如何指探回口的機會。

“并非所有項目適合第三方參與，例如如及執法機構或國防的項目。”

國內高度矚目案件

1	一馬發展公司案（1MDB）—回收1MDB資產
2	SRC國際公司案—4200萬令吉
3	沙巴水門案—33億令吉
4	比特市倫電案—23億令吉
5	大馬印商社會轉型單位（Mitra）公啟運用案—2630萬令吉

反貪會調查統計 (2020年至2022年8月)

年份	被逮捕	被起訴
2020	998	522
2021	851	525
2022 (截止8月)	704	266
總數	2553	1313

ULANG TAHUN SPRM KE-55 TRANSFORMASI SECARA BERKESAN, PRAKTIK TIGA STRATEGI UTAMA

Hari pertama pada bulan Oktober merupakan Ulang Tahun Ke-55 SPRM.

Marilah kita sama-sama menghayati pengalaman lalu, kejayaan hari ini dan perancangan masa akan datang SPRM agar semua pihak lebih memahami peranan

agensi yang sehingga kini masih meneruskan usaha untuk memranggi jenayah rasuah atas tanggungjawab yang diamanahkan.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, selepas transformasi,

suruhanjaya ini menekankan tiga strategi utama dalam memerangi jenayah rasuah iaitu penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan masyarakat.

Katanya, pencapaian SPRM adalah berdasarkan keberkesanan dan bagi meningkatkan tahap keberkesanan tersebut, beliau menerajui suruhanjaya ini dengan memberi fokus kepada tiga sektor utama iaitu penguatkuasaan, perolehan dan *grand corruption* bagi mengurangkan isu ketirisan yang menjurus kepada salah laku rasuah.

Katanya, tindakan hanya menjalankan siasatan selepas menerima aduan telah *outdated* yang mana SPRM kini mengamalkan *Intelligence Based Investigations* (IBI) dan *Management Team-based Investigation* (MTI) iaitu langkah lebih proaktif dalam membongkar kes berprofil tinggi.

Ber cerita mengenai pencapaian SPRM, Azam berkata, kejayaan tersebut adalah hasil daripada usahasama pegawainya yang berani serta tabah dalam menjalankan tugas yang diamanahkan sehingga berjaya membantu dalam kemenangan kes pendakwaan.

“Setiap kes memerlukan kira-kira enam hingga tujuh pegawai penyiasat. Semakin besar skala kes, semakin ramai pegawai yang diperlukan. Justeru, kami tidak henti menjalankan tugas termasuk tempoh pandemik.”

LUCUT HAK RM5.1 BILION DAN PULANG KEPADA KERAJAAN

Berdasarkan statistik, SPRM telah merekodkan sebanyak 91.1 peratus atau 266 kes salah laku rasuah yang berakhir dengan sabitan daripada 292 kes yang selesai dibicarakan bagi tahun 2021 dan kejayaan tersebut melebihi kadar sabitan kesalahan rasuah sebanyak 90 peratus yang ditetapkan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023.

Sehingga Ogos tahun ini, SPRM berjaya menangkap seramai 704 individu yang mana

puratanya seramai 70 hingga 80 individu ditahan setiap bulan.

Selain itu, jumlah aset yang dilucutkan hak dan dipulangkan kepada Kerajaan Malaysia adalah sebanyak RM5.1 bilion, iaitu 99.57 peratus daripada kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Berhubung penglibatan golongan wanita dalam kes salah laku rasuah yang semakin berleluasa, pada tahun 2021, seramai 114 individu telah ditahan dan 58 individu daripada jumlah tersebut berjaya dituduh di mahkamah.

Beliau berpendapat, perkara ini berlaku mungkin disebabkan golongan wanita sekarang sudah memegang jawatan yang tinggi sama seperti lelaki, oleh itu, mereka juga didedahkan kepada ruang dan peluang untuk menerima atau memberi rasuah.

KERJASAMA DENGAN UK BANGUNKAN MODUL KURSUS ASAS PEGAWAI

“Kebiasaannya, mereka yang terlibat dalam salah laku rasuah merupakan individu berkuasa yang diberi tanggungjawab serta kepercayaan untuk melaksanakan sesuatu tugas dan apabila mereka dikaburi dengan sikap ketamakan, maka kegiatan rasuah berlaku ketika ada ruang dan peluang.”

Berhubung kejayaan kes pendakwaan pertama di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009, iaitu melibatkan syarikat penyewaan kapal, Pristine Offshore Sdn. Bhd., ia bukan sahaja membuktikan keberkesanan akta tersebut malah mampu dijadikan sebagai amaran kepada sektor korporat.

Satu lagi pencapaian yang dibanggakan ialah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah mendapat penarafan yang setaraf sebagai sebuah pusat pemberi pendidikan tinggi daripada Malaysian Qualification Agency (MQA) pada 2020 selain bekerjasama dengan Nottingham Trent University, United Kingdom dalam membangunkan modul kursus asas pegawai bagi meningkatkan tahap profesional pegawai SPRM.

Azam berharap dalam tempoh lima tahun akan datang, SPRM akan terus memperkasakan tiga strategi berkenaan, pada masa yang sama juga mengukuhkan lagi dasar, strategi, tenaga kerja dan akta supaya ia selaras dengan perkembangan masa.

Katanya lagi, susulan perkembangan teknologi, taktik rasuah semakin rumit dan SPRM menjalinkan kerjasama dengan Bank Negara Malaysia bagi menguruskan serta mengesan aktiviti dan wang rasuah yang dilakukan secara dalam talian.

PELAN ANTIRASUAH, LAKSANA SECARA MENYELURUH

Negara yang bersih dan telus tidak dapat diwujudkan tanpa mengatasi isu rasuah dari akar umbi. Justeru, SPRM mengambil langkah pencegahan secara menyeluruh bagi meningkatkan kesedaran setiap lapisan masyarakat supaya sama-sama memerangi jenayah rasuah.

Sektor awam

- Memberi panduan dan khidmat nasihat berhubung pelaksanaan dasar dan sistem.
- Menyediakan khidmat nasihat dan memberi bimbingan serta latihan bagi Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM).

Korporat

- Potongan cukai di bawah Seksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi syarikat atau korporat yang menganjurkan aktiviti berkaitan pencegahan rasuah dengan kerjasama SPRM tanpa bermotifkan keuntungan atau menyentuh isu politik semasa.

Universiti

- Modul Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR)

- Angkatan Mahasiswa Antirasuah (AMAR)

Sekolah rendah dan sekolah menengah

- Nilai integriti dan benci rasuah dimasukkan dalam buku teks Pendidikan Moral (Sekolah Cina dan Tamil), Pendidikan Sivik, Pendidikan Islam serta mata pelajaran Bahasa Melayu.
- Menganjurkan program Wira Anti Rasuah (WAR).
- Projek Kedai Jujur.

Kanak-kanak

- Pendidikan rasuah dilancarkan melalui siri animasi popular Upin & Ipin dan BoBoiBoy.

4 ERA EVOLUSI SPRM

Era pertama:

Dua agensi iaitu satu di bawah Jabatan Perdana Menteri yang menjalankan kerja-kerja pencegahan rasuah dan pendidikan masyarakat manakala satu lagi ialah satu unit polis iaitu Cawangan Khas yang menyiasat kes-kes kesalahan rasuah.

Pada 1 Oktober 1967, Badan Pencegahan Rasuah (BPR) ditubuhkan dan kes-kes yang ditangani ketika itu kebanyakannya melibatkan penjawat awam, isu-isu penguatkuasaan serta isu-isu pentadbiran awam.

Era kedua:

Pada 1972, BPR telah ditukar nama kepada Biro Siasatan Negara (BSN) yang diberi kuasa lebih sedikit untuk menyiasat kes-kes berkaitan rasuah, kes-kes melibatkan keselamatan dan isu-isu sensitif negara.

Selepas Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri Ke-4, BSN telah ditukar semula kepada BPR dengan akta yang diperbaharui iaitu Akta BPR 1982, sejajar dengan era modenisasi dan

perkembangan ekonomi.

Era ketiga:

Akta Pencegahan Rasuah 1961 dan Akta Badan Pencegah Rasuah 1982 digabungkan dan dijadikan satu akta yang dinamakan sebagai Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Era keempat:

Era paling penting apabila BPR menjadi SPRM bermula pada 1 Januari 2009 dengan Akta baharu yang dinamakan sebagai Akta SPRM 2009.

Pada masa yang sama, mekanisme semak dan imbang juga diwujudkan yang mana SPRM dipantau oleh lima badan pemantau bebas.

PANTAU TREND RASUAH, TIDAK KOMPROMI PERANGI AKTIVITI RASUAH DAN SALAH GUNA KUASA

Azam berkata, SPRM sedang membuat perancangan untuk bekerjasama dengan United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) dalam menggubal tinjauan atau kajian yang berdasarkan bukti untuk sektor awam, sektor swasta dan masyarakat umum.

Jelasnya, sekiranya berjaya, tinjauan berdasarkan bukti yang merangkumi tiga sektor dalam skala besar akan menjadi kajian yang pertama kali dilaksanakan di dunia.

Berhubung persoalan yang dibangkitkan berhubung dana politik dan rasuah, beliau memberi cadangan untuk mewujudkan akta berkaitan dana politik dan disebabkan akta sedia ada adalah terhad, maka cabaran yang dihadapi dalam isu tersebut juga lebih tinggi.

Sementara itu, beliau juga menyeru masyarakat umum supaya jangan mudah terjejas dengan pandangan pihak luar berkaitan sesuatu kes bagi mengelakkan

proses kehakiman terganggu.

Kata Azam, selama ini, usaha dan pencapaian SPRM menerima pujian dan juga kritikan dan kebanyakan pandangan negatif tersebut berpunca daripada salah faham.

Beliau menafikan SPRM hanya menangkap 'ikan bilis' kerana kejayaan SPRM dibuktikan menerusi pembongkaran kes-kes berprofil tinggi seperti yang dilaporkan dalam media.

"Masyarakat umum perlu jelas mengetahui tentang sistem pengasingan kuasa di negara ini yang mana SPRM berkuasa untuk menjalankan siasatan dan laporan siasatan akan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara. Keputusan sama ada untuk menuduh atau tidak adalah dalam tangan Jabatan Peguam Negara dan kami tidak berhak untuk campur tangan serta menghormati keputusan yang dibuat."

Berhubung persoalan pelantikan pemantau bebas dalam pelaksanaan *Integrity Pact*, jelasnya, pihak ketiga tidak dilantik atas faktor kepentingan dan kerahsiaan.

"Bukan setiap projek memerlukan penglibatan pihak ketiga, sebagai contoh, projek melibatkan agensi penguat kuasa atau pertahanan awam dan negara."

ANTARA KES PROFIL TINGGI YANG MENDAPAT TUMPUAN:

1. 1MDB - Pemulangan aset 1MDB
2. SRC International - Penyelewengan dana RM42 juta
3. Op Water - Dana projek infrastruktur mencecah RM3.3 bilion
4. Op Power - Sindiket bitcoin mencuri bekalan elektrik
5. Op Mitra - Penyelewengan dana Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) berjumlah RM26.3 juta

与大马反贪污委员会联手办醒觉运动 UDA 打造透明化管理朝“零贿赂”目标前进

城市发展控股(UDA Holdings Bhd)从事房地产开发及物业管理,他们的原意是成为一个优秀,并致力于提供最高品质的产品和服务。

一直以来,城市发展控股都非常关注自身企业在房地产领域的透明化管理,此次更是与大马反贪污委员会(反贪会)联手办醒觉运动,以示支持反贪污委员会的打击贪污与滥权的行动,带动企业朝“零贿赂”目标前进。

民智及经济事务研究中心(IDEAS)及商业诚信联盟(CBI)去年曾指出,造成房地产败坏高昂的其中原因即是贪污。此外,贪污问题也在该领域中导致服务与票价价格水涨船高。城市发展控股总裁兼首席执行官 Sr. 莫哈末沙林凯拉回应,身为房地产业发展有限公司(GLC)UDA 坚持以良好的企业管理,确保公司远离贪污恶习。

他说,从风险管理中,UDA 意识到贿赂行为始自规划阶段,建设甚至是在建造后都有可能发生贿赂;为了确保良好的管理,必须严格执行措施以创造透明、透明化及公正的决定。

现在在建筑业,贿赂的产生是因为在工程过程中存在的透明度低而导致,这更因为“人为”因素所造成。莫哈末沙林认为,如果所有的工作是在没有根据公司所制定的标准作业程序进行有效率、透明化且良好竞争,贿赂及贪污事件将可能发生。

“一个没有正确价值观的员工及管理,一旦填上了投机空间,难免会上当受骗,脚踏红线。因此,UDA 每年都会举办醒觉运动,其中包括自审局员及员工,从年度必须做个人资产及负债申报,以保障公司各阶段都有诚信价值。”

他进一步解释说,UDA 在进行中的工程里,除了强调效率及负责人员制,也采用诚信契约,让各个合作方在各自负责的领域中有责任感执行任务,共同防范、杜绝贪污及贿赂风险。

另外,UDA 曾于 2015 年推出收益共享宣言,让与 UDA 合作的商业伙伴透明化并避免犯错,其中包含承诺:

1) 双方不能为了得到工作、合约、投标及其他,而做付、出价、索取或接受贿赂;

2) 一旦发现违反上述行为,投标合约将被终止,取消合约,没收保证金列入黑名单;

3) 同违反上述行为的企团,将受到诚信契约或交予法庭检控。

莫哈末沙林也进一步讲解了 UDA 在达成“零贿赂”目标中,所采取的步骤。他说,UDA 于 2021

年获得了 ISO 37001:2016 反贪污管理系统 (ABMS), 这也在公司加入反贪污行动中的一项承诺,并完全融入公司名称的人力。UDA 也是企业发展和合作社(KUSKOP)监督的其中一个机构,并负责监督其诚信管理计划。

“除此之外,UDA 还是反贪会、马来西亚诚信研究所 (IM)、国际透明组织大马分会 (TI-M) 及马来西亚企业监管机构 (Malaysian Institute of Corporate Governance) 的智能共享及策略伙伴,以打造反贪生态及善治的工作文化。UDA 自 2021 年也开始由马来西亚诚信研究所发起的诚信评估工具 (IAT) 研究,迈向诚信及反贪的一个准绳。”

他强调,自 2022 年 1 月份开始,UDA 全体人员,包括董事局及高层都必须通过电子方式填写“诚信行为声明”。

他表示,申报负债与资产是获得董事局成员及高层支持的措施,是主动推广及应对腐败风险的行为;所有的董事成员及高层,包括他们的配偶都必须进行“资产与负债申报”的措施。这向 UDA 员工传达,申报自己的资产及负债,不仅是好的,不假提高了透明度,更提高了民众的信任。

“此举将确保 UDA 所拥有的资产与生活,与能力是相称的。无论是公司拥有资产、负债、有形的资产或负债已清楚,UDA 人员每年都必须通过人力资源系统提交自己的资产及负债。”

而及高力一个值得称赞的成功企业公司,有什么建议可以让其他公司也造成或更有达到“零贿赂”商业环境的愿望,莫哈末沙林回答说,国家廉政及反贪中心 (GIAACC)、反贪会、马来西亚诚信研究所、国际透明组织大马分会及其他非政府组织,积极推介各种诚信制度和策略,任何一家公司都可以采取适用的反贪污机制来杜绝及创造“零贿赂”环境。

他也列举了以下 4 项 UDA 所采取杜绝贿赂步骤:

1) 2021 年成为联合企业发展和合作社 (UDA 37001:2016 反贪污管理系统 (ABMS) 证书的首个企业机构后,UDA 在反贿赂的决心上,将拥有更坚固及全面的使命感。

2) UDA 与马来西亚诚信研究所、国际透明组织大马分会及马来西亚企业监管机构成为战略合作及智慧合作伙伴,致力提升企业透明的工作文化,打造有效率的企业生态体系。

3) UDA 自 2021 年开始研究由马来西亚诚信

研究所发展的年度诚信评估工具,以附属、基准标准及治理诚信与反腐败文化。

4) UDA 自 2022 年一月份开始实施企业年报资产与负债调查,此调查需由对 UDA 基层员工至董事局高层填写,必须诚信透明不作假。至于得到 UDA 如何得到反贪会,以及该委员会是否真的能处理及解决建筑业内收益贿赂问题,他赞赏说,无论是在建筑业还是其他领域,反贪会的反贪生态体系是非常全面的,尤其在执法方面、预防及调查及公民团体与私人团体的监督系统。

因此,UDA 支持及支持 2009 年反贪污委员会第 17A 条文的企业管理者,商业团体必须在他们属下的职员犯下贿赂案,以换取工资或其他利益时,同样面对法律制裁与惩罚。

在 2009 年反贪污委员会第 17A 条文中,注重于起诉及惩罚那些无端无端贿赂行为的商业团体;此条文于 2020 年 6 月 1 日开始执行与生效,以对付那些涉及贿赂行为者,无论行贿或接受的一方,都犯此条文。

“期望这项法律条文生效会为商界打造一个没有贿赂、公平及廉洁的环境,以此同时,也期待其他商界团体加入反贪行列,以期可以执行符合反贪的最好行政管理。”

他表示,2021 年 4 月 5 日,财政部部长罗敏申上任后,对马来西亚的诚信和反贪机制的公议政策,这更表现在反贪政策中,其中一项可以鼓励私人男团入,并且鼓励社会公益及慈善捐赠、反腐败文化。

在 1967 年所得税法第 3 (6)(b) 条文下,与民在晚上进行或参与非官方的诚信教育活动,例如举办讲座、论坛或媒体传播等活动的工作,反贪会申请扣除。

然而有关公司必须符合 3 项条件:1) 计划或活动必须与反贪会,不论是总部或分行或办事处;2) 计划或活动必须让公众受益(其中包括所有教育机构的大专生及在籍学生);3) 计划或活动不可涉及任何政治团体及不可涉及任何政治团体。身为财务部下的一家公司,UDA 欢迎及支持政府倡议企业社会责任 (CSR) 活动返取。

关于在 2009 年反贪污委员会第 17A 条文 (2018 年修正) UDA 在企业监管方面是否有面对过挑战,莫哈末

沙林凯拉答,实行企业监管是一条涉及各方面的步伐,必须按部就班、小心翼翼及循序前进,以期待各方面都能完善圆滑的连接。他补充,UDA 相信凭着有法律条文全面的,可以有有效的预防“零贪污”的企业公司;同时,UDA 也绝不向任何贪污行为的人员妥协。



城市发展控股 (UDA Holdings Bhd) 总裁莫哈末沙林凯拉

KERJASAMA DENGAN SPRM, ANJUR AKTIVITI KESEDARAN UDA WUJUDKAN SISTEM KETELUSAN, TUJU KE MATLAMAT 'SIFAR RASUAH'

UDA Holdings Bhd (UDA), syarikat peneraju pembangunan hartanah, pengurusan aset dan hospitality serta pengurusan fasiliti mempunyai visi dan misi untuk menjadi sebuah syarikat yang cemerlang dengan menghasilkan produk serta perkhidmatan yang baik.

Sepanjang tempoh ini, UDA menitik berat sistem pengurusan yang telus dalam sektor pembinaan dan sejak tahun-tahun kebelakangan ini, UDA juga menjalinkan kerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam menganjurkan program kesedaran antirasuah sebagai usaha untuk menyokong suruhanjaya tersebut dalam usaha memerangi jenayah rasuah serta mara ke matlamat 'sifar rasuah'.

Tahun lalu, Institut Hal Ehwal Demokrasi dan Ekonomi (IDEAS) dan Coalition for Business Integrity (CBI) menyatakan bahawa antara punca kos pembinaan hartanah meningkat adalah disebabkan rasuah dan selain itu, kesan rasuah dalam sektor itu juga meningkatkan kos harga barangan konsumer dan perkhidmatan.

Berhubung perkara itu, Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif UDA Holdings Bhd, Sr. Mohd. Saleem Kailany berkata, sebagai pemaju hartanah yang juga syarikat berkaitan kerajaan (GLC), UDA sentiasa mengamalkan tadbir urus korporat yang baik bagi memastikan UDA sebagai sebuah syarikat pembangunan hartanah yang bebas rasuah.

Katanya, menerusi pengurusan risiko, UDA sedar bahawa rasuah boleh berlaku bermula dari fasa perancangan, pembinaan sehingga ke fasa pasca pembinaan dan bagi memastikan tadbir urus yang baik, langkah-langkah proaktif perlu dilaksanakan untuk mewujudkan serta membudayakan kecekapan, ketelusan dan integriti dalam membuat keputusan.

Mengulas sama ada aktiviti rasuah dalam sektor pembinaan berpunca daripada kelompongan atau kelemahan dalam proses kerja atau disebabkan *human factor*, beliau berpendapat kegiatan rasuah boleh berlaku sekiranya kerja-kerja yang dijalankan tidak mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan termasuk gagal menerapkan nilai tadbir urus korporat dan budaya kerja yang telus serta kompetitif.

"Selain itu, ia juga boleh berlaku sekiranya terdapat ruang dan peluang, justeru, bagi memastikan nilai integriti dipupuk di setiap peringkat, UDA mengadakan kempen kesedaran setiap tahun, antaranya pelaksanaan Deklarasi Aset dan Liabiliti yang mana setiap anggota, bermula daripada peringkat Ahli Lembaga Pengarah serta warga kerja UDA perlu membuat pengisytiharan aset dan liabiliti secara tahunan.

Menerusi Polisi Anti Rasuah dan Integriti, jelasnya, UDA pada tahun 2015 telah memperkenalkan Pakatan Integriti Perolehan bagi memastikan rakan niaga Kumpulan UDA menjauhi perbuatan dan salah laku berkaitan rasuah, yang mana:

- 1) Kedua-dua pihak tidak boleh membayar, menawar, meminta atau menerima rasuah untuk mendapatkan sebarang bentuk pekerjaan, kontrak, tender dan sebagainya.
- 2) Sekiranya berlaku pelanggaran atau ketidakpatuhan, pembida boleh ditamatkan kontrak, hilang kelayakan bidaan, pelucutan hak wang kesungguhan dan disenarai hitam.
- 3) Kakitangan yang terlibat boleh dikenakan tindakan tatatertib atau dimajukan kepada agensi penguatkuasaan untuk tindakan selanjutnya.

Mohd. Salem juga berkongsi langkah-langkah yang diambil untuk mencapai matlamat 'sifar rasuah', antaranya memperoleh pensijilan ISO 37001: 2016 Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) pada tahun 2021 sebagai satu strategi yang dapat memperkukuh komitmen pencegahan rasuah secara lebih menyeluruh mencakupi segenap lapisan warga kerja UDA.

Tambahnya, UDA yang juga salah sebuah agensi di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) merupakan agensi pertama menerima pensijilan tersebut.

"Di samping itu, UDA turut menjalinkan kerjasama strategik dan perkongsian pintar dengan SPRM, Institut Integriti Malaysia (IIM), Transparency International - Malaysia (TI-M) dan *Malaysian Institute of Corporate Governance* (MICG) dalam usaha memartabatkan budaya kerja berintegriti serta mewujudkan ekosistem pencegahan rasuah yang efektif. Selain itu, UDA pada tahun 2021 juga melaksanakan kaji selidik tahunan *Integrity Assessment Tools* (IAT) yang dibangunkan oleh IIM bagi mengukur dan menanda aras amalan dan budaya tadbir urus, integriti dan antirasuah di UDA."

Tegas beliau, bermula Januari 2022, UDA melaksanakan Deklarasi Aset dan Liabiliti secara tahunan yang mana seluruh warga kerja UDA, termasuk Ahli-Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi UDA dikehendaki membuat pengisytiharan secara elektronik. Pada masa yang sama, komitmen dan iltizam antirasuah yang dimanifestasi Lembaga Pengarah dan Pengurusan UDA di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, 2021-2025 bagi 'Memperkukuh Ekosistem Tadbir Urus' juga selaras dengan pelan tindakan berkenaan untuk mendukung integriti, ketelusan serta keberkecualian.

Tambahnya, pelaksanaan Deklarasi Aset dan Tanggungan adalah hasil daripada dokongan serta komitmen Ahli-Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi untuk mempromosi segala bentuk inisiatif dalam menangani risiko rasuah yang

mana semua peringkat termasuk Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan UDA serta semua anggota pekerja termasuk pasangan mereka perlu mengisytiharkan harta dan tanggungan yang dimiliki atau diwarisi oleh diri sendiri atau pasangan. Objektif pelaksanaan inisiatif tersebut adalah bertujuan mencegah rasuah, konflik kepentingan dan penyalahgunaan kuasa serta meningkatkan ketelusan dan kepercayaan awam.

“Pada masa yang sama, ia juga bagi memastikan pemilikan harta dan gaya hidup anggota pekerja adalah seimbang dengan kemampuan. Oleh yang demikian, pengisytiharan ini perlu dilakukan setiap tahun menerusi sistem Sumber Manusia walaupun tanpa sebarang harta atau tanggungan, semasa menyertai UDA, semasa memperolehi harta atau tanggungan baharu serta semasa pelupusan harta.”

Mengulas mengenai harapan beliau dalam menerajui sebuah syarikat korporat yang berjaya dan menjadi contoh kepada syarikat lain serta saranan atau cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh syarikat lain bagi mewujudkan persekitaran perniagaan bebas rasuah, beliau berkata, pelbagai mekanisme dan infrastruktur pencegahan rasuah diperkenalkan oleh Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC), SPRM, IIM, TI-M serta pelbagai NGO dan mana-mana syarikat boleh mengguna pakai tatacara pencegahan rasuah yang tersedia, bersesuaian dengan bentuk-bentuk dan kadar risiko rasuah yang dihadapi.



Beliau memberi empat contoh langkah pencegahan yang diambil oleh UDA bagi mewujudkan persekitaran bebas rasuah iaitu:

1) Pada tahun 2021, UDA telah memperoleh pensijilan ISO 37001: 2016 Sistem Pengurusan Anti Rasuah dan menjadi agensi pertama di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang menerima pensijilan tersebut. Ia merupakan strategi yang dapat memperkukuh komitmen pencegahan rasuah secara lebih menyeluruh.

2) UDA menjalinkan kerjasama strategik dan perkongsian pintar dengan SPRM, IIM, TI-M dan MICG dalam usaha memartabatkan budaya kerja berintegriti serta mewujudkan ekosistem pencegahan rasuah yang efektif.

3) UDA pada 2021 juga melaksanakan kaji selidik tahunan IAT yang dibangunkan oleh IIM bagi mengukur dan menanda aras amalan dan budaya tadbir urus, integriti dan antirasuah di UDA.

4) UDA pada Januari tahun 2022 telah melaksanakan 'Deklarasi Aset dan Liabiliti' secara tahunan yang mana seluruh warga kerja UDA, termasuk Ahli-Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi UDA dikehendaki membuat pengisytiharan secara elektronik.

Mengenai bagaimana UDA melihat SPRM sebagai sebuah agensi pencegahan rasuah yang dapat membantu menangani isu rasuah dalam sektor pembinaan dan perolehan, beliau memuji suruhanjaya tersebut kerana tidak kira dalam sektor pembinaan mahupun mana-mana sektor, peranan SPRM dalam ekosistem pencegahan rasuah amat komprehensif, terutama dari segi aspek penguatkuasaan, program kesedaran dan sistem sokongan yang ditawarkan kepada organisasi awam serta swasta.

Dalam pada itu, tambah beliau, UDA juga menyokong dan menyambut baik penguatkuasaan liabiliti korporat yang merujuk kepada Seksyen 17A Akta SPRM 2009 iaitu kesalahan membabitkan

organisasi komersial yang mana organisasi komersial boleh didakwa dan dihukum sekiranya membenarkan pegawai atau kakitangannya terlibat dalam aktiviti rasuah rasuah untuk memperoleh sesuatu projek atau mendapat apa-apa faedah bagi organisasi komersial berkenaan.

Seksyen 17A Akta SPRM 2009 meletakkan beban pencegahan rasuah ke atas organisasi komersial dan pengurusannya yang mana kegagalan untuk mencegah rasuah boleh didakwa dan dihukum di bawah peruntukan akta tersebut. Peruntukan itu mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2020 dan tindakan akan dikenakan terhadap mana-mana pihak yang menawar, menjanjikan atau memberi suapan.

"Dengan penguatkuasaan ini, semoga ia dapat mewujudkan persekitaran perniagaan yang adil, bersih dan bebas rasuah. Dalam masa yang sama, diharap juga ia dapat menggalakkan organisasi komersial lain untuk melaksanakan usaha pencegahan rasuah dalam organisasi serta mempromosikan tadbir urus baik dan pematuhan undang-undang pencegahan rasuah."

Menurut Mohd. Salem, Menteri Kewangan pada 5 April 2021 secara dasar meluluskan potongan cukai kepada syarikat yang melaksanakan program integriti dan antirasuah yang memberi manfaat kepada komuniti dan tindakan tersebut adalah salah satu daripada usaha-usaha pencegahan rasuah kerajaan dalam menggalakkan syarikat swasta supaya mengambil bahagian dalam melaksanakan program integriti dan antirasuah bagi menyemarakkan lagi budaya integriti serta benci rasuah dalam kalangan masyarakat.

Syarikat layak mendapat potongan cukai jika menjalankan aktiviti pendidikan atau kemasyarakatan berkaitan integriti dan antirasuah secara bersemuka atau dalam talian, sama ada menerusi seminar, forum atau menerusi hebahan media.

Antara tiga syarat untuk mendapatkan potongan cukai pendapatan ialah:


1. Program atau aktiviti mesti dijalankan dengan kerjasama SPRM sama ada di peringkat Ibu Pejabat SPRM atau SPRM negeri.
2. Program atau aktiviti hendaklah memberi manfaat kepada masyarakat umum (termasuk pelajar institusi pendidikan tinggi dan murid sekolah)
3. Program atau aktiviti bukan bermotifkan keuntungan dan tidak menyentuh isu politik semasa.



Selaku syarikat di bawah Kementerian Kewangan, UDA menyambut baik inisiatif tersebut dan menyokong usaha kerajaan yang menekankan dasar Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

Berhubung isu dan cabaran UDA dalam memperkasakan *corporate governance* bagi memenuhi keperluan garis panduan tatacara mencukupi di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 (Pindaan 2018), kata beliau, pemerkasaan *corporate governance* merupakan perjalanan membabitkan keterlibatan semua pihak yang dilaksanakan secara beransur-ansur dan teliti agar dapat meningkatkan lagi keberkesanan tatacara supaya dapat diterima oleh semua pihak dengan lebih sempurna dan inklusif.

Tambahnya, UDA melihat penguatkuasaan Seksyen 17A Akta SPRM 2009 dapat menjadi garis panduan dalam mewujudkan syarikat yang sifar rasuah kerana menerusi seksyen tersebut, tiada pihak terkecuali dan UDA juga tidak akan berkompromi dengan mana-mana pegawai yang terbabit dengan salah laku rasuah.



Kompilasi Rencana Bahasa Tamil

Madeline berkata, Malaysia mungkin menjadi sasaran kepada sindiket bagi aktiviti pemerdagangan manusia disebabkan sistem dalam negara yang mungkin mudah dimanipulasi oleh pihak tertentu, yang boleh menggalakkan rasuah berleluasa.

Secara amnya, jika sesuatu perbuatan menyalahi undang-undang, ia sudah tentu melibatkan perkara-perkara yang tidak bermoral seperti rasuah. Begitu juga, rasuah mungkin terlibat dalam pelbagai peringkat dalam isu ini. Kita sering mendengar tentang pengesanan gejala rasuah di pelbagai peringkat agensi penguat kuasa dalam kes pemerdagangan manusia termasuk di negara membangun yang lain.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memainkan peranan dalam menyiasat kegiatan rasuah yang dikaitkan dengan isu pemerdagangan manusia dalam negara. Namun tanggungjawab tersebut harus dipikul oleh semua pihak. Semua agensi penguat kuasa yang terlibat perlu bekerjasama dan secara konstruktif berusaha untuk membendung aktiviti pemerdagangan manusia daripada terus berlaku di negara ini.

SPRM memandang serius isu pemerdagangan manusia kerana isu ini membabitkan hak asasi manusia dan seterusnya keselamatan negara.



Jenayah pemerdagangan manusia bukan sesuatu yang baharu malah ia sudah lama berlaku. Kesedaran dalam masyarakat adalah sangat perlu bagi mengatasi isu tersebut. Majikan dalam negara kita harus berhenti mengambil pekerja secara tidak sah untuk keuntungan diri dan seterusnya harus menyokong langkah-langkah keselamatan dan penguatkuasaan yang diambil oleh kerajaan dalam hal ini. Sekiranya rakyat bersama-sama berusaha dengan agensi penguat kuasa dan kerajaan, isu pemerdagangan manusia akan dapat diatasi secara keseluruhan.

Dalam pada itu, pihak media perlu mengambil inisiatif untuk melaporkan kejadian atau isu melibatkan pemerdagangan manusia bagi memberi kesedaran kepada masyarakat.





Ibu Pejabat SPRM
No. 2, Lebuh Wawasan,
Presint 7, 62250 Putrajaya.

 +603-8870 0000
 +603-8870 0901

www.sprm.gov.my